

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 32**Rabu****8 September 2004**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004 (Halaman 26)

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.4, B.7 & B.9 (Halaman 120)

USUL:

Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.1) 2004 (Halaman 26)

Jawatankuasa:-

Maksud P.6 (Halaman 120)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 8 September 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah 'Open Sky Policy' dimanfaatkan sepenuhnya untuk membawa pelancong ke Malaysia. Nyatakan berapa penerbangan sebulan diadakan dan negara mana yang terlibat.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Udara Liberal (Open Sky) yang diamalkan oleh kerajaan adalah bertujuan mengembangkan rangkaian perkhidmatan udara antarabangsa di antara Malaysia dengan negara-negara lain, di samping menggalakkan lebih banyak syarikat penerbangan asing mengadakan perkhidmatan ke negara ini.

Pada masa ini Malaysia telah pun mewujudkan perjanjian-perjanjian perkhidmatan udara dengan sebanyak 82 buah negara asing. Perjanjian-perjanjian ini termasuk perjanjian bercorak 'Open Sky' dengan beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Austria, Denmark, Ireland, Luxembourg, New Zealand, Norway, Qatar, Sweden, Emiriah Arab Bersatu, Lebanon dan Bahrain.

Di samping perjanjian-perjanjian yang memberi hak-hak trafik yang liberal dengan negara-negara yang lain seperti Australia, Hungary, Indonesia, Thailand dan Republik Rakyat China. Di samping mengamalkan Dasar Udara Liberal atau 'Open Sky', kerajaan juga telah menyediakan beberapa program intensif bagi menggalakkan syarikat penerbangan asing beroperasi ke Malaysia. Misalnya mulai Mei 2002,

syarikat penerbangan baru yang sedia ada, yang memperkenalkan *service* baru ataupun menambah frekuensi ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur diberi pengecualian sepenuhnya untuk caj pemakiran dan pendaratan bagi tempoh lima tahun. Program intensif ini juga telah diperluaskan keempat lapangan terbang antarabangsa lain di Malaysia iaitu di Langkawi, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching. Di samping itu kerajaan juga memberi bantuan pemasaran dan promosi bagi syarikat-syarikat penerbangan baru yang mengadakan penerbangan ke KLIA ataupun yang mengadakan penerbangan dari destinasi baru ke KLIA.

Amalan Dasar Udara yang Liberal ataupun 'Open Sky' serta program-program insentif ini telah membantu menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa mengadakan operasi penerbangan ke Malaysia dan dengan itu menyumbang di antara lain pada pembawaan lebih ramai pelancong ke Malaysia.

Pada masa sekarang terdapat secara purata sebanyak 4,841 penerbangan antarabangsa sebulan di lapangan-lapangan terbang antarabangsa di Malaysia dari sebanyak 44 buah negara asing. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran.

Tuan Ronald Kiandee [Beluaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat dalam keadaan sekarang *expansion* terhadap 'Open Sky Policy' ini banyak tertumpu pada KLIA, sedangkan fokus kita ada tiga lagi lapangan terbang yang juga dijadikan sebagai lapangan terbang destinasi untuk 'Open Sky Policy'. Adakah lapangan terbang-lapangan terbang yang lain selain daripada KLIA, tiga yang lain itu termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu kerana keadaan kapasitinya menjadi penghalang kepada *expansion* terhadap 'Open Sky Policy' ini untuk diperbanyakkan di tiga lapangan terbang yang lain, dan apakah perancangan kementerian untuk menaiktarafkan kemudahan yang boleh diperolehi untuk tiga lapangan yang lain selain daripada KLIA?

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat, dalam masa yang terdekat ini kementerian sudah mengkaji untuk membuat persediaan untuk menerima pelancong-pelancong daripada luar negara bukan hanya setakat KLIA sahaja bahkan kita telah bincangkan dan telah mengkaji bahawasanya lapangan terbang umpamanya Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan juga Kuching telah kita rancang untuk memperbesarkan dan menyediakan pelbagai kemudahan untuk menerima pelancong-pelancong yang pada hari ini nampaknya akan

meningkat dalam masa yang terdekat ini. Ini adalah sesuatu yang kementerian telah membuat sebagai satu kajian untuk memperkemas lagi dari segi lapangan terbang-lapangan terbang ini, dari segi kemudahannya untuk menerima kedatangan pelancong-pelancong daripada luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Langkawi.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, apakah bentuk kerjasama di antara Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pelancongan dan Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan dan kementerian-kementerian lain untuk membawa lebih ramai pelancong ke Malaysia kerana kita tahu tanpa pengurusan yang berterusan sudah tentulah pelancong tidak akan datang. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Memang ada kerjasama daripada satu masa ke satu masa, yang mana Kementerian Pengangkutan ada perbincangan dengan kementerian-kementerian yang berkaitan, yang boleh menolong dan membantu kita mendapat pelancong-pelancong yang lebih ramai daripada luar negara. Kalau kita tengok baru-baru ini begitu ramai pelancong daripada negara Arab Saudi dan juga daripada Asia Timur yang melancong ke negara kita dan kita memikirkan ini adalah sesuatu yang perlu kita pertingkatkan dan perbincangan ini adalah berterusan daripada satu masa ke satu masa, yang mana kita memerlukan kerjasama daripada pihak kementerian-kementerian yang lain. Terima kasih.

2. **Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan usaha yang berterusan yang dijalankan oleh kerajaan untuk memerangi penyakit AIDS di seluruh negara sekarang.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan dan beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan telah merancang dan melaksanakan banyak program pencegahan rawatan dan penjagaan HIV/AIDS di negara ini. Antara usaha-usaha berterusan yang dijalankan adalah melalui:

- i) aktiviti promosi dan pendidikan kesihatan HIV/AIDS, pemantauan atau *surveillance*, jangkitan HIV dan penyakit AIDS seluruh negara;
- ii) Program Sihat Tanpa AIDS Untuk Remaja atau dikenali sebagai PROSTAR;
- iii) aktiviti ujian dan kaunseling HIV secara sukarela serta aktiviti penjagaan kesihatan di klinik-klinik kesihatan;
- iv) program kawalan HIV di penjara, di pusat serenti, latihan kepada anggota-anggota kesihatan, aktiviti penyelidikan serta penyediaan kemudahan penjagaan; dan
- v) kaunseling sokongan serta insentif kepada pesakit HIV/AIDS dan kaum keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amatlah prihatin terhadap pesakit-pesakit HIV di mana banyak kemudahan perubatan dan perawatan disediakan di semua hospital yang ada kemudahan pakar serta di klinik-klinik kesihatan di seluruh negara. Ini termasuk :

- (i) memperluaskan kemudahan rawatan Anti-Retroviral (ART) di hospital-hospital yang dapat memanjangkan hayat pesakit HIV serta melewati kematian ekoran daripada AIDS;
- (ii) memperluaskan kemudahan pengurusan penghidap HIV/AIDS di klinik-klinik kesihatan seluruh negara;
- (iii) menyediakan bantuan teknikal dan kewangan kepada NGO khususnya Majlis AIDS Malaysia; dan
- (iv) meningkatkan pendidikan kesihatan dan kempen kesedaran kepada masyarakat dan keluarga yang terlibat dalam bentuk memberikan bantuan dan penjagaan serta mengurangkan stigma dan diskriminasi ke atas pesakit AIDS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat Datuk dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita dapati bahawa pesakit-pesakit AIDS walaupun bermacam-macam cara telah kita lakukan, tetapi bilangan pesakit

semakin hari semakin bertambah. Di negeri Johor telah mengadakan satu langkah pencegahan yang saya rasa berterusan bagi memastikan generasi-generasi yang akan datang bebas daripada dijangkiti atau diserangi oleh penyakit AIDS. Jadi soalan saya adakah kementerian akan mencadangkan untuk mewajibkan ujian HIV terhadap semua bakal pengantin di Malaysia, sebagai salah satu cara untuk pencegahan dan memastikan generasi dan warga yang akan datang bebas daripada penyakit AIDS sebagaimana yang dibuat di negeri Johor. Sekian terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Batu Pahat pasti sudah jalankan ujian HIV. *[Ketawa]* Terima kasih di atas soalan tambahan.

Saya akui bahawa kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Batu Pahat memang betul, sehingga kini mengikut statistik kita mempunyai tiap-tiap hari 19 kes baru HIV dan tiga kematian tiap-tiap hari daripada AIDS.

Soalan kedua yang dinyatakan sama ada Kementerian Kesihatan ada kuasa untuk mewajibkan. Jawapannya tidak. Kementerian tidak ada kuasa. Kerajaan Johor buat melalui enakmen yang diberikan melalui Jabatan Agama di mana mewajibkan tiap-tiap pasangan. Itu pun menjadikan satu polemik kerana ada setengah sebab, terutama sekali menjalani ujian HIV ini adalah atas kesukarelaan individu dan kita tidak boleh paksa. Itu hak asasi manusia. Walaupun negeri Johor membuat pendekatan sedemikian, ada kesan positif dan baik tetapi, Kementerian Kesihatan tidak ada kuasa. Kita punya kuasa amat *limited* dan Yang Berhormat sedia maklum bahawa, HIV dan AIDS, asalnya adalah masalah sosial, tetapi, kesan dia adalah kesan kepada isu kesihatan dan perubatan. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa masalah bukan kepada kuasa, kepada kementerian bahawa ujian ke atas HIV ini bukan satu cara untuk pencegahan kerana setelah diuji negatif, kemudian masih ada. Kalau melakukan tingkah laku-tingkah laku yang berbahaya, masih boleh mendapat HIV. Jadi, ini bukan satu *prevention measure*. Yang saya hendak tanya ialah, baru-baru ini di Conference ASEAN, satu AIDS *Conference* di Thailand, bahawa Presiden *Malaysian AIDS Council*, Marina Mahathir mengatakan bahawa kerajaan masih kekurangan dalam pencegahan, terutamanya di kalangan penagih dadah yang menggunakan suntikan iaitu penyebaran HIV di antara mereka. Kerajaan masih enggan meluluskan *harm reduction measure* iaitu mengajar atau mendidik penagih

dadah untuk membersihkan jarum mereka kerana mereka telah tidak mampu atau tidak berupaya untuk berhenti mengambil dadah ini. Jadi, mereka perlulah kurangkan risiko untuk mendapat HIV.

Seorang Ahli: Dia punya soalan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya mesti memberi latar belakang, kalau tidak mereka tidak faham. [*Dewan gamat seketika*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mereka sudah faham.

Puan Chong Eng: Jadi, adalah penting jarum mereka tidak dikongsi dan kalau berkongsi, mesti bersihkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Puan Chong Eng: Jadi, apakah pendirian ataupun pendekatan kementerian, adakah kementerian akan membenarkan program ini *Harm Reduction Programme* ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latif Ahmad: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam terima kasih. Saya tidak pasti jarum mana yang lebih berkesan? [*Ketawa*]. Tuan Yang di-Pertua...

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Datuk Dr. Abdul Latif Ahmad: Saya tengah jawab, duduklah. *This is my floor.*

Puan Chong Eng: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Dia fahamlah, fahamlah. Sekarang fahamkah Yang Berhormat?

Seorang Ahli: Fasal jarum ada banyak saiz. [*Ketawa*]

Datuk Dr. Abdul Latif Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani isu AIDS dan HIV, mana-mana kerajaan dan mengikut saranan WHO, tidak ada lagi kerajaan yang dapat menangani isu-isu pencegahan, pendidikan serta mengongkong masalah AIDS dan HIV ini secara berkesan. Hanya dengan tindakan kerajaan. Belum ada lagi kerajaan dalam mana-mana negara. Yang itu saya perlu terangkan supaya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam faham.

Sebab itu, kita tahu peranan yang dimainkan oleh NGO kerana NGO mempunyai rangkaian serta *network* yang berkesan dan NGO memang mereka tidak ada kuasa. Kerajaan ada kuasa, tetapi bila pegawai-pegawai kerajaan melakukan aktiviti-aktiviti pendidikan, pencegahan, ternyata tidak berkesan kerana ada stigma

takut kepada pegawai kerajaan. Sebab itu, kita Kementerian Kesihatan peruntukkan tiap-tiap tahun RM4 juta kepada Majlis AIDS Negara untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ini supaya mereka lebih kenal dengan lebih rapat pengamal-pengamal atau mereka yang terlibat dalam HIV dan AIDS. Kalaupun teori Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mengatakan kita bagi lagi banyak jarum, Yang Berhormat bagi Jerai kata jarum besarkah, jarum kecil, ini juga tidak pasti boleh mengekang jangkitan HIV kepada rakan-rakan mereka yang lain. Jadi, Yang Berhormat tanya soalan tetapi Yang Berhormat pun tidak faham apa soalan Yang Berhormat tanya.

Puan Chong Eng: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mana satu?

Tuan Lim Kit Siang: Perkataan *insensitive* dan *gender insensitive* dan sangat *sexist* dan sangat *offensive* yang ada dibalaskan sebagai jarum besar dan beberapa jenis. Ia patut tarik balik dan minta maaf.

Puan Chong Eng: Ya, *you don't understand*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh! *Gender insensitivity*. Main-main isu AIDS, yang penting, yang mustahak mahu main-main. Jarum *sexist in connotation*. Ini tidak boleh dibenarkan, patut tarik balik dan minta maaf.

Puan Chong Eng: *What he said*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: ...dan itu Yang Berhormat bagi Jerai pun patut minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang: Ini, kita mahu kata *gender sensitization.....[Dewan gamat seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang:kita mahu bantah. Tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat mana satu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, minta dia jangan ganggu persidangan Dewan. Orang hendak bercakap. Duduk Yang Berhormat, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Haa, baiklah. Cukuplah. Semua duduk, semua duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Apa *offensive*, itu bagaimana you terima, you punya otak *dirty*, cakap

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, jawapan dia sama ada Yang Berhormat terima atau tidak terpulang kepada Yang Berhormat. Inilah jawapan yang diberikan oleh beliau. Cukuplah Yang Berhormat. Ya, sila.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

3. Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) adakah kementerian mempunyai peruntukan khas bagi membantu ibu-ibu tunggal yang daif di dalam permohonan untuk mendirikan rumah baru; dan
- (b) jika ia berapakah jumlah yang diperuntukkan bagi setiap permohonan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak mempunyai peruntukan khas bagi membantu ibu-ibu tunggal yang daif di dalam permohonan untuk mendirikan rumah baru. Walau bagaimanapun, pada masa kini, beberapa agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri telah dan akan terus melaksanakan pelbagai program perumahan yang membolehkan rakyat dari golongan berpendapatan rendah termasuk ibu tunggal untuk mendapatkan rumah sama ada secara penyewaan atau pembelian.

Antaranya ialah pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan juga agensi di bawah kerajaan negeri seperti Lembaga Perumahan Hartanah Selangor yang menyewakan atau menjual rumah kos rendah yang dibina di bawah Program Perumahan Rakyat. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi yang diumumkan oleh kerajaan pada bulan Mei yang lalu, terdapat skim perumahan rakyat yang diuruskan oleh Syarikat Perumahan Negara bagi membantu golongan rakyat yang berpendapatan rendah termasuk ibu tunggal untuk memiliki rumah. Skim-skim tersebut ialah Rumah Harapan dan juga Rumah Mesra Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi skim Rumah Harapan yang merupakan skim sewa beli, sehingga kini 11 orang ibu tunggal telah ditawarkan untuk memiliki rumah kos rendah di daerah Sepang Selangor dan 316 orang ibu tunggal layak untuk menduduki dan sedang menunggu projek perumahan yang bersesuaian.

Manakala, untuk skim Mesra Rakyat, setakat ini SPNB telah membina 86 buah rumah untuk ibu tunggal yang mempunyai tanah tetapi kurang berkemampuan untuk membina rumah sendiri. Selain itu, berdasarkan Bajet tahun 2004, ibu tunggal juga berpeluang untuk membeli rumah kos rendah dan sederhana rendah daripada SPNB dengan kadar diskaun sebanyak 20%.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu SPNB juga akan membeli rumah kos rendah yang tidak terjual di Semenanjung Malaysia dengan harga RM42,000 dan ke bawah, manakala untuk Sabah dan Sarawak dengan harga RM47,000 yang kini dianggarkan terdapat 4,400 unit. Unit-unit ini akan ditawarkan kepada ibu-ibu tunggal selepas tiga tahun dengan harga diskaun.

Untuk skim mesra rakyat pula, geran untuk skim ini yang berjumlah RM100 juta telah disalurkan kepada SPNB berdasarkan kos pembangunan rumah yang bernilai RM40,000 seunit adalah dianggarkan 2,500 unit akan dibina melalui skim ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Apabila Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ditubuhkan dua tahun yang lalu, harapan golongan ini, ibu tunggal kepada kementerian ini terlalu tinggi. Sebenarnya dalam golongan inilah kesengsaraan nyata terkumpul dan ianya benar-benar memerlukan bantuan dan apabila kementerian ini diserapkan dan disatukan dalam Kementerian Pembangunan

Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kita masih tidak dapat dengan jelas, panduan-panduan, garis panduan untuk membantu ibu tunggal ini.

Kita tidak jelas. Jadi, saya berharap kementerian ini dapat saya rasa untuk mengeluarkan garis panduan bagi membantu ibu tunggal yang benar-benar mengharapkan bantuan dari kerajaan.

Boleh atau tidak, kalau boleh dalam Bajet tahun depan atau dalam Rancangan Malaysia Kesembilan satu peruntukan khas harus disediakan untuk golongan ini, bagi mengurangkan kesengsaraan ratusan ribu jumlahnya, saya rasa kementerian ada dia punya angka dan dalam hal ini boleh atau tidak Ahli Parlimen, kalau ada garis panduan bagi menolong membantu ibu tunggal ini, Ahli-ahli Parlimen ini dibenarkan untuk menyediakan senarai golongan ini di kawasan masing-masing dan senarai yang disediakan oleh Ahli Parlimen untuk membantu kementerian ini boleh diguna pakai. Dan ini menjadi salah satu khidmat yang mulia saya rasa, yang boleh dijalankan oleh Ahli Parlimen untuk membantu masyarakat.

Jadi, kementerian saya harap, oleh sebab begitu tinggi harapan ibu tunggal kepada kementerian ini, benar-benarlah dijalankan ataupun disediakan satu garis panduan dengan peruntukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dengan peruntukan yang benar-benar cukuplah ya. Tidak jadi kerugian Datuk, kita menolong masyarakat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang benar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dan Kerajaan Barisan Nasional pun memang itu tujuannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan memang terang, jelas dan senang difahami.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jelas, terang, tetapi jawapan dari kementerian 'akan dikaji'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu belum dapat jawapan lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, itu yang kadang-kadang kita kecewa, fasal soalan kita jelas, terang, semua orang bersetuju, tetapi kementerian kata, akan dikaji. Akan dikaji ini, bila?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tunggu jawapan, tunggu jawapan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, saya pun hendak minta kementerian apabila soalan jelas, terang dan faham, ia pun jawab dengan kita juga akan faham, jelas dan terang. Jadi, macam mana itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini kepentingan semua Datuk, termasuk ibu tunggal dalam kawasan Kulailah ya, Datuk tidak boleh bercakap, saya tolong cakaplah. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat tidak tertumpu kepada soalan asal. Ini berkenaan dengan rumah, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan kementerian dalam beberapa bidang

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itulah Datuk, kementerian selalu begitulah, dia mengelak dia punya jawapan, dia kata tidak tepat dengan soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia jawab, dia jawab, dia sudah jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada kaitan dengan kementerian dia. Jadi, maknanya tepatlah juga soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak berkaitan dengan soalan asal.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tepatlah soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak mengapalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini cara menteri, timbalan menteri menjawab begitulah, dia lari daripada menjawab, mengatakan soalan tidak tepat. Apa yang tidak tepat, ini soal kementerian dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itulah Yang Berhormat, satu hari nanti Yang Berhormat akan jadi Timbalan Pengerusi Tetap tau.

Seorang Ahli: Sokong, sokong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, duduklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya pun hendak yang menjawab itu juga.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, okey.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal ialah:

(c) adakah kementerian mempunyai peruntukan khas bagi membantu ibu-ibu tunggal yang daif di dalam permohonan untuk mendirikan rumah baru; dan

(d) jika ya, berapakah jumlah yang diperuntukkan bagi setiap permohonan.

Yang Berhormat membangkitkan tadi ialah penjelasan dalam bidang-bidang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah, adakah Yang Berhormat ingin menjawab soalan yang dikemukakan?

Datuk G. Palanivel: Itu jawapan kita sudah beri, peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam beberapa bidang lain, seperti Rumah Nur, khidmat bimbingan dan kaunseling, khidmat perundangan, saya sudah beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, saya ingat yang jawab tadi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sudah beri jawapan itu, cukuplah.

Datuk G. Palanivel: Jika ada soalan berkenaan dengan rumah, saya bersedia jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Yang Berhormat dari Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, sebenarnya dari segi teknikal perubatan itu saiz jarum memang berbeza-beza, kalau hendak yang besar 19G, 20G, kalau yang kecil sedikit 23G.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Okey, soalan. *[Ketawa]* Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, dari bancian yang telah dilakukan oleh pihak banci penduduk dan perumahan Malaysia pada tahun 2000, kita mempunyai jumlah ibu tunggal 126,810 orang, ini adalah 15.9% daripada keseluruhan angka ketua isi rumah wanita yang angkanya adalah 795,000, ya, Sri Gading.

Jadi, soalan saya, kementerian juga ada menyebut yang mereka tidak mempunyai data yang terperinci berkaitan dengan bilangan ibu tunggal yang berada di bawah paras garis kemiskinan, dengan lain-lain perkataan yang daif, ibu tunggal yang daif.

Jadi, soalan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah mekanisme, apakah cara kementerian untuk mengenal pasti ibu-ibu tunggal yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan ini, bagi menentukan mereka layak memperolehi peruntukan untuk membina rumah tadi? Terima kasih Datuk Speaker.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengeluarkan beribu-ribu borang untuk mendaftarkan ibu-ibu tunggal di seluruh negara, tetapi bukan semua ibu tunggal mendaftar secara rasmi dengan kementerian, sebab itu angka yang diberi oleh Yang Berhormat, saya terima itu mengikut banci tahun 2000, tetapi untuk menjawab soalan spesifik, kementerian keluarkan 550 borang atas permintaan kepada ibu-ibu tunggal yang mahu memohon untuk rumah murah dan rumah sederhana, borang yang diterima balik oleh kementerian ialah 429. Pemohon yang layak ialah 348, permohonan yang ditolak ialah 15, tidak lengkap borang ialah 50, dalam proses ialah 16. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran dan data-data ibu-ibu tunggal ini, ialah satu perkara yang dinamik, hari ini mereka mungkin ibu tunggal, esok dia sudah kahwin, dia bukan ibu tunggal lagi. *[Ketawa]* Sebab itu, perkara ini selalu berubah-ubah, kita perlu banyak kerjasama di peringkat akar umbi dan kita berharap Ahli-ahli Parlimen akan bekerjasama dengan kementerian dan daftar ibu-ibu tunggal dengan kementerian dan pejabat daerah dan kita boleh bekerja sebagai satu kumpulan untuk menyelesaikan semua masalah ibu-ibu tunggal. Sekian, terima kasih.

4. Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun] minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kementerian sedar bahawa masih lagi berlaku masalah bayaran lambat (lebih daripada tiga bulan) kepada kontraktor-kontraktor kecil walaupun Perdana Menteri telah mengarahkan supaya bayaran dibuat antara dua minggu hingga satu bulan dan apakah langkah-langkah yang diambil.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan memang sedar bahawa masih terdapat bayaran yang lewat kepada kontraktor-kontraktor kecil. Beberapa surat pekeliling dan arahan pentadbiran telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan bagi menangani masalah ini.

Seperti arahan supaya bil-bil dijelaskan dalam masa 30 hari dan juga bil-bil, ada juga arahan yang dikeluarkan membenarkan pegawai-pegawai membayar 50% daripada tuntutan sebaik sahaja bil diterima, sebelum dibuat penyiasatan.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan telah menubuhkan Unit Aduan Bayaran Lewat berikutan keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Unit ini bertanggungjawab membantu menyelesaikan aduan-aduan daripada kontraktor-kontraktor ataupun pembekal-pembekal yang masih belum mendapat bayaran terutamanya daripada jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan syarikat kerajaan. Unit ini adalah merupakan suatu mekanisme untuk kontraktor dan pembekal untuk membuat aduan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/2003 pada 10 Julai 2003 yang memberi kebenaran dan garis panduan kepada agensi kerajaan untuk membuat bayaran terus kepada kontraktor kecil yang bertaraf subkontraktor.

Bagi kontraktor dan pembekal yang menghadapi masalah bayaran lewat, bolehlah mengemukakan aduan mereka kepada Unit ini untuk tindakan selanjutnya.

Kementerian Kewangan juga telah menubuhkan Pasukan Flying Squad yang bertanggungjawab untuk menyiasat kes-kes mengenai kelewatan pembayaran ke atas sebarang perolehan kerajaan. Flying Squad telah menjalankan program menyemak daftar bill di kementerian-kementerian dan jabatan Persekutuan di seluruh negara dan juga jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kewangan sendiri.

Penemuan daripada pemeriksaan tersebut telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha dan Ketua-ketua Jabatan supaya kes-kes bayaran lewat ini dapat diatasi di semua peringkat di kementerian ataupun di agensi Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memantau pembayaran bil oleh agensi kerajaan, Kementerian Kewangan telah mengarahkan semua Pegawai Pengawal mengemukakan laporan kelewatan bayaran bil ke Kementerian Kewangan di mana bil-bil ini akan dianalisa dan seterusnya laporan yang komprehensif mengenai kelewatan bayaran bil oleh Pegawai Pengawal akan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketua-ketua Setiausaha dan Ketua-ketua Jabatan agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini jumlah kes-kes yang tertunggak yang diterima, aduan yang diterima daripada agensi kerajaan dan juga swasta ialah 460 iaitu 156 daripada agensi kerajaan dan 304 daripada pihak swasta dan kes yang telah selesai ialah bagi agensi kerajaan – 66, daripada swasta – 95.

Bagi Flying Squad, Tuan Yang di-Pertua, 54 kes telah diperiksa dan 34 kes telah selesai dan 20 kes masih dalam siasatan.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Apa yang saya nampak di sini ialah dua persoalan, yang pertamanya, hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menolong segelintir kontraktor-kontraktor kecil yang selalunya bermasalah dan mungkin hasrat ini tidak tercapai kerana mereka ini selalu bergantung kepada pembayaran yang cepat, dan maklumlah modal mereka pun kecil.

Yang keduanya, persoalan yang penting ialah ini merupakan arahan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekiranya arahan ini tidak mendapat tindakan yang berkesan, kita baru dapat mengenal pasti satu jabatan, mungkin lain-lain jabatan pun telah berlaku kejadian yang sama, jadi adakah kementerian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat membayangkan satu tindakan yang agak drastik, mungkin dalam tahun 2005 pembayaran lewat sifar mungkin dapat diadakan di peringkat kementerian. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya berkenaan dengan kontraktor-kontraktor kecil memang pihak kerajaan berusaha bersungguh-sungguhlah melalui agensi-agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kontrak-kontrak ini dikeluarkan oleh sama ada di peringkat daerah ataupun di peringkat negeri, oleh agensi kerajaan ataupun agensi separuh kerajaan, dan sekarang ini untuk membantu subkontraktor, kerap kali tidak mendapat bayaran dengan sepenuhnya ataupun bayaran lewat.

Untuk membantu itu maka kerajaan telah mengadakan satu skim yang disebutkan sebagai *nominated subcontractor* mulai Julai 2003. Iaitu *main contractor* yang dapat kontrak dia boleh menamakan subkontraktor itu dan dimasukkan di dalam perjanjian dan ada *assignment*, maknanya bayaran daripada kerajaan akan dibayar terus kepada subkontraktor tersebut, maka tidak timbul lagi di mana subkontraktor tidak dapat bayaran, oleh kerana bayaran yang diterima oleh *main contractor* telah pun turun kepada subkontraktor, Tuan Yang di-Pertua, dan usaha ini diteruskan.

Selain dari yang saya sebutkan tadi, aduan kepada Kementerian Kewangan berkenaan dengan pembayaran lewat di peringkat Sabah dan Sarawak, mereka boleh membuat aduan di peringkat Perbendaharaan di peringkat negeri masing-masing dan sekarang ini sudah ada satu sistem yang dipanggil aduan *online* yang akan dilancarkan dan sudah bersedia dan akan dilancarkan sebelum akhir tahun ini, bermakna segala aduan boleh dibuat secara terus kepada pusat di Kementerian Kewangan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan. Mengikut bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar, 16,000 kontraktor Kelas F mungkin muflis pada 2004 ini, oleh kerana pembayaran tidak dibuat oleh pihak kontraktor dan tidak dibayar oleh pihak kerajaan. *[Sambil menunjukkan dokumen kepada Dewan]* Ini menteri yang bercakap. Ini kompelin di tangan saya, pembayaran belum juga dibuat, kontraktor ini mungkin muflis juga pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tanya minta undang-undang Prompt Payment Act dibuat dua tahun, sampai sekarang, arahan, arahan, arahan. Kontraktor bayar, you terima tak terima tidak mengapa, hendak saman, saman. Saya buat lagi, buat lagi, kuat lagi, banyak duit lagi, ambil peguam-peguam yang besar. Kontraktor Kelas F hendak ambil peguam macam mana?

Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya sekali lagi, bila hendak tubuhkan undang-undang supaya mereka ini boleh diatasi masalahnya sekali gus? Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih di atas maklumat yang telah diberi tadi, dan perkara ini akan saya bawa kepada Menteri Kewangan.

[Y.B. Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar menyerahkan dokumen kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah serta-merta Yang Berhormat. Ohh!

Seorang Ahli: Hah, salam, salam, shake hand.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya terima Yang Berhormat. *[Tepuk]* Saya akan sampaikan perkara ini kepada Menteri Kewangan. Terima kasih. Ya, itu sahaja.

5. Tuan Che Azmi bin Haji Abdul Rahman [Kuala Nerus] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan adakah kerajaan berhasrat membuat penstrukturan semula tugas MARA yang mana aktiviti pendidikan sama ada diserahkan kepada agensi lain atau ditubuhkan sebuah agensi lain untuk mengambil alih tugas tersebut dan MARA hanya memberi tumpuan dan bantuan kepada usahawan bumiputera sahaja supaya lebih fokus dan berkesan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharum bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Nerus, kerajaan buat masa ini tidak berhasrat untuk membuat penstrukturan semula tugas dan aktiviti MARA yang sedia ada.

Kerajaan masih memerlukan MARA untuk membangun dan meningkatkan taraf sosioekonomi Melayu, kaum bumiputera melalui dua aktiviti utama iaitu pendidikan dan pembangunan usahawan, ibarat irama dan lagu yang tidak dapat dipisahkan, memandangkan kedua-dua sektor tersebut adalah berkait rapat, oleh itu kerajaan berpendapat tidak perlu ditubuhkan sebuah agensi baru untuk mengambil alih aktiviti pendidikan yang dilaksanakan oleh MARA atau diserahkan kepada agensi yang lain.

Dalam bidang pendidikan, MARA memberi tumpuan kepada pembangunan sumber tenaga manusia yang berkualiti melalui program pendidikan dan latihan, bagi memastikan penyusunan guna tenaga negara menggambarkan komposisi penduduk di Malaysia.

MARA mempunyai sistem pendidikan iaitu pendidikan menengah, latihan kemahiran dan pendidikan profesional di peringkat sijil, diploma dan ijazah. Matlamat MARA lebih tertumpu untuk mewujudkan generasi teknokrat dan profesional bumiputera Melayu dalam bidang sains, teknologi dan pengurusan perniagaan yang akan dapat membantu mempercepatkan usaha kerajaan untuk membentuk Masyarakat Perdagangan Dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Manakala lulusan-lulusan institusi kemahiran MARA disasarkan untuk memenuhi pasaran tenaga kerja sektor perindustrian negara.

Dalam pembangunan usahawan, tanggungjawab MARA adalah untuk membantu dan memajukan usahawan bumiputera dari segi pembiayaan, latihan dan bimbingan, premis perniagaan dan pemasaran. Golongan profesional dan tenaga-tenaga mahir yang mendapat pendidikan dan latihan menerusi sistem pendidikan dan latihan MARA diberi pendedahan, bantuan dan galakan untuk menceburi bidang perniagaan. Matlamat utama MARA ialah meningkatkan bilangan dan kualiti usahawan ke arah pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera.

Dalam kedua-dua bidang ini, MARA ternyata masih fokus dan berkesan, oleh itu tidak timbul soal pemisahan ini. Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi tentang pengurusan MARA dalam soal-soal menterjemahkan Dasar Ekonomi Baru, terutama sekali dalam memberi peluang dan ruang kepada pembangunan bumiputera terutama sekali dalam pendidikan dan ekonomi.

Soalan tambahan saya ialah baru-baru ini kita telah diledakkan dengan pandangan selepas ITM melalui aktanya dijadikan sebuah universiti ITM, maka berlaku satu kekosongan ITM. Apakah kementerian bercadang supaya ITM yang asalnya dahulu, yang proses pembangunannya melalui Kementerian Pembangunan Usahawan supaya MARA sendiri mengambil alih penubuhan semula ITM ini? Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat saya difahamkan begitulah modus operandi yang akan dilakukan oleh MARA bagi mengambil alih.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Parlimen, kita minta supaya MARA – kita hendak ke hadapan. Tujuan MARA itu baik

hendak mewujudkan usahawan demi untuk masa hadapan tetapi sedarkah MARA, hari ini kita melihat bahawa MARA masih menggunakan standard pelan lama untuk bangunan-bangunan bagi menempatkan usahawan-usahawan bumiputera?

Kita lihat di Melaka, di Jalan Hang Tuah – *prime road*. Di situ *RM200 per square feet* tetapi bangunan yang dibuat macam bangunan dua puluh tahun dahulu. Tidak sesuai dengan keadaan. Kita hendakkan orang Melayu kita pada hari ini, sejajar dengan pusat-pusat kompleks yang terbaru, Tesco dan sebagainya. Tetapi bangunan kita, ya Allah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalan?

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Inilah soalnya Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan ketawa*] Masalahnya, masalah MARA ini dia tidak mahu mengaku kalah. Kita kena mengikut peredaran masa, MARA. Orang Melayu hendak maju. Itu tujuan MARA. Tetapi MARA tarik ke belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau soalan ini - ini ada soalan, biar betullah, kemudian Menteri boleh jawab.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi, soalnya Tuan Yang di-Pertua, adakah MARA akan berubah? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: MARA, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin. MARA – Majlis Amanah Rakyat yang telah ditubuhkan sejak lebih 50 tahun yang lalu daripada RIDA sampailah ke MARA, maka sentiasa mengikuti perkembangan, peredaran dan sesuai dengan MARA tanpa *age*, mara ke hadapan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: MARA sentiasa ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir ini bukan jawapan untuk soalan Yang Berhormat bagi Jasin.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Bila dikatakan, bilakah MARA akan berubah, memang MARA ada pendekatan, perubahan ke arah peningkatan perkhidmatan, di segi pembangunan usahawan, bangunan gerai-gerai yang dahulu sementara sekarang ada yang kekal, dan begitu juga dengan kedudukan strategi medan ataupun arked MARA di tempat-tempat yang strategik. MARA sentiasa mara ke hadapan. Terima kasih.

6. **Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah pinjaman dan '*grant*' yang telah dikeluarkan kepada para pengusaha industri kecil dan sederhana.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyediakan pelbagai dana untuk Pengusaha Kecil dan Sederhana (EKS) yang disalurkan melalui berbagai agensi dan institusi kewangan. Di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terdapat dua agensi yang mengendalikan pinjaman dan *grant* kepada EKS iaitu Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) dan Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Bhd. (MIDF).

Bagi tempoh daripada Januari 2001 hingga 31 Julai 2004, kedua-dua institusi tersebut telah meluluskan *grant* berjumlah RM105.69 juta bagi membiayai 15,121 projek dan pinjaman berjumlah RM135.75 juta bagi membiayai 184 projek. Sekian, Terima kasih.

Puan Tan Ah Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut pandangan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah bantuan kewangan seperti *grant* dan pinjaman yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu mencukupi dan sejauh manakah pengusaha industri kecil dan sederhana itu dapat menikmati bantuan kewangan yang disebutkan. Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, bantuan kewangan yang terdapat pada masa kini boleh dikatakan mencukupi sebab bukan sahaja kementerian saya yang menyalurkan bantuan kewangan, tetapi agensi dan kementerian lain juga ada skim-skim bantuan kewangan. Misalnya, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM556.6 juta untuk pinjaman EKS di bawah RMK8.

Kemudiannya, pada tahun 2003 sebanyak RM2.2 bilion telah pun diperuntukkan di bawah *stimulus package* dan sebanyak RM1 bilion adalah khusus untuk *Enterprise Micro*.

Untuk makluman Yang Berhormat, kewangan yang saya sebutkan ini disalurkan melalui dana-dana dan skim-skim diluluskan oleh kerajaan melalui agensi dan institusi kewangan lain. Pada masa kini, terdapat sejumlah 46 dana atau skim

pembiayaan untuk kegunaan usahawan dan di antaranya 15 daripada dana-dana tersebut adalah khusus untuk EKS dengan jumlah sebanyak RM5.3 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, ini telah menunjukkan bahawa sama ada terdapatnya kewangan yang mencukupi untuk EKS bukan lagi menjadi satu masalah. Isu yang penting ialah sama ada EKS menghadapi masalah untuk mendapat kewangan ini (*financing*) iaitu *the problem is not the availability of fund but the accessibility to the fund*, dengan izin. Tidak boleh dinafikan EKS menghadapi masalah mendapat bantuan kewangan.

Mengikut satu kajian yang dijalankan oleh SMIDEC bersama dengan NPC, kita mendapati 72% EKS menggunakan sumber kewangan sendiri untuk membiayai kos operasi mereka. Mengikut kajian ini, 40% keperluan kewangan adalah dibiayai dengan sumbangan kewangan syarikat sendiri dan 20% dengan menjual saham atau syer-syer syarikat, 7% dengan pinjaman daripada ahli-ahli keluarga dan kawan-kawan. Hanya 33% dengan pinjaman bank dengan menggunakan kemudahan *overdraft*.

Kita mendapati kebanyakan EKS tidak mendapat pinjaman daripada institusi kewangan sebab rekod kedudukan kewangan syarikatnya tidak memuaskan ataupun tidak memberi satu gambaran yang jelas ataupun yang sebenarnya, dan juga cara pengurusan perniagaan mereka tidak memuaskan. Oleh itu adalah penting untuk EKS memperkukuhkan cara pengurusan kewangan dan pentadbiran mereka supaya mereka dapat peluang menikmati bantuan-bantuan dan kemudahan-kemudahan kewangan yang terdapat masa kini.

Untuk mengatasi masalah ini SMIDEC bersama-sama dengan *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) dan institusi kewangan telah berusaha untuk mendidik (*educating*) EKS dalam urusan kewangan dan lagi satu masalah yang dihadapi oleh EKS.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya fikir, apa yang disoalkan sudah dijawab.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Ya, Okay. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menceritakan begitu panjang lebar hinggakan kami tidak sempat mutalaah dan menerima dalam fikiran, tetapi kami memahami.

Yang saya hendak tanya cukup pendek, Tuan Yang di-Pertua. Setakat hari ini dengan bantuan yang berjuta-juta itu, berapa banyakkah syarikat daripada EKS yang telah berjaya menjadi syarikat yang besar? Dia daripada Industri Kecil Sederhana (IKS) dengan bantuan itu, bantuan ini dan dengan kerja kuat Yang Berhormat menolong industri-industri ini, jadi, berapakah syarikat-syarikat yang berjaya dan kalau Yang Berhormat boleh ceritakan kepada saya syarikat jenis apakah yang berjaya ini? Jenis....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kata pendek. Cukuplah. *[Ketawa][Dewan riuh]* Pendek tetapi panjang juga. Cukuplah. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat fahamkah? Yang Berhormat fahamkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Faham. Faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak. Fasal saya tengok muka dia terkejut macam dia tidak faham, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Faham. Kalau tidak ada soalan boleh hantar secara bertulis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okaylah. Jadi, Yang Berhormat faham, ya? Berapa banyak yang berjaya, yang mencapai matlamat yang dikehendaki oleh kementerian dan bolehkah beritahu *breakdown industry* – yang buat kerusi, meja, *furniture*, yang buat itu buat ini? Sila. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, di negara kita terdapat lebih kurang 46% Industri Sederhana dan Kecil (IKS) dan kalau kita ambil kira Enterprise Sederhana Kecil (EKS) jumlahnya lebih besar iaitu lebih kurang 600,000.

Jadi, bukan semua yang memohon dapat menikmati bantuan-bantuan yang disalurkan oleh kerajaan seperti yang telah saya sebutkan tadi. Memang kita memperuntukkan bantuan kewangan, memang ada. Tetapi bukan semua boleh mendapat bantuan yang disalurkan oleh kerajaan. Di atas sebab-sebab yang tertentu, antaranya saya telah sebutkan cara urusan mereka dan juga masalah kekurangan maklumat....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: ..dan saya akan sampai ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Berapa jumlahnya yang berjaya....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ha. Itu, itu.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Saya tidak mendapat maklumat yang terperinci, tetapi mengikut *observation* saya memang banyak yang telah berjaya bukan sahaja di antara industri-industri sederhana dan kecil tetapi juga termasuk EKS. Dalam Skim ZIP yang dijalankan oleh kementerian saya, banyak industri IKS ataupun EKS telah berjaya masuk ke pasaran antarabangsa dan kedudukan kewangan mereka menjadi lebih kukuh. Tetapi malangnya kita belum mendapat statistik yang sebenarnya yang membolehkan saya menjawab soalan Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

7. **Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian Kerajaan Malaysia dan OIC terhadap jenayah kemanusiaan yang dilaporkan berlaku berleluasa di Darfur, Sudan. Adakah kerajaan bercadang untuk menghantar pasukan perubatan atau bantuan-bantuan kemanusiaan yang lain membantu penduduk Selatan Sudan yang dikatakan teraniaya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Gombak ini seiring bersama soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat pada 27 September 2004, ini adalah kerana kedua-dua soalan menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Pengerusi OIC, Malaysia telah berusaha sedaya upaya untuk mengukuhkan perpaduan di kalangan anggota-anggota OIC dan sentiasa memperjuangkan kepentingan ummah di bidang politik, ekonomi, sosial dan lain-lain. Selari dengan dasar ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menghantar perutusan bertarikh 11 Ogos 2004 kepada Presiden Sudan, Presiden Omer Hassan Ahmed Al-Bashir. Perutusan ini telah menyatakan kebimbangan Malaysia mengenai pertempuran yang berterusan antara puak Arab dan Jawich yang pro kerajaan dengan kumpulan-kumpulan pemberontak seperti Sudan Liberation Army (SLA) dan Justice and Equality Movement (JEM).

Sengketa ini telah menyebabkan krisis kemanusiaan yang menggerunkan sedang berlaku di Darfur, Sudan. Kerajaan kita bimbang penyelesaian damai bersejarah yang telah dicapai di bawah Perjanjian Navatia yang bertujuan memberhentikan konflik dalaman perundangan di negara Sudan akan tergunat. Malaysia berharap agar Kerajaan Sudan akan mengambil tindakan sebagaimana digariskan di dalam Resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, 1556.

Negara kita mahukan usaha untuk menyelesaikan krisis yang tragik ini hendaklah diteruskan melalui diplomasi dan rundingan untuk mencapai penyelesaian segera. Kerajaan Malaysia berpendapat bahawa campur tangan dari luar hanya akan merumitkan lagi keadaan di Darfur. Cuma penyelesaian politik menyeluruh sesama mereka sahaja dapat mengelakkan campur tangan asing di dalam masalah dalaman Sudan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan bantuan kemanusiaan, Pasukan Mercy Malaysia telah pun menubuhkan kem perubatan di El-Geneina, di Barat Darfur dengan kerjasama Islamic Relief United Kingdom. Pihak Mercy juga telah mendaftar secara rasmi dengan Jabatan Kemanusiaan, Kerajaan Sudan. Kerajaan Malaysia berharap dan menyokong penuh inisiatif Pasukan Mercy dalam kerja-kerja amal kemanusiaan ini dan bersedia menghulurkan bantuan yang sewajarnya kepada pihak Mercy. Terima kasih.

Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, soalan tambahan saya. Apakah punca malapetaka yang berlaku di Darfur ini. Adakah ini merupakan masalah agama, ataupun masalah etnik, ataupun masalah politik. Yang kedua, apakah pendekatan yang akan dilakukan oleh PBB di dalam menyelesaikan masalah konflik ini. Adakah pendekatan yang berbentuk multilateral seperti yang dijalankan di Iraq yang telah terbukti tidak berjaya. Kita tahu Darfur juga adalah merupakan kawasan yang sungguh kaya dengan minyak. Adakah pertelingkahan ini merupakan juga manipulasi daripada kuasa-kuasa luar.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Gombak di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Yang Berhormat bagi Gombak ini sangat prihatin tentang penderitaan manusia sejagat. Tak hairanlah kerana Yang Berhormat ini sungguh istimewa, Tuan Yang di-Pertua. Beliau merupakan satu-satunya Ahli Parlimen dalam sejarah negara yang mempunyai kelulusan doktor perubatan dan di masa yang sama memiliki doktor falsafah, Ph.D. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, punca atau *root cause* di Darfur ini adalah disebabkan Darfur ini terletak di Barat Daya Sudan. Ia adalah kawasan luas sebesar negara Prancis. Ianya didiami oleh 80 kumpulan etnik dan suku kaum yang tidak ada kerja lain dengan Kumpulan Nomad dan *sanitary communities*nya berada dalam keadaan yang cukup daif, dalam keadaan gurun yang kemarau berpanjangan dan kering kontang. Suku kaum ini sentiasa bersengketa dan bertempur sesama sendiri untuk mendapatkan air dan sumber makanan. Pihak bandit dan penjenayah dari suku kaum ini boleh mendapat senjata dengan mudah di sempadan negara. Ini menyebabkan ratusan ribu rakyat tiada tempat tinggal. Pembunuhan dan kelaparan serta penyakit menyebabkan beribu-ribu telah mati dan beribu lagi menanti maut.

Menjawab soalan sama ada Darfur yang kaya dengan minyak boleh menjadi Iraq. Saya boleh menyatakan bahawa Sudan memang mempunyai potensi besar dalam industri minyak dan hakikat ini diketahui umum dan menarik perhatian kuasa-kuasa besar dunia. Oleh itu, Sudan dan rakyatnya sepatutnya lebih peka kepada percaturan ini dan lebih gigih untuk menyelesaikan masalah dengan seberapa segera. Sekiranya gagal menyelesaikan masalah ini ia akan mengundang padah kerana ia akan memberi ruang dan justifikasi kepada kuasa-kuasa asing untuk masuk campur tangan dalam masalah negara tersebut dan mereka akan mendapatkan apa yang diinginkan sama ada yang tersurat atau yang tersirat. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta maafiah.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perkhidmatan bagi tahun 2005 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk Perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Hari Jumaat 10 Ogos 2004.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2004) 2004****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL. 1) 2004**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004 dibaca kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia tiga billion satu ratus lima puluh lima juta dua puluh enam ribu lapan ratus sembilan puluh enam (RM3,155,026,896) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2004, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2004 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 Tahun 2004 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.” **[7 September 2004]**

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingin menjemput Yang Berhormat bagi Sepanggar menyambung semula ucapan.

11.07 pagi.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan saya kelmarin. Bagi Maksud B.52, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Menyentuh dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) difahamkan kenderaan yang digunakan bagi rondaan adalah terhad sekali sehingga satu kereta diguna 24 jam dengan tiga pasukan peronda menggunakan bergilir-gilir. Kadangkala kelengkapan di pejabat juga tidak mencukupi. Kita mengharapkan agar prestasi dan kecekapan pihak PDRM untuk membanteras jenayah serta penyeludupan dan sebagainya yang terdapat dengan ada peningkatan

disebabkan kebanyakannya dilakukan oleh pendatang tanpa izin terutama sekali di Sabah daripada jiran-jiran khasnya daripada Filipina dan Indonesia.

Seratus satu macam tugas yang kita jalankan bagi pihak polis, sedangkan mereka tidak diberi kemudahan seperti kenderaan dan alat perhubungan yang mencukupi. Contohnya, di kawasan kediaman atau berek polis di Kota Kinabalu, mereka tidak pun diberi kemudahan seperti sukan dan rekreasi. Ada pula anggota polis yang menyewa rumah dan duduk dengan orang asing disebabkan tidak diberi kediaman kerajaan. Saya bercadang agar kerajaan beli sahaja *apartment* yang sedia ada yang telah dibina oleh swasta atau kerajaan agar anggota bawahan polis dapat kediaman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga difahamkan bahawa sebahagian peruntukan tambahan bagi Kementerian Pelajaran akan disalurkan kepada pendidikan mata pelajaran Sains, Inggeris dan Matematik. Bagi perkara ini saya ingin memohon agar pihak kementerian juga memperuntukkan atau sekurang-kurangnya memberi insentif bagi pengajaran bahasa ibunda khasnya daripada pribumi Sabah dan Sarawak.

Kementerian ini juga diminta agar memberi perhatian sewajarnya terhadap keseimbangan bangunan serta kemudahan-kemudahan sekolah di seluruh negara. Di kawasan saya sendiri terdapat 19 sekolah kebangsaan, tiga buah sekolah jenis kebangsaan dan tiga buah sekolah rendah *mission*. Manakala empat buah sekolah menengah yang sangat-sangat memerlukan pembaikan serta pembinaan bangunan dengan kelengkapan seperti dewan serba guna terbuka dan peralatan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya difahamkan peruntukan tambahan ini perlu bagi kebersihan persekitaran. Dengan adanya peruntukan ini diharap pihak kementerian akan menyalurkan banyak peruntukan bagi Sabah terutamanya di ibu negeri Sabah iaitu Kota Kinabalu di mana terdapat pada ketika ini kebersihan tidak begitu memuaskan disebabkan kurang peruntukan. Kita berbelanja berjuta-juta ringgit bagi mempromosikan pelancongan datang ke negara kita, tetapi kadangkala kita terlupa dengan kepentingan kebersihan bandar serta desa-desa. Jarang sekali kita dapat melihat atau mendengar di kaca TV dan radio mengajak kita sama-sama bertanggungjawab dengan membersihkan persekitaran kita sendiri. Apa yang kita selalu terdengar ialah tuduhan kepada pihak penguasa tempatan tidak membersihkan atau tidak

mengangkut sampah. Di sini siapa yang dipersalahkan, yang membuang sampah atau yang mengutip sampah. Ini soalan sekarang.

Saya mencadang agar kerajaan mengambil lebih perhatian mengenai kesedaran diri dengan kebersihan persekitaran. Ini seharusnya bermula di rumah sendiri. Saya juga mencadang agar tokoh-tokoh koperat akan mengambil inisiatif sendiri untuk mempromosikan pendidikan kebersihan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya sudah sampai masa agar kita tidak punya bandingan dengan Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Sering kali kita dapati bahawa dalam pembinaan ataupun pembaikan jalan-jalan raya sering kali kita diberi makluman bahawa kerajaan negeri punya bidang kuasa, tetapi bila kita betul-betul selidik, ini adalah Kerajaan Pusat yang punya kuasa. Kita seolah-olah terumbang ambing siapa yang punya kuasa sebenarnya untuk pembaikan dan pembinaan jalan-jalan raya ini.

Jalan-jalan raya ini sangatlah penting untuk menghubungi bandar-bandar serta kampung-kampung agar hasil-hasil penduduk di desa mudah dipasarkan. Di kawasan Sepanggar terdapat sepuluh batang jalan raya dan enam batang jalan raya utama sejauh 40 kilometer yang telah dibina sejak tahun 1970an tetapi malang sekali tidak pernah diturap dengan aspal. Saya merayu agar kementerian mengambil keutamaan jalan-jalan di Bandar Kota Kinabalu ini yang terlalu jauh daripada realitinya sebagai jalan-jalan di dalam perbandaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat dari Beluran, saya perlu mengehadkan masa 20 minit.

11.15 pagi

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma menyentuh beberapa perkara yang saya fikirkan perlu di *address* oleh kerajaan. Terutama perkara yang melibatkan program untuk rakyat termiskin seperti PPRT. Kita melihat bahawa program ini merupakan program yang dinanti dan program yang bertujuan dan bermatlamat untuk membantu dan meringankan bebas yang dihadapi oleh rakyat yang termiskin, walaupun pada hakikatnya pemberian rumah merupakan

pemberian asas yang harus diikuti dengan pemberian bantuan yang berkonsepkan aktiviti ekonomi yang perlu juga diberikan oleh kerajaan untuk menentukan rakyat yang tergolong dalam kumpulan miskin ini dapat diringankan belunggu kemiskinan mereka.

Tetapi hakikat yang berlaku, walaupun program ini begitu baik sekali matlamatnya, tetapi dalam pelaksanaannya kita melihat masih terdapat kelemahan di sana sini dan juga berlaku di beberapa kawasan di negara kita. Di kawasan saya umpamanya, tahun lalu telah diuntukkan sebanyak 40 buah rumah dalam projek ini, projek rumah rakyat termiskin ini dan sepatutnya disiapkan pada akhir Disember tahun lalu. Tetapi apa yang kita lihat, hanya 4 daripada 40 buah rumah yang dijadualkan diserahkan kepada pemilih pada akhir tahun lalu mampu dilaksanakan dengan baik oleh agensi pelaksanaan yang melaksanakan tanggungjawab ini.

Ramai yang bertanya, mengapa tergendala projek-projek seperti ini, terutama sekali apabila ianya melibatkan mereka yang kurang bernasib baik dan miskin. Saya ingin tahu - tetapi sering kali bila kita tanya kerajaan dan agensi akan menuding jari kepada kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh agensi pelaksana kerajaan itu sendiri. Dalam perbincangan ini, saya ingin tahu apakah tidak ada keperluan kerajaan untuk menilai semula projek ini yang diberi peruntukkan sebanyak RM10 ribu bagi sebuah rumah. Apakah tidak harga rumah ini yang menyebabkan beberapa projek seperti ini tergendala daripada dilaksanakan dan disiapkan mengikut jadual.

Adakah kerajaan berpuas hati RM10 ribu mencukupi untuk membina mendirikan sebuah rumah untuk masyarakat miskin dengan mengambil kira kos material yang ada sekarang ini, kos pengangkutan yang berbeza mengikut tempat sama ada di pekan ataupun di luar daripada kawasan pekan yang melibatkan pengangkutan laut, pengangkutan sungai, pengangkutan darat dan sebagainya.

Dalam konteks yang sama, saya juga ingin tahu apakah prosedur, mekanisme kerajaan untuk melantik kontraktor-kontraktor kerana kalau kita lihat dalam kes PPRT ini, kos projek merupakan kos yang sudah *fix* iaitu diharga sebagai RM10 ribu dan prosesnya adalah untuk melantik kontraktor mana antara kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan agensi kerajaan, agensi pelaksana ini yang akan dilantik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuaran.

Tuan Ronald Kinadee: Silakan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Beluran. Ini soal perumahan untuk rakyat termiskin yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, adakah Yang Berhormat bersetuju jika sekiranya kementerian menilai kembali pendekatan untuk membina rumah-rumah ini, pertama Yang Berhormat bangkitkan tadi dari segi *amount* iaitu RM10 ribu dan dilaksanakan oleh kontraktor. Adakah Yang Berhormat bersetuju jika sekiranya dalam keadaan tertentu, pihak pemilik boleh - tidak perlu kita menggunakan kontraktor. Dia boleh laksanakan secara gotong-royong. Dalam keadaan tertentu kita perlu gunakan kontraktor, makna dia mengikut kesesuaian tempat, nombor satu.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kerajaan, kementerian seharusnya memberi garis panduan, rumah bentuk apa yang harus dibina. Di kawasan saya apabila dibina beberapa buah rumah, selepas dibina tidak boleh diduduki sebab tidak ada tandas, dapurnya tidak ada dan sebagainya. Tetapi kosnya dikatakan RM10 ribu, bila kita lihat tidak sampai RM10 ribu yang digunakan, barangkali dalam RM5 ribu, minta penjelasan. Terima kasih.

Tuan Ronald Kiandee: Saya sependapat Tuan Yang di-Pertua, bahawa perkara ini harus diambil dilihat dan diperhatikan oleh kementerian dalam menentukan bahawa program seperti kerja dilaksanakan. Saya mengeluarkan pertanyaan-pertanyaan serupa ini agar kementerian mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh masyarakat yang sedang menunggu untuk diberikan bantuan rumah seperti yang dimatlamatkan oleh kerajaan.

Proses untuk memilih kontraktor, kriteria untuk melantik kontraktor, ramai yang mendaftar dengan agensi pelaksana melalui program ini dan kalau kita lihat banyak tempat yang di mana kontraktor yang dilantik ini gagal menyiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan ada juga yang gagal sehingga tergendala projek yang dihasratkan untuk dilaksanakan ini.

Jadi, soalnya apa proses dan kriteria kerajaan memilih kontraktor mana satu yang akan dilantik untuk mengendalikan projek PPRT. Dan soalan siapa yang memantau projek ini, ada agensi seperti JPP, Pejabat Daerah yang telah dipertanggungjawabkan untuk melaksana, sama ada penyelarasan berlaku antara agensi-agensi kerajaan dalam perkara ini.

Soal yang penting lagi, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap syarikat-syarikat kontrak yang gagal ataupun yang lambat menyiapkan projek PPRT. Berapa ramai yang telah disenaraihitamkan dan apakah benar tindakan ini dilaksanakan, disenaraihitamkan agar kontraktor-kontraktor, syarikat-syarikat kontrak seperti ini tidak lagi akan diberi tanggungjawab, diberi peluang untuk melaksanakan projek-projek yang melibatkan dengan masyarakat yang termiskin.

Seperkara yang penting yang harus di *address* oleh kementerian adalah soal pemilihan siapa yang layak untuk mendapat rumah ini, peserta di kalangan yang miskin itu sendiri. Saya melihat di kawasan saya, ramai yang lebih miskin yang dikemudikan dalam proses pemilihan ini. Saya tidak tahu sama ada proses ini telus, sama ada benar-benar dilakukan secara cekap. Tetapi hakikatnya kita melihat peserta ataupun tuan pemilik kalangan yang miskin itu banyak lagi mereka yang harus didulukan daripada mereka yang telah disenaraikan untuk mendapatkan bantuan perumahan daripada kerajaan ini. Ini juga merupakan satu perkara yang harus di*address* oleh kerajaan dalam menentukan hasrat untuk membantu mereka ini dapat kita capai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Perbekalan ini dan kita berharap agar projek-projek seperti perumahan bagi rakyat termiskin dan projek-projek yang melibatkan masyarakat dalam kumpulan ini akan diperhatikan secara dekat oleh kementerian dan agensi yang melaksana agar hasrat dan matlamat kerajaan untuk menentukan mereka ini dibela baik secara fizikalnya, baik secara ekonominya akan tercapai. Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, jika hasrat kerajaan untuk membantu dan dilaksanakan ini dengan baik, maka lebih ramai masyarakat ini akan dapat kita lupakan daripada belunggu. Saya menyokong.

11.25 pg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi untuk perbincangan berhubung dengan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan juga pengurusan dan seperti rakan-rakan yang lain yang telah menyebut tadi ialah tentang keadaan ekonomi dan keadaan taraf ekonomi masyarakat terutamanya yang kurang beruntung dan kurang berada di luar bandar. Ini adalah merupakan sesuatu yang cukup penting untuk kita fikirkan bersama dalam usaha kita

menambah baik dari segi pengurusan dan juga pembangunan dan juga peruntukan yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang cukup menarik perhatian kita sekarang ialah tentang pembangunan dengan ekuiti ataupun pembangunan sekali gus disertai dengan *balance income*. Maka, ini adalah merupakan satu gagasan yang begitu penting sekali apabila kita merangka Dasar Ekonomi Baru dahulunya iaitu apabila kita membawa, buat sesuatu pembangunan itu, sekali gus dituruti dengan agihan, dengan izin, *the economic cake is equally share*.

Malah ini adalah merupakan satu agenda yang penting dan memang benar dengan terlaksananya Dasar Ekonomi Baru, ia telah membawa satu lonjakan yang begitu penting sekali. Dalam kerangka awalnya kita bercadang dan mengharapkan supaya 30% daripada ekonomi negara itu dapat dikuasai oleh bumiputera. Meskipun hari ini kita tidak mencapainya tetapi bukti menunjukkan bahawa menjelang tahun 1997, yakni sebelum berlakunya keadaan ekonomi yang merosot itu bahawa ekuiti bumiputera telah pun meningkat kepada kira-kira 20.6%.

Tetapi hasil daripada keadaan kegawatan ekonomi selepas itu menunjukkan bahawa status ekuiti bumiputera kembali merosot, iaitu kepada kira-kira 18%. Bagaimanakah pula keadaan hari ini? Ini adalah merupakan satu fenomena yang menimbulkan banyak tanda tanya pelbagai masyarakat dan pelbagai golongan di Malaysia ini. Lebih-lebih lagi sekarang ini prinsip yang kita bawa ialah prinsip yang baru, yang menekankan kepada *growth*, pembangunan *with meritocracy*, pembangunan sekali gus juga dikaitkan dengan meritokrasi.

Ini meletakkan keadaan masyarakat di luar bandar yang tadi dikatakan sebagai daif sosiobudaya itu berdepan dengan satu keadaan yang cukup mencabar mereka apabila mereka diletakkan untuk bersaing dalam konteks meritokrasi ini. Ini adalah merupakan satu cabaran. Malah, banyak kajian telah menunjukkan bahawa masyarakat di luar bandar, seperti mana yang telah ditimbulkan oleh rakan-rakan kita di Sabah dan juga di Sarawak, malah di Terengganu dan Kelantan juga, seolah-olah masyarakat di Terengganu, Kelantan, Sabah, Sarawak itu dalam proses pertandingan, persaingan dalam konteks meritokrasi ini. Kita seolah-olah hanya sebagai *the strollers*, yang hanya berada berjalan kaki begitu sahaja, sedangkan yang benar-benar dapat mengecapi kemajuan dalam konteks meritokrasi itu, mereka berada *on the skaters*, yakni macam kerusi roda itu, boleh meluncur ke hadapan, dan pasti hala tuju mereka.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sedangkan *the strollers* ini pula, banyak sangat *distractionnya*. Lebih-lebih lagi dengan sikap kita, dengan gangguan-gangguan semasa, dengan gangguan *Akademi Fantasia* dan *supermarket*, bermacam-macam lagi, itu yang menyebabkan prosesnya terganggu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail: Ya, silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan, ya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Lama tidak nampak, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Nampaknya Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu telah meletakkan satu keadaan di mana kita berhadapan dengan satu cabaran yang begitu besar, iaitu cabaran mungkin boleh dikatakan cabaran masa kini yang mengarahkan kita kepada pembahagian masyarakat kepada dua golongan. Kalau kita tidak mengawal keadaan ini, ia akan menjadi satu fenomena, di mana yang maju bertambah maju, yang mundur bertambah mundur.

Jadi, adakah Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu berpendapat bahawa perlu ada dua kayu pengukur, perlu ada dua *scales*, dua skala yang boleh meletakkan kedua-dua golongan ini nanti, yang berada di hadapan apabila kita berjuang dengan meritokrasi, berjuang dengan cabaran-cabaran masa kita. Dua kayu pengukur ini sekurang-kurangnya akan meletakkan kita dalam satu semangat persaingan, semangat *competition* yang sama, sekurang-kurangnya. Kalau hendak dibandingkan seperti perasaan *David Beckham* menjaringkan gol untuk England, sama perasaannya dengan anak saya menjaringkan gol untuk pasukan sekolahnya. Jadi, apa pendapat Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu?

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tangga Batu sebentar tadi. Ini adalah merupakan masalahnya. Bagaimana kita dapat merungkai masalah, *the gap*, ataupun jurang yang membezakan di antara pelbagai kaum ini. Cita-cita kita adalah supaya kita dapat membina sebuah masyarakat yang bersatu padu. Tetapi kalau sekiranya keadaan *disparity of income*, malah berdasarkan kepada

Skala *Genie* (*Genie Coefficient*) itu jelas menunjukkan kepada kita bahawa satu keadaan *disparity* yang amat berbahaya.

Malah, keadaan sekarang ini bila merujuk kepada *Genie Coefficient* itu, seolah-olah keadaan kita tidak jauh bezanya sebelum NEB ataupun Dasar Ekonomi Baru kerajaan. Maka, kita harus memikirkan satu dasar yang benar-benar *affirmative* sifatnya, dengan izin, supaya kita dapat merungkai permasalahan ini. Tadi telah disebut tentang dua golongan yang sudah semakin hari semakin jelas kelihatan, kerana dasar kita sekarang ini seolah-olah akan membawa kepada satu keadaan yang boleh membawa kepada isu yang sama, berbangkit semula.

Apabila sekarang ini, saya melihat bahawa *growth with meritocracy* ini, kalau tidak diawasi dengan secermat mungkin boleh membawa kepada keadaan *disparity of income*, dengan izin, iaitu perbezaan dari segi pendapatan, sama ada di antara bumiputera, bukan bumiputera, bandar dengan luar bandar ini akan jadi lebih bermasalah. Maka, beberapa cadangan yang telah ditimbulkan oleh saudara itu boleh difikirkan, malah saya kira dalam usaha kita untuk kita membawa Anggaran Belanjawan yang baru ini, saya kira boleh difikirkan strategi-strategi yang *affirmative*, sesuatu yang betul-betul kukuh boleh menangani isu dan masalah semasa ini.

Saya juga tarik perhatian Yang Berhormat tadi, apabila Yang Berhormat sebut tentang *cap gap* ini, kalau dilihat dari segi perkembangan semasa, ICT pun dengan jelas kita melihat *digital divide* itu. Di antara pelajar luar bandar dengan pelajar di dalam bandar, di antara *ethnics* yang berbeza, malah di antara *ethnic* itu pula ada yang *intra* dan *inter*, perbezaan di antara Melayu bandar dengan Melayu luar bandar. Yang satu lagi dalam bentuk *intranya*, *intemya* di antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu. Ini adalah merupakan perkara-perkara yang harus diambil kira dengan secara serius, terutama dalam konteks kita membicarakan perbelanjaan pengurusan dan juga perbelanjaan dari segi pembangunan ini.

Saya juga ingin tarik perhatian Ahli Yang Berhormat berhubung dengan keadaan semasa, iaitu dalam konteks kita berdepan dengan cabaran globalisasi. Mungkin dalam konteks melihat cabaran semasa ini, globalisasi ini, kita beralih kepada *growth with meritocracy*, dengan izin, tetapi bagaimanakah masyarakat yang daif sosiobudaya yang saya telah sebut itu, seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan kita dari Sabah dan Sarawak itu boleh benar-benar bersaing dan memberi manfaat yang besar ke arah matlamat akhir kita, stabiliti, kesejahteraan masyarakat di Malaysia

ini. Dan untuk kita memastikan kita sama-sama berjuang agar akan terus kita memugar segala potensi yang ada untuk kemerdekaan dan mempertahankan kemerdekaan dan agar kita menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita itu dengan singkatan yang saya sebut sebagai '*trisila*'. Kalau di Indonesia ada pancasila, bagi saya, saya lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ada '*trisila*' - Cemerlang, Gemilang dan Terbilangnya itu.

Bagaimanakah kita boleh menuju ke arah itu? Ini adalah merupakan persoalan-persoalan yang harus difikirkan secara serius. Malah dalam konteks perkembangan semasa dunia ICT dan global ini, cabaran masyarakat yang kurang berada itu adalah amat berbahaya sekali kalau sekiranya tidak diberi perhatian yang serius. Dalam keadaan sekarang memerlukan daya juang, daya saing, daya peka, memiliki *the DA Factor*, dengan izin, *Differential Advantage Factor* ini, saya kira masyarakat-masyarakat yang kurang beruntung sosiobudaya seperti mana yang telah disebut oleh rakan-rakan saya itu akan berada dalam keadaan yang kurang beruntung.

Mereka ini saya kira, perlu mendapat perhatian yang serius. Malah, saya menyokong apabila dalam perbelanjaan pembangunan maksud P.29 iaitu apabila Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi memperuntukkan sejumlah peruntukan bagi pembangunan mengadakan, mewujudkan multimedia di luar bandar. Ini adalah merupakan kemudahan-kemudahan digital di luar bandar. ICT di luar bandar adalah merupakan sesuatu yang mesti diberi sokongan yang sekuatnya. Sebab di sini kita lihat digital divide semakin membesar dan kalau sekiranya ada inisiatif-inisiatif serupa ini, selain daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah itu memberikan peruntukan-peruntukan dan juga mengadakan aktiviti yang begitu mantap dari segi revolusi mental, dengan izin. Semalam saya sebut konsep unlocking the mind, erti dari segi perkembangan dan juga pembangunan minda. Dari segi pembinaan sikap dalam usaha untuk memupuk daya juang ini. Ini adalah merupakan inisiatif-inisiatif yang mesti disokong.

Selain daripada itu juga, dari segi pembangunan mengurus bagi maksud B.09 iaitu dari segi penubuhan PIN (Plan Integrity National) ini. Ini perlu disokong kerana salah satu faktor yang boleh menyebabkan kepada disparity ini juga mahu tidak mahu ialah ada kaitannya dari segi kepimpinan, dari segi pengurusan, dari segi integrity, high moral, integrity harus diambil kira. Maka saya kira, dengan pewujudan PIN ini juga, dan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) ini, ini perlu disokong. Sebab dari sinilah

boleh kita membina jati diri, kepimpinan, accountability dengan izin, dan juga dari segi delivery boleh dipupuk dengan sebaik mungkin, sebab ini adalah merupakan satu angkubah yang penting dalam usaha untuk memberi keprihatinan dan juga kejujuran perkhidmatan kepada rakyat.

Selain dari itu juga, saya ingin menyokong berhubung dengan perbelanjaan mengurus bagi Maksud B.41 iaitu di bawah Kementerian Pelajaran iaitu memberi peruntukan bagi emolument perjawatan baru.

Terutamanya saya juga ingin tarik perhatian, terutamanya Kementerian Pelajaran. Sekarang ini di maktab-maktab perguruan seluruh Malaysia terdapat kira-kira 60% pensyarah-pensyarah yang terdiri daripada yang sudah memiliki ijazah yang kedua, Sarjana dan Ph.D. Tetapi masih mereka ini juga seperti guru-guru yang memiliki ijazah yang pertama. Sedangkan sekarang ini, bagi kumpulan ini mereka mengendalikan satu cohort, satu kumpulan guru-guru lepasan ijazah yang sepatutnya mereka ini juga diberi peruntukan-peruntukan dan juga diperbaiki dari segi perjawatan mereka.

Selain daripada di situ, dinyatakan tentang penggredan semula jawatan. Maka dalam konteks inilah saya berharap Kementerian Pelajaran agar memberi tumpuan terutamanya di kalangan guru-guru kita di sekolah. Yang sudah pun memiliki ijazah kedua, Sarjana dan Ph.D nya, harus diberi tempat yang sewajarnya.

Selain dari itu juga, bagi Maksud B.41 Kementerian Pelajaran ialah tentang insentif kepada guru-guru kita yang mengajar Matematik dan Sains ini dalam Bahasa Inggeris. Ini juga harus disemak dinilai dari masa ke semasa setakat manakah guru-guru yang telah diberi insentif ini yang mengajar matematik dan sains dalam bahasa Inggeris ini benar-benar menunjukkan impact mereka agar satu perubahan dan juga pencapaian cemerlang dalam bahasa Inggeris terutamanya dalam pengajian Matematik dan Sains ini telah dapat dicapai.

Maka dalam konteks ini juga saya kira Kementerian Pelajaran harus dari masa ke semasa mengadakan bentuk penilaian, bentuk pemantauan untuk memastikan dengan insentif yang diberi itu berbaloi, ada ROI nya, Return on Investment. Ini tepatnya itu. Ertinya dengan insentif yang diberi kepada guru-guru ini yang jumlahnya saya kira agak ramai sekarang ini yang mengajar matematik dan sains dalam bahasa Inggeris, harus menunjukkan prestasi-prestasi yang tertentu di kalangan pelajar-pelajar mereka. Dan satu perkara yang agak menarik di sini ialah saya ingin tarik perhatian

berhubung dengan perkembangan dunia semasa yang amat memerlukan pengetahuan dalam bahasa Inggeris itu.

Lebih-lebih lagi sekarang dalam konteks perkembangan ICT dan kita amat faham bahawa setiap hari terdapat tidak kurang daripada 2 juta muka surat yang menambahkan pengetahuan-pengetahuan baru dalam internet. Dua juta muka surat yang mengandungi maklumat-maklumat yang baru yang terkandung dalam internet kita ini dan 85% daripada content dan kandungan ilmu yang tersebar itu adalah dalam bahasa Inggeris. Ini menunjukkan bahawa pentingnya pengetahuan bahasa Inggeris untuk kita bersaing pula dalam peringkat global, dalam peringkat antarabangsa ini.

Dan di sini juga kita sesuatu perkara yang cukup menarik perhatian saya ialah bahawa hanya kira-kira 20% sahaja murid-murid di luar bandar itu proficient dalam bahasa Inggeris, 20% sahaja, 'ke timbang' berbanding dengan kira-kira 60% murid-murid di bandar yang mempunyai proficiency, kecekapan dalam bahasa Inggeris. Satu lagi, satu keadaan dalam disparity...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun ya

Dato' Razali bin Ismail: Silakan

Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu kerana memberi laluan kepada saya. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu, apakah Yang Berhormat Kuala Terengganu bersetuju dengan saya bahawa dalam permasalahan kita menangani bahasa Inggeris ini, mungkinkah guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris sama ada mengajar untuk pelajaran Sains atau Matematik, bukan sahaja diberi insentif tetapi harus diberi latihan-latihan yang berkala untuk memastikan kesempurnaannya dalam sebutan dan berbagai-bagai.

Selain dari itu, mungkin juga kita lihat wang ini boleh dibelanjakan untuk mengambil tenaga-tenaga pengajar dari luar negara untuk mengajar dalam bahasa Inggeris kerana pada saya dari segi bentuk sebutan dan sebagainya banyak harus diperbetulkan. Saya rasa mungkin perbelanjaan-perbelanjaan ini harus dilihat untuk menguatkan lagi bahasa Inggeris dari segi pembelajaran dan juga dari segi tenaga-tenaga yang mengajar. Minta penjelasan.

Dato' Razali bin Ismail: Yang Berhormat Gombak, satu pandangan yang cukup saya kira ke depan untuk kita mendapatkan tenaga-tenaga dari luar negara. Native speakers untuk sama-sama memberi sumbangan kepada kecemerlangan

ataupun kepada peningkatan penguasaan bahasa Inggeris ini. Saya kira Kementerian Pelajaran boleh memberi jawapan tentang perkara ini. Dan ada sebenarnya gagasan ataupun pemikiran ke arah mendapatkan tenaga pakar ataupun expert, native speakers dengan izin, daripada luar negara terutama dalam bahasa Inggeris ini untuk memberi pengajaran, latihan dalam perkhidmatan kepada guru-guru kita ini.

Kita juga tidak dapat menafikan bahawa guru-guru kita sekarang terutama guru-guru di maktab perguruan diberi latihan yang begitu intensive sebelum mereka dapat menangani pengajaran pembelajaran matematik dan sains dalam bahasa Inggeris

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Minta tolong ya

Dato' Razali bin Ismail: Ya, saya ingin sekali lagi menarik perhatian bahawa dalam konteks bahasa Inggeris ini di sekolah-sekolah kita terutama di luar bandar, ada macam satu sindrom kebimbangan dan ketakutan kepada bahasa Inggeris. Malah bagi sesetengah murid-murid luar bandar melihat bahasa Inggeris ini sebagai a killer subject. Dan saya amat bersetuju sekarang ini, dengan incentive yang diberi supaya sindrom bahasa Inggeris as a killer subject itu dapat kita atasi dengan memberi keyakinan, memupuk keterampilan, kecekapan competency di kalangan guru-guru kita untuk mereka mendidik anak-anak kita terutamanya dalam konteks berdepan dengan cabaran globalisasi matematik dan sains dalam bahasa Inggeris. Terima kasih Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong

11.43 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam Rang undang-undang ini dengan memetik perkataan-perkataan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab di dalam perayaan kemerdekaan ini beliau ada menyebutkan beberapa perkara yang penting. "Sesungguhnya kemerdekaan ini amat besar nilai dan ertinya. Kemerdekaan adalah lambang kebebasan, kedaulatan, kekuatan dan kejayaan, bukan sahaja bagi negara tercinta ini tetapi juga setiap daripada kita warganegara yang bernaung di bawahnya. Mungkin ada kalanya kita rasa terkilang atau kurang gembira dengan sesetengah perkara yang berlaku, namun saya percaya rasa cinta kita kepada negara ini tidak

berbelah bahagi. Sesungguhnya kita bangga menjadi rakyat Malaysia. Dan Malaysia adalah negara kita, hak kita, lambang maruah dan kedaulatan kita. Turun naik, jatuh bangun, maju mundur negara ini hanya kita berhak menentukannya. Kita harus berusaha untuk memastikan bahawa masa depan Malaysia akan hanya di corak dan diwarnakan oleh setiap warganegara dan bukan orang lain.”

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali kita ada 20 minit sahaja untuk membincangkan, tetapi sukalah saya membangkitkan beberapa perkara termasuklah polarisasi yang masih wujud di sekolah dan universiti di negara ini, termasuklah perbezaan pendapat dan perkara-perkara sensitif mengenai agama.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, di upacara-upacara agama, saya sering terima aduan sama ada kuil Hindu kerana bunyi loceng dan sebagainya, kerana upacara tokong Cina, upacara agama dan saya terima aduan kerana mengganggu lalu lintas dan bunyi yang lebih sangat, azan dan sebagainya.

Saya tidak pernah keluaran di dalam akhbar kerana ini adalah perkara-perkara yang sensitif. Saya pernah berjumpa dengan pegawai-pegawai di dalam masjid seperti bilal dan saya mencadangkan supaya kita adakan Majlis Agama Nasional dan memberi saluran kepada orang ramai untuk bangkitkan. Misalnya rumah pangsa Padason, di surau itu ada satu blok yang penghuninya untuk orang-orang Islam dan kebanyakan blok itu mempunyai orang bukan Islam.

Dengan azan lima kali satu hari termasuklah pada waktu Subuh, mengaji pun disuarakan dengan lantang dan sebagainya dan ini memang ada orang yang tidak faham mengapa bila mengaji pun terpaksa dia keluaran suara dengan besar, walhal pada 1,500 tahun yang lampau, pada zaman Nabi tidak ada pembesar suara. Dengan menara ada suara manusia sahaja, takkan mengganggu sejauh itu dan perkara-perkara seperti ini termasuklah dengan upacara orang Cina ada ganggu orang juga. Loceng di kuil Hindu pun ada ganggu orang juga dan perkara-perkara seumpama ini kita dapat salurkan kepada Majlis Agama Malaysia.

Seterusnya dalam tempoh 15 minit ini saya akan bangkitkan satu perkara sebab saya ada meninjau keadaan di sekolah menengah rendah dan juga di universiti, masalah pelajar-pelajar kita yang berhenti sekolah di peringkat rendah selepas menerima pelajaran selama enam tahun daripada sekolah menengah dan seterusnya daripada sekolah menengah yang berhenti tidak dapat masuk ke universiti ataupun kerana faktor-faktor yang lain.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2000, ada 2.8 juta pelajar di sekolah rendah seluruh negara dan pada tahun 2003, ada hampir 3 juta pelajar. Ini bermakna apabila sampai ke sekolah menengah rendah, hanya 1.2 juta ataupun 1.3 juta sahaja yang masuk ke sekolah rendah. Ini bermakna ada 1.5 juta lebih “hilang”, tidak masuk sekolah.

Saya berharap pihak Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Pengajian Tinggi dapat menerangkan kepada kita, iaitu daripada 1.6 juta ataupun 1.7 juta pelajar yang “hilang” daripada sekolah rendah ini, di mana mereka pergi sama ada sesetengahnya masuk ke sekolah swasta ataupun masuk ke kursus-kursus latihan kemahiran hidup. Ini saya hendak tahu bilangan yang dapat dilatih setelah berhenti sekolah rendah.

Kemudian daripada hampir 1.3 juta pelajar yang masuk ke sekolah menengah rendah ini, yang dapat masuk *upper secondary*, sekolah menengah tinggi hanya lebih 700 ribu atau 800 ribu pelajar sahaja. Lebih kurang 800 ribu pelajar yang masuk ke sekolah menengah tinggi. *Post secondary* hanya 70 ribu atau 119 ribu, macam itu sahajalah atau 100 ribu purata.

Ini tidak bermakna mereka tidak ada. Ada yang masuk ke matrikulasi. Ada yang pergi ke swasta. Di sinilah hampir setengah juta itu ataupun yang dari *upper secondary* hanya 600 ribu orang. Tidak tahulah pergi ke mana. Sebab itu saya hendak pihak kementerian menerangkan daripada sekolah rendah yang berhenti sekolah itu, mereka pergi ke mana. Selepas PMR, bilangan yang “hilang”. Selepas SPM, bilangan yang “hilang”.

Saya faham daripada guru yang masuk ke maktab perguruan, memang kerana kita hendak galakkan guru berijazah daripada setiap tahun, sekarang 17 ribu misalnya yang masuk ke maktab. Pada tahun 2005, kurang kepada 8 ribu dan seterusnya. Saya ingat tidak ada lagilah, semua ada ijazah.

Walau bagaimanapun, yang masuk ke institut pengajian tinggi awam sekarang lebih 400 ribu pelajar dan akan meningkat kepada lebih 500 ribu. Ini bermakna ramai yang “hilang”. Saya percaya kebanyakannya masuk ke kolej swasta dan mungkin hampir setengah juta masuk ke swasta dan ada mungkin 40 ribu atau 50 ribu pergi ke seberang laut.

Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, misalnya daripada 3 juta yang masuk ke sekolah rendah dan apabila keluar daripada sekolah rendah sampai ke

IPTA, hanya lebih setengah juta yang pergi ke IPTA dan kalau itu termasuk swasta, seberang laut, mungkin ada 1 juta orang. Ini bermakna ada 2 juta yang tidak tahu pergi ke mana.

Inilah saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi mengkaji semula dan mencari statistik dan data-data untuk orang-orang yang tidak habis sekolah rendah, orang-orang yang tidak masuk ke universiti pergi ke mana mereka. Ini memang penting kerana kita ada banyak gejala sosial yang tidak sihat, pembunuhan, rogol dan sebagainya. Ini salah satu puncanya ialah pendidikan.

Sebab itulah saya mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji dari segi data, dari segi statistik dan program-program yang diaturkan di beberapa peringkat untuk memastikan orang-orang Malaysia, semua kaum dapat pendidikan yang wajar dan supaya kita sama-sama memajukan negara ini kepada satu negara yang bertaraf tinggi di dunia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

11.55 pagi.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, selaku Ahli Dewan Rakyat yang bertanggungjawab saya amat mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk menyediakan peruntukan tambahan sebanyak RM80 juta kepada Lembaga Penggalakan Perdagangan Malaysia (MATRADE) bagi maksud membangunkan produk berjenama antarabangsa ataupun maksud *global planning*.

Walaupun agak sedikit terlewat jika dibandingkan dengan negara-negara *newly industrialize countries*, namun usaha ke arah ini patutlah digalakkan. Kita harus menerima realiti global bahawa Malaysia sudah tidak mampu menjadi pengeluar produk termurah kerana peranan ini telah diambil alih oleh negara-negara industri yang baru muncul dan berkos murah seperti China dan Vietnam. Kos perniagaan khususnya kos tanah dan buruh telah meningkat berkali ganda.

Pada awal tahun 80'an kos buruh di sektor elektronik Pulau Pinang misalnya, dibayar RM6 sehari atau kurang RM200 sebulan. Tetapi sekarang kadar upah ini telah begitu meningkat naik. Oleh itu sebagai jalan penyelesaian kita harus meningkatkan *mechanization* dan penggunaan sistem pengeluaran yang berasaskan keupayaan sains

dan teknologi tinggi demi untuk menghadapi faktor persaingan di dalam sistem ekonomi masa kini. Kita harus berusaha menguasai industri terkini seperti industri-industri yang berasaskan multimedia, *photonik*, nanoteknologi, bioteknologi dan pelbagai lagi penemuan-penemuan baru dengan bersungguh-sungguh.

Keupayaan menguasai bidang-bidang ini akan menjadikan Malaysia menyertai Liga Perindustrian Dunia yang utama dan tidak tercicir di dalam arus pembangunan industri dunia. Terlebih penting lagi kita harus meningkatkan keupayaan *indigenous capacity* di dalam bidang perindustrian dan pengeluaran produk-produk berteknologi tinggi. Kita harus bersedia untuk menyediakan wang yang mencukupi untuk usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan dan terlebih diutamakan juga ialah menyediakan pengusaha atau *entrepreneur* dan *venture capitalize* yang mampu mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan yang dicipta oleh pencipta-pencipta daripada kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, produk-produk keluaran tempatan khususnya yang dicipta dan dibangunkan oleh pelabur-pelabur domestik sewajarnya mendapat sokongan dan bantuan kerajaan untuk mewujudkan produk berjenama global ini. Insentif selama ini lebih mengutamakan insentif untuk pengilang-pengilang. Oleh itu adalah wajar sekiranya insentif ini diperluaskan kepada syarikat perdagangan untuk meningkatkan pemasaran produk buatan Malaysia. Kita harus mengambil teladan kejayaan yang telah dilakukan oleh negara-negara *Nordics* atau *Nordic countries* seperti Sweeden dan Finland.

Walaupun negara ini bukan tergolong sebagai negara mega dari segi pasaran namun mereka telah berjaya mencipta produk-produk berkualiti tinggi seperti Nokia ciptaan Finland dan Volvo Sweden yang menjadi jenama produk yang cukup berjaya. Demikian juga Korea Selatan dengan menggunakan jenama-jenama yang berasaskan identiti Korea, mereka berjaya mewujudkan jenama-jenama global seperti Samsung, Hyundai, Daewoo, Kia, LG, dan banyak lagi jenama-jenama yang semakin diterima dan diyakini oleh pengguna-pengguna antarabangsa.

Saya percaya jika kita menggunakan jenama-jenama yang tidak semestinya berbau barat dan Inggeris kita masih mampu memasarkan jika produk-produk ini berkualiti tinggi dan melalui usaha pengiklanan yang insentif dan berkesan. Kita juga harus melakukan usaha untuk mendaftarkan jenama-jenama kita di luar negara. Kita tidak mahu apa yang berlaku kepada Proton. Proton telah dihalang untuk

memasarkan kereta dengan menggunakan jenama Proton di Taiwan misalnya hanya kerana jenama Proton telah pun didaftarkan oleh sebuah Syarikat Pengeluar Barang-Barang Elektronik Proton di Taiwan.

Akibat daripada sekatan ini telah menyebabkan usaha-usaha kita untuk memasarkan kereta Proton di Taiwan telah terbengkalai dan tidak berjaya langsung. Jika kita menggunakan jenama Proton untuk memasarkan kereta di Taiwan, maka syarikat kita akan diambil tindakan undang-undang oleh Syarikat Elektronik Proton milik pengusaha Taiwan itu.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan mesyuarat**]

Mohon kementerian yang berwajib menyelesaikan masalah ini kerana saya percaya potensi pasaran kereta Proton di situ adalah menggalakkan tetapi telah terhalang akibat masalah perundangan. Saya difahamkan syarikat elektronik Taiwan ini juga telah mendaftarkan jenama Proton mereka di China dan jika ini berlaku maka kereta Proton kita tidak akan dapat dipasarkan dengan jenama Proton kebanggaan kita ini. Inilah antara halangan-halangan yang perlu diatasi dalam usaha kita untuk mewujudkan *global planning*.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembentangan belanjawan 2003, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohammad, ada menyarankan untuk mengkorporatkan MATRADE, tetapi daripada maklumat terbaru yang saya terima pengkorporatannya telah dibatalkan atas alasan-alasan tertentu yang telah diberikan. Apa pun alasan pembatalan hasrat ini yang penting MATRADE haruslah berfungsi dengan lebih berkesan dalam memasarkan produk-produk Malaysia di luar negara. Pesuruhjaya-pesuruhjaya perdagangan dan pegawai-pegawai yang kita hantar ke luar negara mestilah daripada mereka yang benar-benar kompeten, berpengalaman memahami bidang pemasaran dengan meluas, memahami bahasa dan budaya tempatan dan seorang yang proaktif dan benar-benar profesional dalam bidang yang dipertanggungjawabkan.

Kita harus mencontohi banyak negara maju yang berjaya. Mereka yang ditugaskan sebagai francais perdagangan di luar negara mereka adalah mereka yang benar-benar berkualiti, versatil, komited dan *multi-lingual*. Kita tidak mahu pejabat-

pejabat luar negara kita tidak lebih hanya sebagai *information desk* atau *information kiosk* dan jika tidak dipantau dengan teliti, keberkesanannya tidak akan terserlah dan negara akan mengalami kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah tahap pembangunan perindustrian di negeri Sabah. Jika dibandingkan dengan tahap pencapaian di peringkat nasional adalah sangat rendah. Sumbangan sektor perkilangan negeri Sabah kepada KDNK negeri bagi Sabah pada tahun 2003 hanyalah 11.2% berbanding dengan 30% di peringkat nasional. Sektor perkilangan di Sabah juga telah mengalami pertumbuhan negatif sejak beberapa tahun yang lalu dengan penurunan sebanyak 4% setahun di antara tahun 1998 hingga tahun 2002 berbanding dengan pertumbuhan 5.5% setahun yang dialami di peringkat nasional dari 1999 hingga 2002.

Kemasukan pelaburan di negeri Sabah dalam sektor perkilangan juga amat tidak menggalakkan. Di antara tahun 1998 hingga 2003 sebanyak 128 lesen pengilang telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk negeri Sabah dengan jumlah pelaburan bernilai RM6.59 bilion sahaja. Jumlah ini adalah kecil jika dibandingkan dengan nilai pelaburan yang telah diluluskan di negeri-negeri lain di Malaysia. Sebenarnya dari segi nilai pelaburan yang diterima, negeri Sabah menduduki tempat ke sepuluh hanya terletak sedikit di atas Kedah, Kuala Lumpur, Kelantan, Perlis dan Labuan.

Selain kejatuhan dan kemerosotan yang menimpa Sabah di dalam industri berasaskan kayu terdapat banyak lagi faktor lain yang telah menyumbang kepada kadar penurunan yang tidak diingini dalam pertumbuhan sektor perkilangan di negeri ini. Pelan Tindakan Perindustrian Sabah (SIAP) yang telah disediakan bersama oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah telah mengenal pasti faktor-faktor utama seperti:

- (i) kos yang tinggi untuk menjalankan perniagaan di Sabah;
- (ii) kedudukan Sabah yang terkeluar daripada rangkaian perjalanan strategik pengangkutan laut;
- (iii) pasaran tempatan yang terpecah-pecah dan terhad;
- (iv) prasarana dan sokongan perkhidmatan yang kurang efisien;
dan
- (v) harga tanah yang mahal.

Semua faktor ini merupakan penghalang kepada kemasukan pelaburan di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menarik lebih banyak pelaburan ke Sabah sama ada tempatan mahupun asing, galakan-galakan pelaburan tambahan adalah sangat diperlukan untuk mengatasi halangan-halangan yang disebutkan di atas. Sehubungan ini Kerajaan Persekutuan adalah dengan ini diminta untuk meluluskan peruntukan tambahan bagi galakan-galakan seperti berikut:

Melanjutkan kemudahan potongan dua kali atau *double deduction* ke atas bayaran pengangkutan yang pada ketika ini telah diberikan kepada pengilang-pengilang yang mengeksport melalui Semenanjung Malaysia dengan memasukkan bayaran pengangkutan sehingga ke destinasi akhir dan bukan hanya setakat ke Semenanjung Malaysia iaitu di Port Klang.

- (i) Melanjutkan kemudahan potongan dua kali atau *double deduction* ke atas bayaran pengangkutan yang pada ketika ini telah diberikan kepada pengilang-pengilang yang mengeksport melalui Semenanjung Malaysia dengan memasukkan bayaran pengangkutan sehingga ke destinasi akhir dan bukan hanya setakat ke Semenanjung Malaysia iaitu di Port Klang.
- (ii) memberi potongan dua kali (*double deduction*) ke atas bayaran pengangkutan kapal yang membawa masuk bahan mentah, komponen-komponen, *machines* dan alat-alat kelengkapan yang diimport dari luar negeri atau yang diperolehi dari Semenanjung Malaysia;
- (iii) memberi potongan dua kali ke atas perbelanjaan elektrik dan gas yang terlibat dalam proses pengeluaran kepada pengilang-pengilang;
- (iv) memberi potongan dua kali kepada pengilang-pengilang di atas kos penstoran, kos merawat dan melupus sisa-sisa buangan kilang termasuk sisa dan *effluent* kilang-kilang minyak kelapa sawit;

- (v) kerugian-kerugian yang berlaku semasa tempoh galakan taraf perintis dibenarkan untuk dibawa ke hadapan dan ditolak daripada pendapatan selepas tempoh galakan taraf perintis sehingga digunakan sepenuhnya;
- (vi) memberi 100% elaun pelaburan semula kepada perbelanjaan yang dilakukan ke atas loji, mesin, kelengkapan dan bangunan bagi syarikat-syarikat perkilangan dari Semenanjung Malaysia yang berhasrat untuk menempatkan atau membesarkan operasinya di negeri Sabah;
- (vii) memberikan galakan taraf perintis dan elaun percukaian pelaburan bagi kali kedua kepada syarikat-syarikat perkilangan dari Semenanjung Malaysia yang menempatkan atau yang membesarkan operasinya di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sekali lagi di Dewan yang mulia ini, meminta kepada syarikat cari gali nasional iaitu Petronas yang telah beroperasi begitu lama di Perairan Sabah dan Labuan untuk mewujudkan industri hiliran ataupun *downstream* di negeri Sabah seperti mana di dalam bidang industri petrokimia dan industri-industri yang berasaskan gas.

Komitmen Petronas adalah diperlukan dan selain hanya menerima royalti 5%, Sabah tidak menerima *spin off* yang tidak mencukupi khususnya menyediakan asas perindustrian dan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, setiap tahun kalau kita mendengar Petronas mengumumkan keuntungan berbilion-bilion ringgit tetapi apa yang menyedihkan, tidak ada pun usaha-usaha untuk menyediakan *downstream industry* yang berasaskan *oil* dan gas dan ini telah menyekat ramai graduan kita daripada Universiti Malaysia Sabah yang telah kita dirikan dan telah menghasilkan banyak graduan yang berasaskan kepada sains dan teknologi untuk mendapatkan peluang pekerjaan di dalam syarikat-syarikat ini dan juga di dalam syarikat-syarikat yang sepatutnya boleh diusahakan oleh Petronas.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

12.08 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dan kesempatan ini, rasa saya ada beberapa perkara yang perlu kita kongsi bersama. Saya akan menyentuh berhubung dengan pembangunan seimbang. Rata-rata kita lihat kerajaan dan juga kementerian di seluruh negara berbicara soal pembangunan seimbang. Dari segi realitinya, tidak berlaku pembangunan seimbang di antara bandar dan luar bandar.

Apabila disebut pembangunan seimbang, maka ianya mencukupi dalam bidang-bidang pendidikan, prasarana, perumahan, ekonomi, kesihatan dan sebagainya. Kita melihat statistik yang berlaku. Ini saya sentuh soal ekonomi iaitu di mana pada satu ketika kerajaan pernah menyatakan untuk mewujudkan satu kampung, satu industri. Kemudiannya, pada tahun-tahun yang berikutnya maka telah diputuskan pula bukan lagi satu kampung, satu industri tetapi satu daerah satu industri. Kita memang memperakui bahawa kerajaan telah melaksanakan rancangan-rancangan seumpama ini tetapi realiti yang sebenarnya bagi kawasan, daerah luar bandar tidak pun terdapat suntikan dana untuk pengwujudan industri kecil dan sederhana seperti yang kita dengar.

Jadi ini pada saya, sudah tentunya menjadi fokus di mana ketidakseimbangan pembangunan dari sudut ekonomi itu sendiri. Ini dari sudut satu kampung, satu industri daripada industri kecil itu sendiri. Daripada sudut-sudut yang lain, sudah jelas bahawa pembangunan ekonomi sudah tentu tidak seimbang sebab di bandar-bandar memang sudah terdapat kemudahan asas yang diperlukan tetapi di luar bandar, kesemuanya ini tidak ada. Jadi apakah kerajaan benar-benar berhasrat untuk melihat menjelang 2020, iaitu sasaran negara kita menjadi sebuah negara maju akan menyeimbangkan struktur pembangunan bandar dan luar bandar.

Dari sudut pendidikan iaitu sains dan teknologi, kita melihat terlalu sedih. Sekolah-sekolah di luar bandar tidak ada kemudahan-kemudahan dan pendedahan-pendedahan seumpama ini. Bercakap tentang edaran melalui surat khabar dan sebagainya, di luar bandar, satu bulan pun tidak dapat bekalan surat khabar ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi bagaimanakah, apakah pendekatan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa pendidikan yang seimbang ini dapat diterjemahkan. Kita ingin melihat perancangan ini menjadi kenyataan. Kita ingin melihat impian itu menjadi realiti.

Tuan Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Beluran.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Pembangunan yang seimbang bukan sahaja dilihat dari segi perancangan tetapi dilihat dari segi pelaksanaannya.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya ingin menyingkap, di kawasan saya dirancangan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, permohonan-permohonan seperti sekolah menengah tiga buah, klinik kesihatan sebuah, balai bomba sebuah, komuniti kolej, itu disenaraikan daripada luar, tetapi yang tiga ini telah disenaraikan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Tetapi yang sedihnya, sudah hampir habis Rancangan Malaysia Kelapan ini, tinggal setahun lagi tahun hadapan tetapi tidak ada nampak bunyi pun, tidak nampak petunjuk-petunjuk yang projek dan bangunan ini akan dilaksanakan.

Dari segi perancangan, kita tidak sunyi tetapi dari segi pelaksanaan, kita mempunyai masalah untuk diterjemahkan dari segi pelaksanaannya. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa kerajaan harus melihat ini bukan sahaja dari segi perancangan tetapi melihat pembangunan seimbang dari segi pelaksanaannya. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Kami ini dua daerah yang bersempadan, memang masalah hampir serupa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan pakat, Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Bukan pakat, memang inilah realitinya, masalah di peringkat akar umbi inilah. Jadi Yang Berhormat, saya akan sampai ke situ, sebab saya juga serupa dengan Yang Berhormat, kita dahulu, semua yang disebut itu termasuk dalam Rancangan Malaysia Kelapan kemudian saya susuli dengan soalan tambahan, saya mendapat jawapan bahawa siling untuk projek-projek ini sudah tidak ada dan akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Di sinilah kita melihat kelemahan-kelemahan daripada kementerian. Perancangan nampak cantik tetapi apabila pelaksanaannya tidak ada, tidak mengikut *priority*, tidak mengikut keutamaan, maka berlakulah diskriminasi pembangunan.

Saya menyatakan diskriminasi pembangunan kepada daerah-daerah yang terpencil. Jadi saya meminta kementerian-kementerian sama ada Kementerian

Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, apa sahaja kementerian, pegawai-pegawainya harus memfokuskan keutamaan. Apabila sudah diberi keutamaan, bererti di situ ada keperluan.

Hari ini pun saya masih bercakap soal perwujudan bank di luar bandar, di Beluran, di Kinabatangan. Dahulu kita dijanji akan diwujudkan satu pusat perbankan di sana. Sampai hari ini tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana pembangunan seimbang dari segi ekonomi ini boleh berlaku kalau ini semua tidak ada. Apakah kerajaan hangat-hangat tahi ayam? Ataupun kerajaan melihat pembangunan di bandar sudah mencukupi dan tidak perlu lagi di luar bandar?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudahkah berhubung dengan rakyat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sudah, pokoknya semua sudah. Saya telah meminta bantuan Kementerian Kewangan, saya sudah memohon bantuan Bank Negara, pun tidak boleh dapat. Saya hairan apa tujuan kerajaan?

Tuan Yang di Pertua, Jangan Hang Jebat mengkhianati lagi. Jangan biar rakyat luar bandar bangkit menentang kerajaan sebab mereka menanti. Mereka tidak meminta projek-projek mega, mereka tidak memohon penggunaan seperti KLCC, tidak memohon lapangan terbang seperti KLIA dan sebagainya. Apa yang dipinta ini relevan dengan keadaan perubahan semasa. Tetapi semua kementerian bercakap di surat khabar, di TV, dalam Dewan pembangunan adalah sama rata dan seimbang. Bohong. Di mana ada keseimbangan pembangunan? Bomba ini satu keperluan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Beri jalan sedikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sekejap, saya bagi, sekejap. Bomba ini keperluan. Pernah berlaku kebakaran, nasib sederet dua deret rumah. Kalau kebakaran besar-besaran apakah kerajaan mengatakan bahawa itu takdir seperti berlaku di kerajaan PAS di satu ketika dahulu. Tidak ada air pun takdir dan sebagainya. Ini bukan takdir Tuan Yang di Pertua, ini satu masalah perancangan yang tidak teliti. Keperluan ini adalah keperluan masyarakat. Bagaimana sekiranya berlaku kebakaran di Kinabatangan dan di Beluran melibatkan beribu-ribu nyawa? Apakah kita hanya menadah tangan memohon bantuan Allah subhanahu wataala?. Silakan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Kinabatangan. Barang kali Kinabatangan ini baru berani hendak mendedahkan apa yang berlaku di negeri mereka. Sepatutnya dah lama Yang Berhormat pendedahan dibuat, sebelum pilihan

raya patutnya dibuat. Saya tanya Yang Berhormat adakah Yang Berhormat mengetahui tabiat atau perangai pemimpin-pemimpin UMNO ini yang menyebabkan rakyat sakit hati, sudah lama ataupun baru ini Yang Berhormat mengetahui keadaan pemimpin-pemimpin Kerajaan Nasional.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya ingat Rantau Panjang bermimpi. Cuba semak Hansard yang lalu. Ini perkara sudah disuarakan. Itu sebab saya selalu berkata bahawa kita tidak perlu pembangkang sebab dalam Barisan Nasional kita boleh memperbetulkan kelemahan-kelemahan ini. Kalau rakyat marah pilihan raya baru-baru ini saya tengok kerajaan lebih daripada 2/3, kerajaan Barisan Nasional. Apa yang saya katakan ini perancangan menyeluruh dan kalau kita rasa kita percaya kerajaan ini boleh melaksanakan, tugas kita sebagai wakil rakyat meminta kerajaan supaya menyelesaikan masalah ini. Jadi akan datang akan hilang lagi kerusi-kerusi pembangkang. Itu sebab kerajaan ini pun adil. Dia tidak bagi semua, kalau dia bagi semua tiadalah pembangkang. Jadi *undemocratic* lagi, cakap pembangkang tiada demokrasi lagi dan sebagainya. Kita demokrasi. Rakyat pilih kita. Itu sebab saya katakan tadi jangan sampai rakyat marah sementara pembangkang dapat kemenangan. Kalau kita selesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat saya tengok Dewan ini akan sunyi. Tetapi kita percaya kita tidak akan sunyi sebab kita sendiri telah bekerja keras untuk memastikan kita akan *criticize* kementerian dan juga kerajaan yang tidak menjalankan tugas yang betul.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krai berminat Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di Pertua dan Kinabatangan di atas kesungguhan Kinabatangan ini. Saya ucapkan syabas dan tahniah. Saya daripada Kelantan dan Kuala Krai khususnya, mencadangkan setuju atau tidak Yang Berhormat Kinabatangan supaya apa yang disuarakan oleh menteri-menteri kita ini supaya dilaksanakan tahun ini juga dengan serta-merta supaya bila kita balik nanti segala projek yang terbengkalai yang dipohon pasti akan dilaksanakan tahun ini juga. Insya-Allah, bersetuju atau tidak Kinabatangan dengan cadangan saya ini. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat, saya setuju cuma untuk tahun ini memang agak mustahil. Sebab untuk membina bangunan untuk rakyat ini

bukan mudah seperti kita menggoreng mee dan sebagainya. Tetapi saya memang bersetuju sekurang-kurangnya kerajaan harus ada *time frame* atau waktu sasaran. Bila bomba-bomba di luar bandar dapat diwujudkan. Bila sekolah-sekolah menengah yang diperlukan ini dapat dibangunkan. Bila jalan raya dapat diturap. Bila pembangunan ekonomi. Bila bank-bank dapat diwujudkan. Ini kita harus ada sasaran. Sampai berapa tahun? 20 tahun, 50 tahun? Jadi kita tidak lagi bercakap seperti di hari ini. Saya kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bosan bercakap tetapi sebagai wakil rakyat saya harus bercakap sebab masalah tidak selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong hendak menolong Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Saya memang suka dengar perbincangan saudara kita daripada Kinabatangan. Memang selalu *fiery*. Dia sebut lagi tentang bank di kawasan luar bandar. Kenapa kerajaan tidak melaksanakan bank-bank di kawasan luar bandar? Sebenarnya bank di kawasan luar bandar adalah penting untuk rakyat di kawasan luar bandar. Oleh itu saya juga menyarankan agar bank-bank ini haruslah wujud di kawasan luar bandar kerana kalau tidak ada bank di kawasan luar bandar bagaimanakah penduduk-penduduk di luar bandar untuk membuat aktiviti-aktiviti ekonomi yang boleh menyasarkan kehidupan mereka. Kalau tidak ada bank, ini bermakna mereka tidak boleh pinjam duit. Kalau mereka tidak meminjam duit, ini bermakna mereka tidak boleh, tidak dapat menceburkan diri dalam bidang ekonomi yang terbuka seperti di kawasan bandar. Yang kedua, Yang Berhormat Kinabatangan, apakah pendapat Kinabatangan tentang strategi kerajaan bagi menangani masalah kemiskinan ini di kawasan luar bandar. Saya nampak banyak yang diperlukan di kawasan luar bandar tetapi kalau pembangunan tidak seimbang bagaimanakah kemiskinan ini dapat diatasi di kawasan luar bandar dan kalau penduduk-penduduk di kawasan luar bandar sentiasa miskin apa gunanya bank? Yang Berhormat sila jelaskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Mambong. Persoalan ini sebenarnya masyarakat biasa pun boleh menilai bagaimana daerah itu boleh maju, serba-serbi tidak ada. Di sini kita ingin meminta sejauh mana seriusnya kerajaan menangani isu seumpama ini. Saya telah menulis surat kepada Kementerian Kewangan Jawapannya, mengenai bank ini bahawa belum ada keperluan dan dinasihatkan masyarakat sekitar berurusan dengan Pejabat Pos melalui Amanah

Saham Nasional. Di mana Bank Simpanan Nasional. Bank Simpanan Nasional tidak beroperasi untuk berniaga. Dia menggunakan buku akaun untuk budak sekolah bolehlah. Tetapi untuk perniagaan semasa seperti kilang-kilang kelapa sawit, industri-industri lain semua ke Lahad Datu, ke Sandakan memakan masa yang lama. Jalan raya pun satu *lane* sahaja, kemalangan hari-hari berlaku. Jadi semua ini kena diselidiki dan buat keputusan Bila? Saya mahu bertanya Kementerian Kewangan bila bank di daerah-daerah seperti di luar bandar termasuk di Sarawak termasuk di Mambong boleh diwujudkan? Saya juga mahu tanya bila sekolah-sekolah di luar bandar ini boleh didirikan. Beri kita waktu. Walaupun 100 tahun tidak mengapalah kita tunggu. Dalam masa 100 tahun kita tidak cakap lagi dah, kita tunggu, mesti ada time frame dia. Bila perumahan-perumahan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Seputeh dan Bandar Kuching bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya ada jawapan, bila kami di sebelah sini mengambil alih kepimpinan negara, bila kami menjadi kerajaan semua yang diminta oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan semuanya akan diberi.

Beberapa Ahli: Jangan mimpilah ... *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya *expect* dia hendak bertanya dengan saya bagus-bagus. Kalau macam ini saya tengok *next election* kalahlah. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, statistik menunjukkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching bangun Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih. Saya sangat tertarik terhadap ucapan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Yang Berhormat, memandangkan semua kawasan yang DAP memang pembangunannya hebat dan cepat, oleh itu cadangan sayalah minta sama ada Yang Berhormat bersetuju demi kebaikan rakyat di kawasan Kinabatangan pilihan raya yang akan datang iaitu yang ke-12, Yang Berhormat tidak payah bertandinglah. Biarkan kita DAP menang *uncontested* satu kali cuba demi kebaikan rakyat. Mungkin Yang Berhormat bagi Kinabatangan akan diberi perhatian yang berlebihan daripada kerajaan, setujukah Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kita ini dalam Barisan Nasional, kita bukan suka hendak bertanding sangat tetapi Kerajaan Barisan Nasional apabila melihat wakil

rakyat itu berpotensi kita diberi kepercayaan, kepercayaan itu kita gunakan untuk membangunkan rakyat. Kalau Yang Berhormat bagi Bandar Kuching cakap semua bandar DAP menang bukan semua, banyak juga DAP kalah, Johor Bahru kalah, Kota Melaka kalah, kita menang di Kota Melaka, itu kubu kuat DAP pun kalah, ha! Jadi Yang Berhormat bagi Bandar Kuching hati-hati nanti kalah pula. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ha, Yang Berhormat bagi Jerai. Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Hari ini di Dewan yang mulia ini seorang Ahli Dewan pembangkang DAP telah memperakui di depan Timbalan Presiden DAP iaitu Yang Berhormat bagi Kepong mengatakan bahawa kerajaan memberikan pembangunan kepada kawasan-kawasan pembangkang. *[Tepuk]* Ini menunjukkan termasuk Pasir Mas, Assalamualaikum Yang Berhormat *[Memusingkan badannya ke arah Yang Berhormat bagi Pasir Mas]* *[Ketawa]* Saya ingat Yang Berhormat lena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kalau hendak berbual pergi kantin.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, ini untuk direkodkan di Dewan yang mulia ini bahawa jangan lain kali parti-parti pembangkang terutama sekali DAP mengatakan kerajaan menganaktirikan pengundi-pengundi di dalam kawasan mereka, sedangkan kami di dalam kerajaan melalak-lalak memohon bantuan daripada kerajaan kerana tanggungjawab kami sebagai wakil kerajaan untuk membangunkan kawasan-kawasan kami.

Jadi, saya berharap dalam belanjawan kali ini kawasan-kawasan yang mana diperolehi oleh DAP termasuk Bukit Mertajam, semua peruntukannya dibekukan dan diberikan kepada kawasan-kawasan yang memerlukan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cadangan saya yang begitu baik dan murni serta adil? *[Ketawa]* Ini disahkan oleh wakil DAP sehinggalah mereka sanggup hendak meminta Yang Berhormat bagi Kinabatangan jangan bertanding hendak beri kat depa, awat depa ingat pak depa punyakah kawasan ini? *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kerana pandangan saya ini bernas dan bersetuju, cuba kita tengok pelajar-pelajar, *[Memandang ke arah pelajar-pelajar di galeri awam]*

tengok macam mana kita membela orang kampung ini, balik pergi cerita dekat orang kampung, tengok macam mana Yang Berhormat bagi Kinabatangan itu sudah dikira cukup baik.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, pergi ke kampung dia orang berceramahlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha? Apa dia Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau hendak berceramah dengan pelajar, pergi ke kampung dia oranglah.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, kita hendak tahu dan kita tengok macam mana Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam mulut 'pot pet, pot pet, pot pet' *[Ketawa]* ini cara dia, kita di sini bagus. Yang Berhormat bagi Kinabatangan dengan suara yang lantang, dengan semangat yang tinggi meminta kerajaan menolong rakyat. Jadi, macam mana Yang Berhormat Kinabatangan? Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Kalau ikut hati saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat tetapi kerajaan ini cukup adil, yang seadil-adilnya, kita memberi pembangunan, kadang-kadang kita sakit hati kenapa memberikan pembangunan di bandar-bandar, kenapa tidak di luar bandar, sedangkan kekuatan kita Barisan Nasional ini kebanyakannya dari luar bandar, tetapi ternyata kerajaan adil, cuma pembangkang terus mengatakan tidak adil. Ha! ini pembangkang tetapi kita tidak hairan, sebab pembangkang *is* pembangkang, kerjanya bangkang sahaja, tidak betul pun bangkang, macam kelmarin kita memberi peluang Pengerusi DAP baru iaitu Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor untuk membela diri, minta maaf apa salah?

Tetapi oleh kerana kesombongan, keegoan, maka berlakulah peristiwa yang sedih. Kita terpaksa mengambil keputusan, apa salahnya meminta maaf, *sorry* sahaja, berat sangatkah? Tetapi saya pun bersetuju sebab itu saya bangun dalam *Supplementary Bill* ini sebab sekurang-kurangnya enam bulan kerajaan telah menjimatkan RM100,000 wang rakyat daripada dibayar kepada pembangkang yang tidak ada tentu arah perjuangannya, lebih baik RM100,000 yang enam bulan ini diberi kepada rakyat yang memerlukan pembangunan.

Saya lebih suka kalau ada lagi pembangkang-pembangkang yang bersikap membesar diri, sombong, kita gantung, kita tidak peduli. Dia tidak mahu meminta maaf, apa susah meminta maaf, terlalu beratkah? Maaf. Tidak berat tetapi kesombongan itu, dia ingat dia kena gantung dia menjadi hero di luar, tengoklah. Ada lagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ada. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya dengan penstrukturan baru DAP ini, ini ada dia punya *message* dengan kepercayaan DAP kepada Yang Berhormat bagi Kepong, orang yang kita kira lemah lembut, bukan lembut tetapi lemah lembut, orang yang berbudi bahasa, bolehkah Yang Berhormat Kepong dari pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, boleh memperbetulkan sistem angin-angin yang ada di dalam DAP ini kerana saya nampak sistem mereka ini kadang-kadang tidak menentu, seolah-olah dia ada ribut di sana dan ribut di sini tetapi kalau kita tengok Yang Berhormat bagi Kepong walaupun duduk di dalam kawasan terkepung tetapi dia punya pemikiran agak terbuka dan saya percaya kalau Yang Berhormat bagi Kepong berada di situasi di tempat Pengerusi mereka kelmarin, Yang Berhormat bagi Kepong telah meminta maaf. Kita tengok juga ketidakadilannya sistem dalam DAP sekarang di mana apabila pengerusi baru dilantik sebagai Pengerusi DAP yang Ketua Pembangkang yang tidak ada jawatan dalam parti masih kekal dan elaun-elaun, kemudahan-kemudahan sebagai Ketua Pembangkang diambil.

Jadi, inilah sistem yang dikatakan berjuang untuk keadilan sedangkan di dalam parti sendiri pun diambilnya hak orang. Jadi, adakah.....

Seorang Ahli: Kepong! *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kinabatangan hendak memberi penjasankah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Kepong hendak mempertahankan ketidakadilan yang berlaku kepada Pengerusi Yang Berhormat Kepong sendiri, kenapa Yang Berhormat membisu apabila saya menegur? *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat, saya kurang arif dengan DAP ini tetapi memang kita melihat dia tidak demokratik, sudahlah Pengerusi yang dipilih pun seorang peguam yang tidak tahu undang-undang sedangkan dia faham, Setiausaha Agungnya pula anak kepada Ketua Pembangkang, yang lain-lain kasihan

tinggal diam. Yang Berhormat bagi Seputeh dahulu kuat bersuara, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, sekarang diam. Saya punya rakan-rakan dari Bukit Bintang semua dahulu saya lihat sebab saya sama-sama tetapi sekarang semua *follow the boss*, tukang angguk sahaja. Ha! inilah dia DAP tetapi cakap Barisan tidak demokratik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dalam parti sendiri yang tidak demokratik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Beri, beri.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya rasa lebih baiklah Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini dari UMNO, kalau UMNO banyak politik wang, ada yang sampai digantung.

Jadi, masing-masing menjaga rumah tangga sendirilah, tidak payah campur tangan rumah tangga orang lainlah. Ini yang pertama.

Yang kedua, tidak ada gunanya cakap dalam Parlimen ini – buang masa. Saya rasa masalah di Kinabatangan banyak sekali, banyak sekali sampai bank pun tidak ada. *[Ketawa]* Ha, bank tidak ada, bomba pun tidak ada, kalau berlaku kebakaran, semua mati. *[Ketawa]* Jadi, tumpulah masa kepada masalah di kawasan sendiri, janganlah buang masa mencampuri dalam urusan rumah tangga orang lain. Adakah Yang Berhormat setuju? Terima kasih. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kita tidak berhasrat campur tangan tetapi apabila ada pertanyaan kita kena jelaskan. Dan soal pembangunan, inilah maka saya berdiri di sini, saya cakap apa kekurangan. Tadi saya tanya, saya minta kementerian kalau boleh memberikan jawapan. Saya tunggu jawapan ini dari kementerian-kementerian berkenaan. Saya mahu tanya bila had waktunya – ada masalah-masalah pendidikan, bangunan-bangunan sekolah menengah dapat diselesaikan, pewujudan bank ...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: pewujudan bomba.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi masa Yang Berhormat sudah hendak habis.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Apa pasal? [Ketawa]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Kinabatangan, kita campur tangan kerana semangat kejiranan. Saya berbalik kepada perkara Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan, kita didepankan dengan RM6.681 bilion – enam bilion, RM6.6 bilion untuk Perbelanjaan Mengurus. Saya tengok dia punya rangka-rangka begitu banyak sekali. Hari ini saya pergi ke tandas - pagi tadi, tandas Parlimen.

Seorang Ahli: Selalu tidak pergikah?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Selalu pergi. Ini adalah Dewan yang amat mulia, saya tengok singki habis basah, berterabur *tissue paper* atas lantai. Maka ini soal manusia, sikap manusia, 'kemadaniaan' manusia (*human civilization*). Saya hendak tanya, kalaulah banyak duit dibelanjakan tetapi manusia di bawah ataupun di peringkat yang ingin melaksanakan program-program ini belum lagi bersedia memahami dasar dan juga mempunyai nilai-nilai yang perlu untuk merealisasikan hasrat dan dasar kerajaan, sampai mati kita akan bersandiwara, berhikayat. Inilah akan jadinya.

Bagaimanakah *mindset* ini yang sudah pun 300 tahun didewasakan di Barat dapat direalisasikan di Malaysia – pi mai pi mai tang tu juga. Inilah masalahnya dan kita akan mendabik dada bersuara dahsyat tetapi akhirnya pergi ke akar umbi sana, ha, tandas baru buat satu bulan sudah habis jatuh. Ha, macam-macam, dia bukan membuang air kecil, dia pakai senapang MG.18. Inilah masalahnya. So saya minta pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, macam mana hal ini boleh diselesaikan di peringkat akar umbi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kita selalu mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bimbang, negara kita dikenali sebagai *first-class facilities* tetapi *third-class mentality*, dengan izin. Jadi inilah masalah yang kita hadapi. Selagi ada masyarakat yang bersifat begini – tidak prihatin, tidak ingin mengambil pengetahuan dan tidak ingin menjalankan kewajipan secara kemanusiaan, selagi itu kita tidak akan menjadi negara maju. Oleh sebab itu saya suka menyarankan, sama ada di peringkat Menteri, peringkat kerajaan, wakil-wakil rakyat, NGO dan sebagainya, kalau kita ingin melihat negara kita ini membangun, maju, seimbang dengan prasarana dan mentaliti kita, kita kena menjurus ke arah masa depan negara. Bagaimana

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Gulung ya? Cepat ... baru lima minit sudah kena gulung! So, Tuan Yang di-Pertua, statistik menunjukkan di Semenanjung Tanah Melayu ...

Tuan Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: pusat-pusat *[Ketawa]*

Tuan Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini, saya dengar banyak tadi rintihan-rintihan mengenai dengan pembangunan yang tidak seimbang. Apakah Yang Berhormat bagi Kinabatangan bersetuju, di mana saya juga, Parlimen Pasir Puteh, bukan Seputeh, Pasir Puteh juga tidak seimbang kerana lebih 14 tahun di bawah pemerintahan PAS. Maka saya baru mengambil alih dan saya tengok banyak juga yang tidak seimbang, tetapi adakah kita akui bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang sedang membangun, pesat membangun tetapi kita hendak memantapkan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kelima ini mengatakan bahawa Malaysia sedang pesat membangun, tetapi zaman ini ialah zaman untuk kita memantapkan. Dalam 47 tahun kita merdeka, kita perlu memantapkan. Saya rasa *impossible*, dengan izin, untuk kita sekali gus boleh memantapkan seluruh negara sampai ke Kinabatangan, sampai ke Pasir Puteh dan lain-lain kawasan Parlimen, saya rasa ia satu benda yang mustahil. Maka dengan sebab itu kita hendak percakapan kita pada hari ini bukan sahaja disokong atau tidak disokong oleh pembangkang - kita tidak perlu, sebab kita adalah kerajaan yang kuat, kita sudah ada majoriti 2/3, kita hendak supaya kita berfikir ke arah bagaimana kita hendak memantapkan. Setujukah atau tidak? Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Memang bersetuju sebab negara kita ini kalau pemimpin-pemimpin luar negara datang, dia turun di KLIA, "Ooo!:" dia kata, "Malaysia negara maju" bukan lagi negara membangun, tetapi yang kita cerita ini iaitu pembangunan seimbang ke arah memantapkan. Kita meminta kerajaan supaya lebih

menjuruskan ke arah memantapkan pembangunan yang seimbang sebab kita tidak mahu di bandar yang maju, di luar bandar terus tertinggal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Satu minit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Ini berhubung dengan statistik kesihatan – pusat-pusat kesihatan, klinik-klinik desa. Di Semenanjung ini, boleh dikatakan dalam rujukannya menunjukkan bagi setiap lima kilometer ada satu pusat kesihatan; klinik-klinik kecil jangan cakaplah. Tetapi kalau kita lihat, bukan lima kilometer, pada setiap satu kilometer akan terdapat bangunan-bangunan dan pusat-pusat kesihatan, dan kesemua ini tidak terdapat di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi di Sarawak dan mungkin juga di Kelantan.

Jadi, bilakah Kementerian Kesihatan mempunyai komitmen? Saya mahu tanya juga, saya berharap dijawab oleh kementerian yang menjawab persoalan kita pada hari ini, saya akan tunggu petang ini dia menjawab. Kalau tidak dijawab juga sampai besok, saya akan cakap sampai bila-bila, bilakah masanya sebab ini juga keperluan rakyat. Sudah ada rakyat di Kinabatangan yang meninggal dalam perjalanan, jalan tidak bagus, kalau hujan tidak boleh dilalui. Jadi ini masalah keseluruhan yang harus difikir oleh kementerian yang ada. Jangan cakap tak serupa bikin.

Saya memintalah, Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang singkat ini, kementerian-kementerian ini harus menjurus, berbincang dengan pegawai-pegawai secara serius macam mana *delivery system* dia, pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang, sebab tidak masuk akal projek yang sudah masuk dalam Rancangan Malaysia Kelapan tetapi boleh diturunkan dan hilang di situ. Bila kita tanya, dia cakap akan dimasukkan ke dalam RMK9. Ha, ini satu kerja yang tidak betul

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: dan perlu diperbetulkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin.

12.44 tgh.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin bersama dalam membincangkan, membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Pertama dengan memfokuskan masalah yang kita hadapi pada hari ini, yang kalau kita tidak bendung akan timbul masalah besar kepada negara iaitu tentang kebanjiran pekerja asing ke dalam negara kita.

Kita sudah bincang sehari-hari hendak menambah peruntukan untuk kementerian-kementerian tetapi kadang-kadang kita fikir apa sahaja pembangunan yang akan kita buat sekarang bukan semua dapat kepada rakyat di negara kita tetapi pekerja asing yang datang menumpang ini dapat kemewahannya. Ini jelas kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kita lihat di Chow Kit sahaja sekarang ini. Siapa yang menguasai pasar Chow Kit? Kita lihat pasar malam, siapa yang menguasai pasar malam? Kita lihat dan kita buat ekspres tol Plus dengan begitu pusat R&R nya yang begitu cantik, tetapi yang berniaga, "*Bapak mahu apa? Mahu makan apa pak?*" [*Dewan riuh dengan ketawa*] Adakah ini menguntungkan rakyat kita? Dan hari ini kita di dalam mesyuarat yang lepas kita membincangkan tentang siswazah kita yang menganggur, orang-orang kita menganggur. Tetapi peluang-peluang pekerjaan ini kita lihat banyak diambil peluang oleh pekerja-pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dahulu kita tidak pernah meluluskan, kita tidak pernah meluluskan kuota untuk kemasukan pekerja asing bagi sektor *service*. Hari ini hampir semua pekerjaan sektor *service* ini 100% dibolot oleh pekerja asing. Malah di hotel-hotel *five star* pada hari ini, *waiter waitress* pun pekerja asing. Bukankah tempat-tempat itu untuk rakyat kita, kalau yang kedai-kedai mamak dan kedai-kedai nasi kandar apa itu semua dan tukang pelayan itu mungkin orang kita tidak hendak kerja situ mungkin gaji kecil. Tetapi sebagai *waiter*, sebagai *receptionist* di hotel, pekerja asing, dari Filipina, dari Indonesia yang ini pun Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya pun jadi sakit hati. Hari ini kita belanja banyak Kementerian Pelancongan untuk kita menarik pula pelancong-pelancong daripada luar datang ke negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, salah siapa Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Salah kita juga!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hah!

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Esok kita akan dipersoalkan, RM2 juta lebih Tuan Yang di-Pertua. Yang sah, yang tidak sah, RM2 juta lebih. 10% dengan izin daripada population hari ini, orang asing. Yang menyedihkan....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai bangun.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Aku ingat hendak habiskan? *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kenapa Yang Berhormat ini *emotional* sangat pagi ini?

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya *emotional* ini Jerai, sebab kawan saya tadi, Timbalan Menteri mengurat tidak dapat *[Ketawa]* Fasal sekarang ini anak-anak dara kita kalau muka macam saya, muka macam Jerai ini tidak laku. Dia hendak hidung yang macam ini *[sambil menunjukkan hidung]* *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat saya hendak minta penjelasan...

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Dia hendak hidung macam ini...*[ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hidung yang boleh kupas 'nyor' Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak penjelasan daripada Yang Berhormat. Ini bermakna kalau pendatang-pendatang daripada luar boleh masuk ke negara kita tanpa izin bermaknanya perairan kita dan sempadan-sempadan kita ini kawalannya tidak baik. Timbalan Menteri dalam negeri kita sudah datang. Jadi bermaknanya kita kena pertingkatkan kerana saya lihat, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat daripada Jasin, macam pelayan di kedai makan ini pun sekarang ini semua dari *import*. Fasal apa? Jadi orang-orang kita tidak ada kesempatan, sebab dia kata ini senang kira, apa semua, jadi itu satu masalah.

Yang keduanya ini minta maafah cakap Tuan Yang di-Pertua, anak-anak dara kita ini

Beberapa ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bercelaru habis! Fasal yang datang itu hidung betul Yang Berhormat Jasin kata, hidung terletak terus terang, boleh kupas 'nyor', Yang Berhormat Pendang. Jadi orang-orang kita, yang lelaki-lelaki kita duduk di pusat serenti. Tidak boleh buat apa, apabila datang jenis yang macam ini,

bagus punya ada, jadi celaru kita. Jadi saya minta Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, pertingkatkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Minta penjelasan Jasin dan bukan minta menteri. [*Dewan riuh dengan ketawa*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Ketawa*] Tidak apa, saya *through* Jasin dan Jasin *through* balik pada Menteri [*Dewan riuh lagi*] Supaya mengawalkan dan memberi peluang kepada rakyat tempatan. Hari ini Yang Berhormat Jasin bersetuju dengan saya atau tidak rakyat tempatan kita banyak tidak ada kerja. Bukan alasan tidak ada macam di satu kilang dalam kawasan saya, yang bawa van ini, yang mencari makan untuk membela anak bini di rumah ini, pun syarikat ini dia kata dia tidak mahu ambillah. Pasal dia hendak ambil pekerja-pekerja daripada luar kononnya daripada Vietnam, alasannya pekerja-pekerja daripada luar tidak menimbulkan banyak masalah. Pekerja-pekerja dalam negeri menimbulkan masalah. Jadi dengan sebab itu pekerja-pekerja yang sudah kerja, yang boleh bekerja di kampung ini segala Timah, Kiah, Pah, apa semua ini, yang duduk kerja di kampung ini sudah tidak boleh kerja dia ambil pekerja-pekerja daripada Vietnam kerana alasannya dia boleh *control* pekerja ini dan gaji dia tidak kompelin.

Jadi di sini pada pandangan Yang Berhormat Jasin, saya hendak bagi tahap emotional Yang Berhormat itu turun sedikit sebab itu saya minta penjelasan panjang sedikit. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri yang menjaga fasal passport mereka semua ini? Supaya kalau hendak beri orang luar masuk pun pastikan hanya untuk kerja-kerja yang tertentu bukan sembarangan kerja walaupun ada kawalan. Jadi kita tengok di Dewan ini semua ini hendak suruh kerja dan hendak keluar ini Yang Berhormat.

Saya biasa ke universiti Yang Berhormat, saya bercakap dengan pelajar apabila berdialog pelajar kata, ini kami Yang Berhormat selepas universiti ini kami hendak kerja macam mana? Saya kata kamu semua belajar dahulu belajar pun tidak habis lagi hendak kerja. Kita kejutkan mereka balik macam begitulah. Mereka hendak keluar pergi kerja macam mana kalau peluang-peluang ini diambil oleh pekerja-pekerja asing. Jadi macam manakah pandangan Yang Berhormat Jasin ini? Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya setuju dengan pendapat Jerai kerana pada hari ini kita lihat kilang-kilang ini yang mengambil kesempatan. Kalau dia pakai pekerja tempatan, dia kena bayar EPF, dia kena naikkan gaji tiap-tiap tahun kerana

ada kenaikan. Tetapi kalau dia pakai pekerja asing EPF pun dia tidak perlu bayar dan juga tingkatkan gajinya. Hari ini kita sudah tetapkan kadar kemiskinan kita sekitar 500 lebih sebulan yang mana di bawah 500 itu dia miskin tegar. Tetapi kita lihat ada banyak lagi kilang-kilang oleh sebab mereka menggunakan pekerja-pekerja asing ini mereka bayar gaji RM400 hingga RM450. Dan EPF tanpa bayar, jadi ini yang kita kena hari ini kalau Kementerian Dalam Negeri terima permohonan daripada kilang-kilang, kita kena selidik. Saya ini Yang Berhormat daripada Jerai kalau hendak beritahu, Yang Berhormat Jerai pun tahu saya pun ada agensi pekerja asing.

Saya juga cari makan dengan membawa masuk pekerja asing tetapi kita kena harus ingat ini masalah negara....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]...[Ketawa]*

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang ini saya sudah naik takut sudah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh naik takut, ha tak apa!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sila, sila.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Tengok keadaan sudah naik takut sudah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Atau pun Yang Berhormat hendak tambah kuota pula?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Sudah pun keadaan yang begitu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tangga Batu, Tangga Batu bangun.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Silakan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya amat berminat sekali tentang masalah yang timbul tentang pekerja asing yang dengan izin ini Yang Berhormat Jasin. Tadi Yang Berhormat Jerai sebut tanpa izin itu lain cerita, ini yang dengan izin ini. Jadi permasalahan yang terdapat di kawasan saya di Tangga Batu sebuah kilang yang besar dan disebut sebagai salah satu berhutang dengan Tenaga Nasional paling besarlah. Di mana syarikat ini sebenarnya telah pun mengambil kesempatan dengan keadaan upah pekerja asing dengan begitu murah ini telah pun melakukan diskriminasi

terhadap pekerja-pekerja tempatan. Hasilnya bukan sahaja upah mereka murah tetapi mereka juga telah diberikan peluang bekerja lebih masa yang menjangkau pendapatan pekerja-pekerja tempatan sehingga pendapatan pekerja tempatan tadi di bawah paras garis kemiskinan.

Yang Berhormat Jasin, saya dapati mungkin kalau kita laporkan perkara ini kepada pihak Kementerian Sumber Manusia ataupun Kementerian Dalam Negeri mungkin mereka ini akan menganggap ini semua sebahagian kecil daripada yang berlaku di peringkat akar umbi. Tetapi ianya telah pun mendatangkan satu masalah sosial yang besar di kawasan saya di Tangga Batu. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat bahawa perlu ada pemantau atau perlu ada mekanisme yang memantau aktiviti ini pada setiap masa dan ketika supaya ia tidak disalahgunakan oleh pemilik-pemilik kilang ini terutamanya mereka yang datang daripada luar ke negeri Melaka?

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya daripada Tangga Batu, saya setuju. Kita kena berhati-hati soal ini kerana kalau orang yang datang ke negara kita ini dia datang hendak cari makan tetapi didiskriminasikan dan akhirnya mereka akan cari jalan keluar. Saya pernah dengar cerita banyak, contohnya di Muar, kawasan Muar jiran dengan saya. Oleh kerana gaji mereka tidak cukup kerana kerja kilang elektronik di kawasan itu tidak cukup, akhirnya dia kerja lain waktu malam Tuan Yang di-Pertua. Kita tanya dia, mengapa tidak kerja *overtime*, *overtime* malam lagi hebat Pak pendapatannya. Akhirnya menjadi keadaan sosial di kawasan sendiri.

Ini yang jadi masalah, anak-anak kita tidak akan bekerja di kilang-kilang tersebut kerana gajinya sebagaimana yang disebutkan oleh saudara saya daripada Tangga Batu tadi, di bawah paras kemiskinan. Dan yang perempuan pula ambil kesempatan oleh sebab makan tidak cukup maka pergi mencari kerja-kerja yang mendatangkan keuntungan dan yang tidak bermoral. Itu yang cara izin, yang tanpa izin ini lagi teruk. Yang tanpa izin pada hari ini telah menimbulkan kesan yang begitu negatif kepada negara kita, kita lihat dalam negara kita dahulu, kita telah dapat mengatasi masalah penyakit-penyakit berjangkit ini tetapi hari ini kita sudah datang balik penyakit-penyakit berjangkit sudah serang orang-orang kita kerana yang tanpa izin ini datang kita tidak tahu daripada tempat dia, dia bawa penyakit masuk dalam kawasan kita.

Di Jasin sahaja di kawasan saya, benda ini amat mendukacitakan kerana pada hari ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua di Jasin ini satu doktor pada hari ini dengan bersamaan dengan 5,700 penduduk yang mana nasional punya kalau hendak satu doktor, 1,500 penduduk. Dan tiga suku daripada kawasan Jasin merupakan estet-estet dan banyak pekerja asing tanpa izin ini duduk di estet-estet di kawasan saya dan pada hari ini kalau dahulu kita tidak pernah dengar orang Jasin kena TB, hari ini sudah timbul kena TB. Kalau dahulu kita tidak dengar orang Jasin kena untut hari ini sudah ada penyakit untut balik. Ini yang menimbulkan masalah dan lebih-lebih lagi kepada mereka yang pekerja asing yang tanpa izin ini sering ditindas oleh majikan-majikan dan oleh kerana mereka ini telah ditindas oleh majikan-majikan, akhirnya mereka juga ambil kesempatan menjalankan kerja-kerja merompak, konon hendak membalas dendam kepada majikan Malaysia.

Ini jelas kita lihat di kawasan-kawasan pedalaman kelapa sawit menggunakan pekerja-pekerja asing tanpa izin, apabila kerja itu dekat hendak siap mereka panggil imigresen dan polis datang tangkap pekerja-pekerja asing ini. Gaji mereka tidak bayar. Akhirnya orang yang terlepas ini telah lari masuk dalam pekan. Oleh sebab hendak membalas dendam kepada orang Malaysia dengan tindakan dua, tiga orang yang tidak bertanggungjawab tadi mereka datang ke negara kita merompak dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua oleh sebab masuk pukul saya tidak hendak panjangkan lagi ucapan saya walaupun banyak lagi beri peluang kepada orang lain saya berharap masalah kebanjiran buruh asing ini kita kena atasi segera dan yang mana tanpa izin ini sebagaimana yang telah disebut oleh kementerian kalau hendak hantar balik percepatkanlah hantar balik tetapi kalau hendak memikirkan bahawa kalau dihantar balik getah kita tidak ada orang toreh, kelapa sawit kita tidak ada orang hendak jolok, hendak keluarkan kita *legalise*kanlah mereka ini. Dan kalau kita *legalise* dengan cara pemutihan yang pernah kita buat kemungkinan kerajaan juga akan mendapat duit levi dan kita denda majikan yang menggunakan khidmat pekerja-pekerja asing itu dengan denda RM2,000, RM3,000 satu kepala mungkin kerajaan akan untung lebih kurang RM10 bilion kalau kerja pemutihan ini dibuat.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2004, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang jam 1.00 tengah hari, oleh itu dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Ada sesiapa yang berhasrat untuk berucap? Berapa ramai lagi?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Empat sahaja ya? Tangga Batulah.

2.32 ptg.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya pada sesi petang ini untuk melibatkan diri di dalam perbahasan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama bagi tahun 2004 ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah dikejutkan dengan berita yang mungkin akan memberi kesan atau impak yang begitu besar kepada perkembangan kesihatan di negara kita di mana kekurangan para doktor berbanding dengan bilangan penduduk di negara kita. Walaupun ratio doktor kepada penduduk pada hari ini diletakkan pada tahap yang begitu *ambitious* ataupun yang begitu tinggi, 1:1,500 ataupun 2,000 orang untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020, kita mendapati pada kasarnya, hari ini kita berada di tahap 1:5,000 secara purata.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya bangkitkan di sini adalah berkaitan dengan tiga kementerian yang perlu diberikan perhatian oleh pihak kerajaan iaitu Kementerian Kesihatan terutamanya, yang kedua Kementerian Pendidikan Tinggi dan yang ketiga Kementerian di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dengan penjawat-penjawat awam di mana kalau kita lihat Perbelanjaan Mengurus telah

diperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk penstrukturan semula jabatan-jabatan di bawah kementerian yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku pada hari ini adalah para doktor kita yang menjadi pengamal perubatan di hospital-hospital kerajaan telah pun digalakkan untuk melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan. Untuk makluman Dewan, kita ada tidak kurang daripada 13 fakulti perubatan di seluruh negara yang melibatkan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan juga Institusi Pengajian Tinggi Swasta dan 13 fakulti ini dipertanggungjawabkan bukan sahaja melahirkan graduan-graduan di bidang perubatan tetapi juga mereka bertanggungjawab untuk menghasilkan pakar-pakar, untuk mengeluarkan pakar-pakar, untuk menampung keperluan negara di masa hadapan, bukan sahaja di dalam peningkatan tahap kesihatan masyarakat, tetapi juga penambahan bilangan doktor-doktor pada masa hadapan.

Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita lihat tawaran ini diberikan kepada pengamal-pengamal perubatan biasa di hospital-hospital kerajaan melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tempatan dan apabila mereka telah berjaya mendapat ijazah di peringkat pakar, mereka ingin mengamalkan kepakaran mereka di hospital-hospital kerajaan tetapi telah dinasihatkan oleh penyelia-penyelia mereka untuk menyambung terus pengajian mereka di peringkat universiti, menjadi tenaga pengajar, tujuan untuk menampung kekurangan yang wujud di institusi pengajian tinggi awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku apabila doktor-doktor biasa yang telah menjadi pakar ini, yang telah menerima ijazah pakar ini, ingin pulang ke hospital lama bertugas sebagai pakar, kemudian dinasihatkan oleh penyelia mereka untuk bersama-sama penyelia mereka di universiti mengajar siswa-siswa di bidang kedokteran, di universiti-universiti awam ini. Mereka menerima tawaran tersebut dan mereka terpaksa meletakkan jawatan mereka di Kementerian Kesihatan.

Apabila mereka meletakkan jawatan mereka di Kementerian Kesihatan dan menyambung perkhidmatan mereka di institusi pengajian awam ini, di IPTA ini, mereka telah pun menerima kenaikan sebanyak dua tingkat gaji. Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, skim gaji, skim pendapatan yang diterima oleh doktor-doktor yang telah menjadi pakar ini, yang bertugas di IPTA ini adalah tidak menarik berbanding dengan pengamal-pengamal perubatan di hospital-hospital awam.

Akhirnya, doktor-doktor yang telah menjadi pakar-pakar ini akan menerima ganjaran yang kurang daripada ganjaran yang diperolehi daripada pengamal-pengamal

perubatan biasa di hospital-hospital awam. Perkara ini telah berkali-kali dibangkitkan di majlis-majlis, di forum-forum Kementerian Kesihatan, Pendidikan Tinggi dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam tetapi nampaknya tiada tindakan yang jitu, yang boleh diambil oleh kementerian ini bagi menentukan masa hadapan pakar-pakar ini supaya mereka boleh terus menyumbang bagi pembangunan kesihatan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya sarankan kepada pihak kerajaan adalah untuk melihat perkara ini secara serius kerana kalau kita membayangkan seorang pakar tadi telah mengorbankan masa mereka sekurang-kurangnya daripada *undergraduates* sehinggalah ke peringkat *Degree, Master*, peringkat pakar memerlukan sekurang-kurangnya 10 tahun dan pengorbanan 10 tahun ini diakhiri dengan pendapatan yang kurang menarik berbanding dengan rakan-rakan yang sebaya mereka, yang mungkin telah memperoleh pendapatan satu setengah kali lebih daripada pendapatan yang diperolehi oleh pakar-pakar tersebut.

Pakar-pakar ini juga bukan sahaja bertanggungjawab mengajar, bukan sahaja bertanggungjawab menyelia kepada bakal-bakal pakar tetapi mereka juga terpaksa melaksanakan tugas-tugas berkaitan dengan klinik seperti yang diamalkan oleh pengamal-pengamal perubatan biasa.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya mohon kepada pihak kerajaan supaya melihat akan masalah yang telah timbul ini, yang berada di hadapan kita ini, agar ia dapat menarik lebih ramai lagi anak-anak muda kita untuk melanjutkan pelajaran di bidang perubatan hingga ke tahap pakar ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan di sini adalah berkaitan dengan Maksud B.43 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana sejumlah wang telah diperuntukkan untuk bayaran Pakej Rangsangan Ekonomi Negara berkaitan dengan program-program yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan berkaitan dengan tajuk kebersihan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses Malaysia untuk menuju negara maju, kita tidak dapat tidak lari daripada kebersihan dan kebersihan ini adalah merupakan asas kepada segala-galanya. Kita tidak boleh jadi cantik kalau tidak bersih. Lupakan sahaja berkenaan dengan penanaman bunga yang cantik-cantik, yang indah-indah. Lupakan sahaja berkenaan dengan pembangunan yang besar-besar dan tinggi-tinggi kalau kita tidak memberikan penelitian yang begitu terperinci kepada aspek kebersihan.

Hari ini kita telah dapat melihat bahawa pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun menganjurkan supaya aktiviti-aktiviti berkenaan dengan pengurusan sisa pepejal ini diswastakan kepada pihak-pihak yang telah dinamakan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya bangkitkan di sini adalah akhirnya pihak kerajaan akan dipertikaikan tentang penyampaian perkhidmatan ini kepada para pelanggan dan para pelanggan dalam erti kata ini adalah rakyat yang akan mengundi kita pada musim pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada pihak swasta ini mengambil kira kepentingan rakyat yang bakal mengundi pada musim pilihan raya nanti atau tidak adalah di luar perhatian mereka. Apabila kita dapat melihat bahawa pihak swasta akan meletakkan *profit and loss (P&L)* ataupun mengambil kira lebih keuntungan syarikat daripada memberikan perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam urusan ini saya ingin menganjurkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya pihak-pihak yang telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan sisa-sisa pepejal ini memberikan penekanan kepada aspek-aspek perkhidmatan kepada pelanggan-pelanggan sesuai dengan hasrat kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan-pelanggan.

Perkara pertama yang mesti dikenal pasti oleh pihak swasta ini adalah mengenal pasti siapa pelanggan mereka. Dalam hal ini pelanggan mereka adalah pembayar-pembayar cukai yang dahulunya jika mereka membayar cukai dan mengharapkan perkhidmatan daripada pihak kerajaan, hari ini mereka masih lagi beranggapan yang perkhidmatan yang mereka terima itu adalah dari pihak kerajaan walaupun pihak kerajaan telah menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan ini.

Jawapan-jawapan ataupun respons daripada pihak swasta yang mengatakan, ini kami tidak tahu, kami hanya menerima arahan daripada Majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran untuk melaksanakan tugas ini satu kali, dua kali dalam seminggu tetapi hasilnya Tuan Yang di-Pertua, imej yang terjejas akan terpaksa ditanggung oleh pihak kerajaan selama pihak swasta ini tidak *perform*, tidak melaksanakan tugas-tugas seperti piawai yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan meletakkan satu *Service Level Agreement (SLA)* dengan pihak swasta ini kerana mereka akan menjadi "siku" yang menyambung

daripada kerajaan kepada pihak pelanggan iaitu pembayar-pembayar cukai, rakyat yang bakal mengundi pada musim pilihan raya dan terjejasnya imej kerajaan tadi, besar kemungkinan adalah disebabkan oleh pihak swasta yang tidak dapat menepati apa yang dikehendaki dan dicita rasai oleh para pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada dua saranan saya tadi, saya mohon menyokong belanjawan ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu, dua, tiga, empat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya saya cuba hendak selesaikan pembahasan ini pada pukul 4.00 petang membolehkan pihak kerajaan menjawab kerana mengikut Peraturan Mesyuarat perlu kita selesaikan di peringkat dasar tetapi saya cuba berikan seberapa yang boleh. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, sila.

2.46 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengambil bahagian sedikit sahaja kerana masa kita barangkali singkat.

Pertamanya saya merasa – kalau saya berucap panjang sekali pun barangkali Yang Berhormat Menteri mungkin ambil bahagian-bahagian yang dia hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah. Kepada benda-benda yang tidak dapat disampaikan, pada minggu hadapan kita bermula dengan perbincangan Belanjawan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya cuba mengambil bahagian dengan cara bentuk yang lain iaitu bentuk pertanyaan. Mudah-mudahan pihak Yang Berhormat Menteri dapat menjawab apa yang hendak saya sebutkan di sini.

Pertamanya saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penguat kuasa yang telah berjaya menangkap penyeludup minyak diesel yang hendak diseludupkan ke Thailand melalui Pelabuhan Tok Bali yang saya telah bercakap di Parlimen ini saya ingat sudah empat kali saya bercakap di sini.

Terima kasih banyakkah kepada pihak penguat kuasa yang telah berjaya menangkap baru-baru ini di Jeli dan Tok Bali. Cuma saya hendak mengetahui

berapakah jumlah sebenarnya diesel yang telah dirampas dan berapa orang sebenarnya yang terlibat dengan penyeludupan minyak diesel melalui Pelabuhan Tok Bali dan menggunakan kapal-kapal besar, kapal-kapal laut dalam itu? Dan sekiranya dapat pihak kementerian memberi secara *detail* bagi mendapat penjelasan di sini.

Yang kedua, saya hendak mengucapkan terima kasih juga kepada pihak Parlimen ini yang telah pun membayar wang pencen kepada bekas Ahli Parlimen UMNO yang menjadi Ahli Parlimen pada tahun 1955 sehingga tahun 1959 dan menjadi Ahli Dewan Negara pada tahun 1959 sehingga tahun 1964 iaitu yang bernama Haji Abdul Hamid Mahmud.

Setelah saya berucap di sini beberapa kali, kalau tidak silap saya sudah lima kali saya berucap di sini baharulah tahun ini pihak keluarganya telah mendapat pencen serta imbuhan. Saya berterima kasihlah kepada pihak Parlimen yang telah berjaya mencari maklumat-maklumat yang penting kepada mereka dan saya yakin mereka ini, keluarganya akan masuk PAS kerana saya yang membela mereka ini. UMNO sendiri tidak membela. *[Disampuk]*

Yang kedua, saya hendak bertanya pula bagaimana nasib Ahli Parlimen Pas, Ahli Parlimen Pasir Puteh yang telah diisytiharkan oleh Mahkamah baru-baru ini yang diberi peluang kepada sahabat saya Tuan Haji Che Min bin Che Ahmad, Ahli Parlimen yang baru ini yang menang di Parlimen Pasir Putih.

Apa telah terjadi kepada Ahli Parlimen yang telah hadir ke Parlimen ini beberapa kali? Saya dimaklumkan bahawa elaun mesyuarat telah dibayar kepada beliau tetapi elaun bulanan mereka itu masih tergantung dan saya juga dimaklumkan cek telah pun keluar tetapi pihak Parlimen masih tidak boleh menentukan sama ada hendak beri atau pun tidak kepada mereka ini.

Saya yakin dan percaya pihak Parlimen boleh mengatasi perkara ini. Kalau boleh saya hendak mencadangkan kedua-duanya sekali. Ahli Parlimen yang baru ini memang Mahkamah diisytiharkan pada awal lagi, yang Ahli Parlimen yang diisytiharkan tidak jadi baru-baru ini pun yang telah hadir dan berkhidmat, angkat sumpah patut juga diberi pertimbangan untuk dibayar elaun kepada mereka ini.

Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian juga, di akhir-akhir ini banyak rungutan daripada pegawai-pegawai kerajaan yang pencen, yang berhenti kerja kerana umurnya sudah cukup. Bayaran pencen terlalu lambat di akhir-akhir ini sehinggakan ada kawan-kawan merungut mengatakan ada yang tidak bayar ansuran

bulanan kereta – bayar *finance* sampai tiga bulan hinggakan pihak *finance* hendak menarik kereta mereka tetapi pencen tidak dapat lagi, bayaran imbuhan *gratuity* pun belum dapat. Jadi saya minta supaya pihak yang berkenaan khususnya pihak kementerian berkenaan cuba meneliti, cuba menyiasat kenapakah di akhir-akhir ini pemberian pencen ini lewat kerana sebahagian besar rakyat mengatakan kerajaan kekurangan kewangan sebab itulah melambat-lambatkan pembayaran pencen dan *gratuity* ini.

Yang seterusnya, yang hendak saya sebutkan di sini ialah berkenaan dengan apa yang disebutkan pagi tadi, dicakapkan oleh sahabat-sahabat kita berkenaan dengan ibu tunggal. Ada rungutan di kalangan ibu-ibu tunggal ini. Sekarang ini ada dua kategori ibu tunggal. Pertama ibu tunggal kerana kematian suami. Yang kedua, ibu tunggal kerana diceraikan oleh suami. Dua kategori ini berlainan. Kalau kita lihat sendiri pun nampak kedua-dua ini kalau berada di satu majlis kita akan nampak keadaan, suasana dan *fiil* perangnya berlainan.

Ibu tunggal yang suami meninggal dunia biasanya lebih insaf hidupnya. Akhlakanya lebih baik, lebih mulia. Tetapi ibu tunggal yang ditinggal oleh suami ini biasanya ada sedikit beza. “Fiil hodoh” orang Kelantan kata, sebab itu suaminya cerai, walaupun ada juga kerana suami dia berperangai hodoh ada juga. Tetapi sebahagian besarnya ada karenah. Jadi, saya minta pihak yang berkaitan khasnya kementerian ini supaya kalau boleh di dalam majlis-majlis besar perhatikanlah sewaktu kita memberi sumbangan-sumbangan ini sepatutnya kita mengambil berat kepada mereka yang suaminya telah meninggal daripada mereka yang diceraikan oleh suami, kalau boleh. Walau bagaimanapun, saya tidak mengatakan keadaan itu betul, tetapi ini rungutan daripada ibu-ibu tunggal yang kehilangan suami kerana meninggal, bandingan ibu tunggal yang kerana diceraikan oleh suami masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Muar minat nampaknya.

Tuan Razali bin Ibrahim: Boleh.

Tuan Razali bin Ibrahim: Saya hendak minta penjelasan sedikit. Bagi yang ibu tunggal kategori yang tidak cerai tetapi suami tidak boleh harap macam mana, [*Ketawa*] sama ada dia boleh terima atau tidak, sebab biasanya dia yang kena kerja sebab tidak dapat nafkah dari suami, tetapi tidak bercerai yang ini. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yang Berhormat kita pelek juga, kalau tak cerai tidak panggil ibu tunggal, masih kena gantung sahaja. Itu lain. Yang kita persoal sekarang ini yang cerai, yang diceraikan sama ada kerana kematian suami ataupun kerana perceraian itu mempunyai krisis rumah tangga. Tetapi biasanya kalau krisis rumah tangga itu sebahagian besarnya, bahasa Kelantan kata kalau perempuan yang kehilangan suami kerana bercerai biasanya dia 'gelenya' sedikit, bahasa Kelantan. Orang Kedah kata 'gatai', itu bezanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Muar.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ada lagi, boleh.

Tuan Razali bin Ibrahim: Maksud saya tadi bila kementerian mendefinisikan. Okaylah kalau bukan suaminya tidak beri nafkah, dia tergolong dalam ibu tunggal bila katakan suaminya uzur, tak boleh bagi nafkahlah. Dia yang menyara anak, dia yang melihat rumah tangga, suaminya sakit. Mengikut kementerian ini juga tergolong dalam ibu tunggal. Ia bukan dua, ada banyak kategori itu. Bukan setakat bila suami tidak ada sahaja, ibu tunggal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tunggu jadi ibu tunggal.

Tuan Razali bin Ibrahim: Jadi, macam mana yang itu?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau suaminya masih ada cuma keuzuran dia tidak dianggap sebagai ibu tunggal. Itu boleh kita tujukan ataupun adukan kepada pegawai kebajikan masyarakat sahaja. Pegawai kebajikan masyarakat akan menangani orang-orang seperti ini kerana dianggap orang yang sudah tidak mempunyai pendapatan yang tetap. Lain dengan yang tadi, ibu tunggal tadi dia sihat tetapi dia keseorangan maksudnya. Dia berkeluarga dengan anak sahaja tetapi tidak mempunyai suami sama ada suami meninggal atau bercerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Sedikit sahaja. Mungkin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat bagi Muar tadi itu ketua isi rumah wanita, yakah Rantau Panjang. Ketua isi rumah wanita ini kita ada 725,000, ibu tunggal kita ada 190,000, itu Yang Berhormat Rantau Panjang pun mungkin maksudkan ketua isi rumah wanita sekalikah? Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, dalam soal ketua ibu rumah, perempuan maksudnya. Ini memang satu perkara yang patut juga kita ambil

perhatian. Saya berterima kasih banyak maklumat ini kerana selama ini mereka ini terbiar dan anggapan bagi pihak kerajaan barangkali merasai mereka ini boleh berdikari. Tetapi golongan seperti ini juga biasanya dia tidak mampu untuk mencari nafkah sendiri kerana dia sendiri sebagai ibu atau sebagai tuan rumah dalam satu keluarga. Sudah tentulah kerajaan patut jadikan juga ia salah satu kategori bersama-sama dengan ibu tunggal yang akan dibela oleh pihak Menteri ini.

Akhirnya saya hendak sebut sedikit berkaitan dengan apa yang berlaku sekarang ini. Sewaktu pilihan raya di...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Puchong minat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Puchong minat juga, sila. *[Ketawa]*

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Tadi saya tertarik dengan kenyataan bahawa kita mesti mengambil perasaan dan respons daripada ibu tunggal dalam sesuatu majlis. Saya hendak tanya sedikit bagaimana kita boleh bezakan seorang ibu tunggal itu dicerai ataupun suaminya meninggal dunia. Bagaimana kita boleh bezakan, kalau tidak kita tidak kenal mereka semua ibu tunggal masuk dalam majlis, macam mana kita bezakan dia? *[Ketawa]* Bolehkah bagi penjelasan sedikit.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormatlah, biasanya kalau di satu majlis ini kalau ada antaranya ibu tunggal yang kehilangan suami kerana bercerai dan juga satu lagi kerana kematian, biasanya yang bercerai ini pakaian dia pun 'melecu', orang Kelantan kata 'jangak' dah. Dalam khalayak ramai dia golek dia punya punggung sedikit, gaya dia, *[Ketawa]* itu orang panggil 'gerenyam'. Kalau orang yang kematian suami ini duduk dia pun dengan tertib...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: ...insaf dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Betulkah ini? *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ini teori.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Anggapanlah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya rasa...

Seorang Ahli: Speaker minat tu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kita boleh panggil sekali ramai-ramai kita campurkan. Janda-janda ini yang kehilangan suami kerana suami meninggal dan yang dicerai oleh suami, kita boleh try. Kalau Parlimen anjur lebih baik. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana hendak try Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Parlimen anjur, makan malam sekali, kita tengok watak mereka ini, kita boleh tengok sendiri watak orang yang kehilangan suami kerana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kinabatangan bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya. Seronok juga, sila, sila. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, nampak Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ini ada pengalaman boleh mengenali. Yang Berhormat, soal ibu tunggal memang merupakan satu masalah yang dihadapi oleh negara dan kita hairan statistiknya menunjukkan perceraian dalam negara kita tiap-tiap bulan meningkat. Jadi, kita tidak tahu di mana silapnya, adakah mereka sudah tidak ada jodoh langsung ditakdirkan begitu ataupun ada sebab-sebab lain. Tidak ketinggalan Kelantan merupakan salah satu negeri yang *top ranking* perceraian ini. Apa komen Yang Berhormat, apa sebab punca-puncanya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Masalah perceraian ini, Yang Berhormat, banyak masalah. Di antaranya masalah krisis rumah tangga ataupun tidak serasi, tidak sesuai ada juga. Biasanya kalau orang Kelantan, kalau perempuan Kelantan biasanya cantik-cantik sedikit. Kalau dia bersuamikan orang luar daripada Kelantan biasanya itu tidak lama, sebab perempuan pun dia ada keinginan mahu lelaki kacak juga. Bila perempuan yang cantik dia mahu lelaki kacak juga.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Krai bangun.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kuala Krai mahu juga, bagi Kuala Krai dahulu.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasihlah kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, memang dia

ini bijaklah. Dia kata “gelenya”, orang Kelantan ‘gelenya’kah, saya rasa tidak berapa ‘gelenya’lah. Apa yang saya hendak tanya orang Kelantan ini hendak ‘gelenya’ tidak berapa kerana dia ini dilarang pakai gincu, betul atau tidak gincu tidak boleh pakai, Tok Guru sudah larang hari itu. Apa pula Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ini mengada-ada “pakai gincu” pula hari ini. Apakah benar perkara ini. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Gincu ini saya sebut “pakai gincu” ini kategori orang yang suaminya cerai dia pergi dalam satu majlis, biasa dia hendak tunjuk dia punya kecantikan dia supaya ada tarikan, mudah-mudah dapat jodoh baru. Walaupun kita larang jangan pakai gincu di khalayak ramai, dia pakai juga sebab tarikan. Itu saya maksudkan gerenyam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua ini tidak perlu jawapan daripada kerajaan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Perlu jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, cukuplah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Perlu jawapan juga. Ada lagi? Satu lagi.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya ada angka. Yang Berhormat tahukah yang Kelantan ada 12,032 orang ibu tunggal, yang mana Selangor mendahuluih – 14,418 ibu tunggal, Wilayah Persekutuan Labuan cuma ada 162 ibu tunggal. Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat komen sedikitlah berkenaan dengan bilangan ibu tunggal di Kelantan seramai 12,032 orang ini yang kedua paling banyak di seluruh negara kita ini.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya sebut tadi, penduduk perempuan itu hampir sama dengan lelaki. Yang kedua, orang dari luar negeri sekarang ini nampaknya bertambah ramai mencari jodoh di Kelantan. Sebab itu kita mahu ingat bila kerja di Kelantan dia sudah ada bini pun dia cari lagi. Bila dia tukar balik ke negeri dia, dia tinggal. Yang kedua, faktor kemiskinan juga ada faktor-faktor yang munasabah menyebabkan berlakunya perceraian kerana masalah hidup dan keluarga yang besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Padang Terap.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Padang Terap mahu juga, boleh.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat kita sudah bincang banyak bab ibu tunggal, saya rasa jadi masalah ibu tunggal ini. Masalah ibu

'tinggal' ini hendak kahwin tak boleh, jadi masalah. Apa pendapat Yang Berhormat tentang ibu ditinggalkan?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Masalah ini senang sahaja kerana perempuan diberi peluang untuk fasakh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, petang ini Yang Berhormat sudah jadi pakar dalam soal ibu tunggal ini.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, bukan pakar. *[Ketawa]* Kalau ditinggalkan oleh suami dengan tidak memberi surat cerai, ini senang sahaja, Jabatan Agama boleh selesai masalah ini. Cuma oleh sebab sebahagian besar perempuan ini buta huruf, dia tidak tahu di mana tempat hendak mengadu, hendak minta perceraian dengan cara melalui fasakh, atau melalui taklik, dia tidak pandai.

Walaupun kita ada Biro Guaman yang boleh membantu mereka ini, tapi mereka ini tidak dapat mencari mana tempat, mana Pejabat Biro Guaman. Jadi, kita harap wakil-wakil rakyat yang ada inilah tolong menyelesaikan masalah mereka ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tangga Batu.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ada lagi, sila.

Tuan Haji Idris bin Haron: Yang Berhormat Rantau Panjang, saya minta komen tadi itu sebenarnya serius, tetapi Yang Berhormat mungkin anggap itu satu gurauan. Saya cuma hendak bagi saranan kepada Yang Berhormat, memandangkan angka yang begitu banyak ibu tunggal di Kelantan 12,032 ini, adakah ia berkaitan dengan fahaman, dalam agama Islam ini juga ada fahaman yang dipanggil fahaman Syiah, yang membenarkan kahwin kontrak. Dia boleh kahwin kemudian tinggalkan, kahwin tinggalkan dan berlaku di negeri Kelantan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak timbul kahwin kontrak ini di Kelantan, semua saya telah sebutkan tadi, kerana Syiah tidak ada di Kelantan. Saya sebutkan tadi, biasanya pegawai-pegawai kerajaan, polis, askar yang berkhidmat di Kelantan dia curi-curi kahwin dua. Bila ditukar ke lain, di situ pecah rahsia, ini di cerai, itu biasa berlaku demikian. Itu yang berlakunya. Kemudian kahwin di Thailand, balik mari di Kelantan *endorse* di sini, bayar kompaun RM300, RM100 atau RM1,000. Kemudian kalau pecah rahsia bercerai juga, itu yang banyak perceraian berlakunya dan tidak kurang juga orang daripada Kuala Lumpur dan negeri-negeri lain ambil kesempatan kahwin di Kelantan dengan anak-anak muda daripada Thailand, ada juga.

Ini perkara biasa, sebab itulah peningkatan kita tengok begitu banyak perceraian berlaku.

Tetapi, kalau kita check balik bukan lelaki Kelantan, yang bercerai itu kebanyakan lelaki luar negeri. *[Ketawa]* Ha, itulah.

Jadi, saya minta daripada Yang Berhormat ini, kalau pergi Kelantan janganlah kahwin cerai dan Ahli-ahli Parlimen pun ada, saya tidak mahu sebut, Ahli Parlimen di sini pun pernah kahwin di Kelantan dan cerai, *[Ketawa]* nampak tu, ada sini.

Seorang Ahli: Sebut!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya tidak mahu sebut itu, saya minta maaf, saya tidak mahu sebut, tapi ada.

Seorang Ahli: Sebut, sebut!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa cukup.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Masa cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepada mereka yang ingin meminta pandangan, boleh bincang di luarlah. *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Jadi, saya terima kasih banyaklah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah kebenaran kepada saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Puteh.

3.05 ptg.

Tuan Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ambil bahagian sedikit untuk sebelum saya menyokong Perbekalan Tambahan (2004) 2004 ini, kerana dari segi *crisis management*. Saya hendak beri lima strategi untuk tingkatkan perkhidmatan kepada negara,

- (i) minda dan sikap yang mengejar kecemerlangan;
- (ii) etika yang luhur;
- (iii) pembangunan tenaga manusia yang berpengetahuan mahir;
- (iv) budaya kerja yang diasaskan penciptaan atau pencapaian baik prestasi; dan

(v) daya kepimpinan yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, kita dalam masalah kewangan bajet kita tidak timbul, masalah *manpower* pun saya rasa tidak ada masalah, bertambah tiap-tiap tahun, cuma dalam perancangan ini dia ada empat yang saya belajar kursus di INTAN, semasa saya menjawat jawatan perkhidmatan awam dulu. Pertama ialah perancangan; yang kedua, ialah pelaksanaan; ketiga pemantauan; dan keempat, penilaian.

Dari segi, dengan izin, *planning* saya nampak okey, yang pelaksanaan (organizing) dengan izin, nampaknya kita boleh *organize* selepas kita buat pelan, kita buat perancangan, cuma pemantauan agak lemah. Yang keempat ialah penilaian, kalau kita dapat mempertingkatkan usaha-usaha ke arah untuk mencapai kecemerlangan dalam pengurusan kita, saya rasa tidak berbangkit apa yang ditimbulkan oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang timbulkan semalam kerana JPP atau JPPS, JPPK Kelantan nampaknya ditimbulkan tadi tidak berapa berkesan dalam mengurus hal-hal pembangunan ini.

Bagi saya, sudah sampai masanya untuk kita mencapai Kecemerlangan, Kegemilangan dan Terbilang yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita seharusnya jentera kerajaan berusaha untuk meningkatkan dari segi pengurusan kita. Saya tertarik dengan apa yang ditimbulkan oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat semalam, ditimbulkan negeri masing-masing Sabah, Sarawak ketinggalan, saya rasa tidak kurang juga Kelantan, kerana Kelantan diperintah oleh parti Pembangkang, baru ini pula hampir-hampir hendak menang masih kalah lagi. Tetapi takdir Tuhan bagi PAS lagi memerintah, maka kita terpaksa menanggung lagi empat tahun, lima tahun.

Maka saya Pasir Puteh, saya menang, saya akan buatlah Pasir Puteh comel-comel. Tetapi dalam comel hendak buat ini kita hendaklah kepada pengurusan dengan cekap, dengan baik kerana kita ada wang, kita ada *manpower*, tetapi tinggal lagi kita hendak supaya pemantauan kepada projek-projek yang tidak selesai itu harus kita selesaikan, hanya kita ada tiga bulan lagi. Tuan Yang di-Pertua, 2004 ada tiga bulan lagi, sebab itu bagi saya, saya duduk dalam kerajaan 30 tahun dahulu, saya tahu bagaimana birokrasi. Birokrasi ini juga harus dinilai semula, kalau banyak birokrasi memang projek-projek lambat, benda yang mudah jadi susah.

Tetapi dalam Islam menyebut, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, permudahkan jangan menyusahkan, jadi sekarang ini kita timbul benda yang mudah jadi susah. Ini sahaja yang saya rasa masalah yang saya hendak bangkitkan supaya kita hendak mencapai kegemilangan bagi negara kita Malaysia ini kerana kita sudah kenal Malaysia sebuah negara maju, era pembangunan, era *globalisasi*, (*globalization*) ini dengan menggunakan cukup alat komunikasi yang baik, ICT baik, maka saya rasa sudah sampai masanyalah kita hendak supaya mempercepatkan proses dalam aspek pembangunan ini.

Jadi, kita sebagai khalifah, bukan saya hendak bersyarah, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita sebagai khalifah memegang amanah yang besar. Bajet 2004, kita tidak belanja, satu dosa kepada kita, betul tidak? Satu dosa, satu kesalahan kepada kita, walaupun bukan Islam menjadi Yang Berhormat, walau pun parti Pembangkang dia tidak membangun, satu kesalahan, satu dosa. Maka dengan sebab itulah bagi saya, saya baru sahaja kali yang keempat, ini pertama yang saya dapat peluang untuk berucap, maka saya terima kasihlah kerana saya dibangkit oleh Rantau Panjang tadi, bagaimana elaun hak kalah dulu, diisytiharkan kalah.

Saya tidak ada kena mengena, kalau kerajaan hendak bagi kat dia, bagilah. Tetapi, saya kena *backdated*lah saya punya, sebab saya menang mula daripada hari pilihan raya. Maka dengan sebab itu bagi saya kerajaan tetap bersikap adil, kerajaan kita tidak ada *bias*, tidak ada berat sebelah dalam soal ini, terutama dalam pembangunan. Kita melihat Kelantan negeri diperintah oleh Pembangkang pun, kemajuan sama dengan negeri lain [*Tepuk*] malah kita dengar Sabah, Sarawak berucap dia kata mundur, sebenarnya Kelantan sama juga dengan Sabah, Sarawak. [*Ketawa*] Ha! itu dia. Jadi sebab itulah bagi saya [*Ketawa*] saya rasa bagus saya hendak berundinglah, kalau boleh Rantau Panjang, Pasir Mas yang ada ini, Kelantan ini, kita ada lima sahaja Kelantan yang PASnya, Parlimen ada lima, kalau boleh kita pakat *term* akan datang bagilah UMNO memerintah kalau hendak maju. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada empat, saya turunkan kepada 10 minit setiap oranglah, supaya semua dapat berucap. Yang Berhormat Sabak Bernam.

3.19 ptg.

Dato' Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sabak Bernam bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004.

Yang pertama, Sabak Bernam ingin merakamkan rasa sedih dan terharu setelah dalam Dewan yang mulia ini kita membicarakan mengenai isu salah guna dadah, tetapi saya perhatikan media cetak dan elektronik kita dalam tempoh dua hari berturut-turut sehingga hari ini tidak memaparkan itu sebagai agenda utama, malah kalau kita lihat semalam bukan lain dari isu Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor yang menjadi utama, pada hal isu salah guna dadah ini adalah "dadah musuh nombor satu negara".

Kita harap pihak kerajaan, pihak berwajib harus mengambil perhatian yang khusus mengenai perkara ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sedih ini bukan kerana apa, kerana saya ada pengalaman peribadi. Ada sebuah kampung di Sabak Bernam, ini banyak kampung ini, 12 orang anak mudanya sudah pun meninggal dunia kerana salah guna dadah, lima orang daripadanya adalah murid saya sendiri.

Saya merasai satu perasaan yang sangat terharu, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap kenyataan saya ini dapat membangkitkan satu keprihatinan yang khusus, agar semua pihak yang berwajib akan mengambil perhatian dan tindakan. Yang saya lebih sedih ialah dalam penggulungan yang dibuat oleh pihak kerajaan, oleh Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri ini, beliau telah mengemukakan satu perancangan yang begitu komprehensif tentang bagaimana salah guna dadah ini boleh diatasi.

Jadi, oleh kerana itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulang lagi sekali supaya isu salah guna dadah ini harus ia ditangani dengan sebaik-baiknya dan kita iktiraf ia sebagai musuh nombor satu negara. Saya tidak akan bicara lebih panjang lagi kerana kita telah pun begitu *detail* membicarakan perkara ini selama dua hari, lebih 15 *credit hours*, dengan izin, mengenai perkara ini, tetapi nampaknya pihak media cetak dan elektronik, nampaknya kurang mengambil perhatian.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Silakan, sahabat saya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Jadi, apakah ini bermakna Yang Berhormat menyatakan bahawa pihak media masa tidak prihatin dan tidak proaktif untuk membantu kerajaan ke arah menangani salah guna dadah ini? Minta komen Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih, kita minta supaya pihak media ini lebih prihatin dan meletakkan isu ini sebagai isu yang utama kerana ia musuh nombor satu negara dan telah pun diisytiharkan sejak lebih 20 tahun yang lalu. Apabila kita membicarakannya di Dewan Parlimen yang mulia ini, sepatutnya ia menjadi satu tajuk dan agenda yang utama.

Jadi, oleh kerana itulah saya bersetuju dan saya akulah, prihatin dengan apa yang dinyatakan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bahawa beliau sendiri pun mungkin kurang tidak puas hati dengan *exposure*, dengan izin, yang diberikan oleh pihak media.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada yang kedua, Sabak Bernam ingin pergi kepada perkara yang kedua, iaitu isu yang sering disebutkan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu – *Return On Investment* (ROI). Dalam apa juga yang kita buat, sebenarnya kita harus melihat dan menilai semula apakah faedah ataupun manfaat yang boleh kita dapati. Oleh kerana itulah, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat Peruntukan Tambahan ini, kita khusus kepada beberapa kementerian.

Khususnya Kementerian [*Sambil melihat dokumen*] Maaf, Tuan Yang di-Pertua, P.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; P.24 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; P.26 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, dan di sini yang saya ingin sekalikan ialah berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan.

Saya berharap supaya kementerian-kementerian ini dapat bermuafakat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: ... untuk memastikan bahawa peruntukan-peruntukan yang kita sokong bagi kementerian ini

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:supaya dapat dipastikan ia memberikan manfaat yang jelas kepada rakyat. Khususnya, umpamanya daripada kementerian ini kita ingin lihat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai bangun.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Sekejap, sekejap. *Floor of idea* ini, nanti hilang, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay, okay.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih, nanti dahulu, sekejap sahaja. Jadi, pihak kementerian ini kalau boleh dan saya, Sabak Bernam selalu bertanya tentang projek contoh, khususnya usahawan contoh yang boleh dilahirkan daripada setiap kementerian. Umpamanya, kalau kita ambil P.26 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, pastinya Sabak Bernam sendiri ingin mengetahui berapa ramaikah usahawan, sama ada kelas menengah ataupun kelas elit, sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera, yang telah dilahirkan.

Begitu juga dengan Jabatan Belia dan Sukan, berapa ramaikah usahawan belia tani umpamanya. Jadi, ini akan menandakan keberkesanan tentang satu-satu peruntukan yang kita luluskan di peringkat Parlimen ini.

Silakan, abang saya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat baru masuk. Yang Berhormat tahukah, kita sekarang di peringkat mana?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Perbahasan Tambahan Belanjawan. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peringkat mana, tahukah Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peringkat mana?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Peringkat – Bukan jawatankuasa kerana cokmar ada di atas. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya tertarik dengan *Return of investment* [ROI] – Yang Berhormat kata tadi. Setiap pelaburan yang dilaburkan oleh kerajaan mesti ada *returnnya*, tetapi di sini saya kurang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat, kerana *social obligation*, dengan izin, tidak akan menentukan *return* daripada *investment* itu. Contohnya, apabila kita membantu ibu tunggal yang susah, itu adalah satu *investment* untuk kesenangan mereka. Tidak ada pulangan balik kepada kerajaan.

Kita buat kemudahan-kemudahan tertentu untuk rakyat, contohnya untuk kemiskinan rakyat, tetapi pendidikan yang ada, macam *student* kita yang ada hari ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat! saya hanya berikan dia masa 10 minit. Berapa minit Yang Berhormat hendak pakai? [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh! Sekarang dihadkan 10 minit, Tuan Yang di-Pertua. Okay. Jadi, mungkin Yang Berhormat boleh bersetuju balik dengan pandangan saya bahawa ROI itu tidak semestinya pada keseluruhannya. Ada yang setengah itu dia *invest*, tetapi untuk *social obligation*, ada yang untuk *investment* balik kepada kerajaan. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai, sebenarnya *return on investment* ini dalam pelbagai bentuk. Sebenarnya apabila satu-satu usahawan ataupun syarikat itu berjaya dan kemudian dia, umpamanya menjadi seorang dermawan, maknanya itu sebagai satu *social obligation*, itulah sebahagian daripada *investment* ataupun *return on investment*.

Jadi, ini tafsiran. Jadi, maknanya saya suka orang yang tidak bersetuju kerana itu nanti kita boleh polemiklah di luar, insya-Allah. Tetapi yang penting, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga, yang saya ingin tekankan ialah tentang peruntukan bagi penulisan sejarah.

Saya tidak tahu kementerian mana sebenarnya yang bertanggungjawab terhadap satu bentuk peruntukan, supaya ada satu badan ataupun satu pihak, jika ingin menulis sejarah mengenai tokoh ataupun mengenai peristiwa ataupun episod,

harus ada peruntukan yang khusus. Saya takut dalam konteks ini kerana tokoh dan pimpinan kita yang berjasa maknanya tidak akan terakam khidmat dan jasa bakti mereka untuk selain daripada kenangan, untuk iktibar kepada generasi muda kita akan datang.

Selain daripada itu, sebenarnya dari segi penulisan sejarah yang telah dibuat, dahulunya ramai oleh pihak penjajah, kita dapati episod ataupun maknanya peristiwa sejarah itu sering kali diselewengkan ataupun dikelirukan oleh kerana itulah dengan adanya satu bentuk peruntukan bagi penulisan sejarah, maka episod ataupun peristiwa penting yang lalu dapat dibuat kajian dan ditulis dengan tafsiran yang benar ataupun yang sebaik-baiknya.

Perkara yang keempat, P.20, Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat di situ Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi memberikan perhatian kepada tanaman kelapa sawit, getah, tembakau dan koko, tetapi saya lihat di situ, tidak atau kurang diberikan perhatian kepada tanaman kelapa kopra ataupun *Malaysian Tall*, khususnya di kawasan Sabak Bernam, kita ada lebih 10,000 keluarga yang terlibat dalam perkara ini.

Oleh kerana itulah, Sabak Bernam menyokong rang undang-undang ini, kita harap supaya perkara ini dapat juga diberikan perhatian. Dengan itu, Sabak Bernam mohon menyokong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Masih berdiri]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai hendak berucap? Selepas saya selesaikan Ahli Yang Berhormat yang lainlah, Yang Berhormat tunggu. *[Ketawa]*

4.18 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bahas dalam rang undang-undang yang dicadangkan ini, khasnya mengenai apa yang terjadi baru-baru ini mengenai batu karang di Pulau Tioman.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan dengan cadangan membina marina di Pulau Tioman, ia akan sekali gus akan menghilangkan, membunuh lebih kurang

beratus-ratus hektar batu karang yang terkandung di Pulau Tioman. Dengan izin, saya petik apa yang dikatakan mengenai *coral reef*, dengan izin,

“Coral reef generally bring to mind, warm climate, colourful fishes and clear waters. For these reasons, coral reefs often are referred to as rain forest of the ocean. Exploitation for commercial and Tourism cost for the development project has been the gravest tracks to the corals.”

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan Jabatan Perikanan yang menjadi kawal selia bagi *marine park* ini, telah membenarkan projek ini dijalankan. Saya difahamkan *EIA report* pun telah disiapkan. Akan tetapi pihak-pihak yang berkenaan dengan *EIA report* itu, terutama *The Divers Association*, pihak-pihak yang duduk di Kampung Tekka di sana, tidak mendapat atau tidak diajak untuk memberi pandangan mereka, atau bantahan mereka mengenai apa yang mereka tidak setuju kepada batu karang yang akan dihapuskan dengan membina marina ini.

Baru-baru ini Profesor Dr. HM Ibrahim Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi seorang *adviser* dalam *National Advisory Council On Marine Parks And Marine Reserves* untuk lebih sepuluh tahun telah mengatakan, bahawa batu karang ini yang akan dibesarkan hanya 2 sentimeter setahun dan jika dalam 1000 tahun ia hanya tebalnya tidak lebih dari 5 sentimeter. Dengan cadangan membenarkan pembinaan marina ini di Pulau Tioman, satu dengan izin *our natural and God gift coral reef* akan dibunuh dan dihapuskan.

Jadi inilah yang Profesor Dr. HM Ibrahim kawatir dan dia kata macam ini dengan izin, *“No one benefits from the project and the environment and the people are the one who eventually pay the price”*. Bermakna Tuan Yang di-Pertua, bahawa dengan kebenaran untuk membina marina ini apa yang akan menjadi...

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Mambong bangun.

Tuan M. Kula Segaran: Saya minta maaf tidak cukup masa, yang mustahak adalah dengan membenarkan perkara ini, ini akan menyusahkan apa yang kita ingin membuat iaitu untuk membawa, mempelawa lebih orang dari luar negeri dan dalam negeri untuk melawat Pulau Tioman. Khususnya jangan kita lupa apa yang telah terjadi di Pulau Redang dan di banyak pulau di seluruh rantau ini.

Di mana batu karang tidak, dengan izin, *kept as our national treasure*, tetapi oleh sebab pembangunannya dan oleh sebab tersebut maka semua batu karang di tempat-tempat tersebut telah dibunuh. Jadi, saya harap kerajaan akan fikir balik supaya jangan membenarkan pembinaan marina di Pulau Tioman. Saya harap satu kajian yang luas diperlukan dan diambil dalam hal ini.

Baru-baru ini saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Pahang telah mengatakan bahawa mereka tidak membenarkan pembinaan marina ini, tetapi mereka hanya memberi tanah untuk Kerajaan Persekutuan. Saya sangat hairan macam mana kerajaan negeri boleh dengan izin, *push the blame to the Federal Government* apabila mereka yang memberi tanah tersebut.

Bukankah mereka perlu lebih khusus, lebih prihatin supaya apa yang diperlukan oleh masyarakat tempatan dan apa yang diperlukan oleh semua masyarakat Malaysia perlu diberi keutamaan. Saya harap kajian yang meluas dan mendalam dapat diambil dalam perkara ini. Kerap kali Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar yang mustahak adalah pasal *business* dalam *market*. Tetapi yang kita ada sendiri yang satu, *the gift of God, gift* kepada kita. Apakah kita perlu binasakannya? Kerana saya difahamkan *coral reef*, beratus-ratus orang pelancong datang hanya untuk berada di sana, dengan izin *to see the bio-diversity and the ecosystem* dalam perkara ini.

Ini semua akan hilang, saya difahamkan *Divers Association* baru-baru ini telah memberitahu bahawa bukan sahaja mereka tidak dipanggil untuk diberi pandangan mereka, tetapi mereka berpendapat bahawa dengan pembinaan ini, pelancong-pelancong bukan sahaja tidak akan datang ke negara ini, tetapi mereka ini akan membawa nama yang buruk kepada negara Malaysia ini. Saya harap walaupun *The Parliamentary Secretary* kepada jabatan tersebut telah menyatakan bahawa ada 44 faktor yang telah ditimbulkan oleh *EIA Report*.

Tetapi jangan kita *run away from the truth*, dengan izin bahawa perkara yang mustahak adalah bukan 44 faktor yang dikatakan itu sahaja, kalau sedemikian apakah sebab kelulusan itu telah diberi? Kenapa 44 faktor yang dikatakan oleh kementerian itu tidak dipertimbangkan, nasihatnya diambil supaya projek ini tidak dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengatakan apabila satu *research* dibuat dalam perkara ini, pada tahun 1983 *Skin Diver Magazine*, mengatakan (*suggest*), lebih kurang 1.2 juta *divers* telah mengambil lebih kurang enam ratus ribu (600,000)

trips untuk pergi ke beberapa lokasi seluruh dunia untuk menggembirakan mereka dalam hal ini.

Dan dikatakan mereka membayar berjuta-juta ringgit untuk *enjoy facilities* yang sedia ada. Dan ini semua akan hilang dan dikatakan di Florida dengan izin Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 30 *million* ke 50 *million* tiap-tiap tahun adalah pendapatan di satu *county* sahaja. Oleh sebab mereka *preserve coral reef* di sana. Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 368 ribu *square miles* sahaja hanya ada dalam dunia ini, di mana batu karang ada lebih kurang 600 ribu *square kilometers* dan kita bernasib baik kerana dalam *climatic situation* Malaysia yang tropika, di merata-rata tempat ini kita dapat *coral reef* ini.

Jadi saya harap pembangunan bukan semestinya membawa kebaikan kepada masyarakat, kepada negara ini, saya harap satu tindakan yang tegas akan diambil dalam perkara ini supaya *coral reef* yang berada di sini beratus-ratus tahun tidak dibinasakan seperti yang telah terjadi di Pulau Redang dan tempat-tempat di mana pembinaan projek-projek dibenarkan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, juga semasa Profesor Dr HM Ibrahim memberi pandangannya baru-baru ini, beliau juga telah kata dengan izin, *what is the economic sense of building a marina when there is so much to lose*.

Bermakna Tuan Yang di-Pertua, bahawa jika kita membenarkan marina dibina di Pulau Tioman, beratus-ratus, berjuta-juta ringgit akan kerugian jika ini dibenarkan. Saya difahamkan baru-baru ini Perdana Menteri yang dahulu Tun Dr. Mahathir telah pergi ke tempat tersebut dan menyatakan ini adalah tempat yang sesuai. Tetapi bukan pandangan dia sahaja yang mustahak, pandangan masyarakat dan pandangan *expert* dalam perkara ini. Dan saya difahamkan Menteri Besar Pahang hari ini telah pergi ke Pulau Tioman dan juga Sultan Pahang telah mengarahkan bahawa satu kajian perlu dibuat dan jangan membenarkan perkara-perkara membina marina itu dibenarkan.

Semalam saya difahamkan orang-orang di Kampung Tekik tersebut telah mengadakan *peaceful demonstration*. Ini adalah satu di antara perkara yang perlu di ambil kira..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup..

Tuan M. Kula Segaran: Saya harap kerajaan akan peka dan ambil tindakan supaya marina jika ia perlu dibina, binalah di tempat-tempat di mana tidak ada merangkumi batu karang. Terima kasih .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rembau

3.29 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan bagi tahun 2004.

Saya ingin menyentuh perkara mengenai usaha-usaha membasmi kemiskinan di luar bandar. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Pusat kerana telah melancarkan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang kini dikenali sebagai Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat kira-kira 14 tahun yang lalu. Melalui program ini pihak kerajaan telah dapat mengurangkan kadar kemiskinan tegar negara daripada 3.9% atau 137 ribu isi rumah pada tahun 1990 kepada 1% atau 53 ribu isi rumah tahun 2002.

Ini bermakna dalam tempoh 1990 hingga 2002 sebanyak 83,200 isi rumah telah terkeluar daripada taraf miskin tegar. Ini telah dapat dicapai melalui pelbagai program pembangunan yang dijalankan termasuklah membina rumah baru, baik pulih rumah dan projek-projek ekonomi seperti projek memelihara ayam kampung, menanam sayur dan pemeliharaan ternakan serta program pembangunan insan.

Selain daripada itu, seramai 140,000 ketua isi rumah termiskin iaitu mereka yang berpendapatan RM265 sebulan satu keluarga juga telah berpeluang memiliki saham Amanah Saham Bumiputera sebanyak 5,000 unit melalui Skim Pinjaman ASB (PPRT) yang dilancarkan pada tahun 1992. Skim pinjaman tanpa faedah ini telah dikendalikan oleh PNB melalui peruntukan sebanyak RM200 juta daripada Kementerian Kewangan.

Bayaran balik adalah untuk tempoh 15 tahun dan dibayar melalui bayaran dividen dan bonus. Inilah satu-satunya skim pelaburan di dunia ini yang unik yang dirancang oleh Kerajaan Barisan Nasional yang memberi peluang kepada rakyat termiskin memiliki saham dengan modal permulaan sekecil RM10.

Walau bagaimanapun, setakat ini masih belum ada program yang khusus untuk golongan miskin iaitu mereka yang berpendapatan RM165 hingga RM529 sebulan di

Semenanjung Malaysia, RM690 sebulan di Sabah dan RM600 di Sarawak dan golongan mudah miskin iaitu mereka yang berpendapatan RM525 sebulan hingga RM1,200 sebulan. Kumpulan sasar ini perlu dikenal pasti dengan mengadakan bancian dan pangkalan data yang lengkap.

Selain daripada itu, perkara ini perlu dilaksanakan memandangkan ada kira-kira 267,900 isi rumah miskin yang sebahagian besarnya iaitu 74% berada di luar bandar dan 26% di bandar. Jumlah ini kalau kita ambil kira satu keluarga lima orang ialah 1.3 juta, satu angka yang amat besar.

Memandangkan kumpulan ini tidak ada program yang khusus adalah dicadangkan supaya program-program yang telah dilaksanakan untuk kumpulan miskin tegar ini juga diadakan untuk kumpulan ini iaitu dalam bentuk program-program yang bercorak motivasi, latihan kemahiran yang khusus dan terancang serta bantuan pinjaman dan pembiayaan projek kecil dan sederhana selaras dengan usaha kerajaan untuk mewujudkan kelas berpendapatan pertengahan yang lebih besar iaitu isi rumah berpendapatan RM1,200 sehingga RM3,499.

Kumpulan sasar yang miskin ini terdiri daripada buruh, petani dan nelayan serta pekerja berpendapatan rendah di sektor kerajaan dan swasta dan termasuk juga ibu-ibu tunggal yang telah banyak kita perkatakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan pelaksanaan program kemiskinan tegar dan kemiskinan ini dan peningkatan hidup masyarakat luar bandar dapat dijalankan dengan lebih berkesan serta meliputi semua kumpulan sasar yang saya sebutkan tadi adalah dicadangkan supaya tindakan-tindakan berikut diambil:-

- (i) satu bancian semula isi rumah termiskin dan miskin adalah dicadangkan supaya diadakan di seluruh negara bagi memastikan jumlah sebenar kumpulan sasar yang termiskin dan termasuk juga ibu tunggal tadi. Ini adalah kerana data yang sedia ada yang dikumpulkan oleh pejabat daerah adalah berdasarkan bancian yang dibuat pada akhir tahun 80-an dan awal 90-an;
- (ii) lebih banyak Program Pembangunan Insan seperti Program Motivasi iaitu latihan kemahiran hendaklah diadakan untuk ketua isi rumah dan anak-anak mereka supaya dengan itu anak-anak mereka tidaklah terus terjebak dalam putaran ganas kemiskinan;

- (iii) adalah dicadangkan supaya jentera-jentera pelaksanaan terlibat hendaklah dikaji keberkesannya dari masa ke semasa. Jika perlu tindakan untuk menambah bilangan kakitangan serta mengubah pendekatan hendaklah diambil di mana sesuai dan perlu.

Dalam hubungan ini adalah dicadangkan supaya di peringkat Pusat ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Luar Bandar yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri dan dianggotai oleh kementerian-kementerian yang terlibat, khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; dan juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Di peringkat daerah pula adalah dicadangkan supaya jawatankuasa ini dipengerusikan oleh pegawai daerah tetapi jika boleh pegawai daerah hendaklah tidak lagi dibebankan dengan tugas menjadi Pengerusi Majlis Daerah sebagaimana yang ada sekarang. Ini penting memandangkan usaha untuk membasmi kemiskinan ini perlu diberi tumpuan yang lebih fokus dan dengan pemantauan yang lebih teliti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya Skim ASB/PPRT yang dahulunya diberi kepada kumpulan PPRT yang difahamkan sekarang ini telah diberhentikan, saya cadangkan supaya skim ini diadakan semula untuk golongan termiskin dan dipanjangkan juga kepada golongan miskin iaitu mereka yang berpendapatan di antara RM265 hingga RM525 sebulan di Semenanjung, RM690 sebulan di Sabah dan RM600 sebulan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu soal pemasaran juga hendaklah diambil kira dan dikendalikan secara bersepadu seperti yang dibuat oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan menubuhkan MOA Incorporated.

Tuan Yang di-Pertua, melalui langkah-langkah ini adalah dirasakan usaha untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar akan dapat dijalankan dengan lebih terancang dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mambong.

3.37 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut serta dalam perbahasan tentang Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan 2004. Anggaran perbelanjaan ini agak besar dan saya harap ia akan memberi kesan yang baik kepada seluruh rakyat Malaysia.

Namun, Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa merasmikan *World Urban Development Congress 2004* di Kuala Lumpur pada 6 September menyatakan bahawa negara kita memang berhasrat dan akan melaksanakan kaedah-kaedah pembangunan lestari ataupun pembangunan mapan, *sustainable development*, dengan izin.

12 tahun selepas *World Summit* iaitu *The United Nations Conference on Environment and Development* yang telah diadakan pada bulan Jun 1992 di Rio de Janeiro, Brazil di mana prinsip-prinsip Agenda 21 telah pun dipersetujui oleh 187 negara yang menghadiri persidangan tersebut.

Saya masih ingin bertanya sama ada negara kita telah pun benar-benar menerima pakai kaedah-kaedah pembangunan lestari yang dirangkumi di dalam Agenda 21. Perkara ini sentiasa disentuh di pelbagai persidangan dan mesyuarat walaupun di dalam negara kita sendiri kerana pembangunan lestari adalah penting bagi menjamin hak-hak rakyat negara kita pada masa-masa yang akan datang.

Namun kita harus tahu apa sebenarnya Pembangunan Lestari. Mengikut definisi Brownlyn Commission yang membuat kajian tentang Pembangunan Lestari ataupun *sustainable development* ialah pembangunan yang mengambil kira keperluan generasi sekarang tanpa menimbulkan kekurangan keupayaan generasi masa hadapan untuk keperluan mereka sendiri. Ini bermakna apa yang kita nikmati sekarang haruslah juga akan dinikmati oleh anak cucu kita di masa-masa yang akan datang.

Oleh itu tugas-tugas yang meliputi Pembangunan Lestari adalah banyak. Ini termasuk yang pertama merancang, laksana dan mengurus kadar pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan. Ini juga bermakna kerajaan harus mewujudkan sistem ekonomi yang dinamik. Dalam pada ini kerajaan seharusnya mengambil langkah-langkah yang konkrit untuk membasmikan kemiskinan tegar yang wujud di kawasan-

kawasan luar bandar lebih-lebih lagi di Sabah dan Sarawak. Kalau masalah kemiskinan tidak ditangani maka Pembangunan Lestari tidak tercapai.

Dalam Agenda 21 membasmikan kemiskinan adalah satu daripada prinsip-prinsip yang harus ditangani oleh semua negara. Yang kedua, mengawal kualiti alam sekitar. Ini dimestikan. Kualiti udara, kualiti air sungai kita, kualiti air laut kita, dan kualiti tanah haruslah terkawal dan terjaga. Setakat ini 70% air sungai di negara kita telah tercemar. Kualiti udara kita sentiasa tercemar lebih-lebih lagi di bandar raya yang besar seperti Kuala Lumpur, Penang, Ipoh, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Kuching dan sebagainya kerana terlalu banyak kenderaan yang mengeluarkan gas-gas yang tercemar.

Dalam pada ini kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Timbalan Menteri ada duduk dekat situ, haruslah *review* tentang indeks kualiti udara ataupun IPU yang sekarang digunakan. Rakyat ingin tahu IPU setiap hari kerana kalau mereka ingin keluar, kalau IPU tercemar maka mereka boleh menggunakan topeng. Kalau udara tercemar di luar mereka bolehlah minum air yang lebih banyak. Gas-gas yang tercemar ini adalah beracun seperti karbon dioksida, karbon monoksida, plumbum, *nitrogen oxide*, *sulfur dioxide* dan ozon.

Inilah gas-gas yang beracun yang sentiasa ada di udara kita lebih-lebih lagi di bandar raya-bandar raya yang besar dan gas-gas inilah yang memudaratkan kesihatan kita. Oleh itu saya ingin mohon pihak kementerian untuk *mereview* IPU dengan mengikut kaedah-kaedah seperti yang digunakan umpamanya di London, setiap hari IPU diumumkan kepada rakyat. Yang ketiga, kaedah pembangunan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Kubang Kerian. Silakan, jangan lama sangat. Sepuluh minit sahaja saya ada.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua:, terima kasih Mambong, saya tidak akan lama. Saya bersetuju tentang bagaimana rakyat Malaysia perlu tahu tentang tahap kualiti alam sekitar iaitu IPU. Dalam setiap Berita Perdana ataupun media massa mereka menyiarkan ramalan kaji cuaca untuk kemudahan rakyat mengetahui tentang keadaan cuaca. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita mencadangkan kepada kementerian media massa, TV dan radio supaya mereka

menyiarkan juga Indeks IPU ini setiap hari. Apa pandangan Yang Berhormat Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Itulah yang saya sarankan tadi bahawa IPU ini haruslah diumumkan seperti ramalan kaji cuaca juga dan kualiti udara saya rasa adalah satu daripada sifat-sifat cuaca dan ia juga harus diumumkan kepada rakyat kita. Yang ketiga,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pendang bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Mambong. Saya ingin bertanya dan mendapat penjelasan daripada Mambong, kalau sekiranya IPU kita tinggi ataupun teruk maknanya udara tercemar, adakah perbezaan antara udara tercemar ini kita duduk dalam rumah dengan kita berada di luar rumah, sebab udara ini dia memang masuk rata-rata tempat bukan macam benda-benda lain. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dalam hal ini.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat daripada Pendang. Udara ini memang masuk di dalam rumah kita tapi udara ini mengandungi bahan-bahan terampai dan bahan-bahan tercemar tadi seperti karbon dioksida, karbon monoksida, plumbum dan sebagainya dia bercampur dengan bahan-bahan terampai ini. Jika bahan-bahan terampai ini saiznya besar maka dia susah hendak masuk ke dalam rumah kita jika kita tutup tingkap.

Itulah sebabnya kalaulah kualiti udara ataupun IPU diumumkan kalau kita tidak mahu keluar daripada rumah kita tutup tingkap, tutup pintu dan pasang kipas angin ataupun pasang alat penyejuk udara. Ini yang harus kita buat. Oleh itu saya menyarankan agar kementerian selalu mengumumkan IPU kepada rakyat ataupun kepada masyarakat di bandar-bandar yang besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dr. James Dawos Mamit: Sedikit lagi, sedikit lagi. Sekarang saya ingin menyentuh walaupun saya tidak menyentuh yang lebih banyak saya ingin menyentuh pembinaan marina di Pulau Tioman. EIA memang dia buat. Ini tidak dinafikan tapi saya hairan kenapa EIA tidak mengambil kira pandangan-pandangan penduduk di

pulau itu kerana di dalam kaedah EIA, perkara sosio ekonomi haruslah dirangkumkan di dalam laporan.

Di dalam perkara itu mereka ataupun konsultan yang menjalankan EIA haruslah mengadakan dialog dengan penduduk-penduduk dan orang-orang lain. Saya ingin bertanya sama ada EIA ini *detail* EIA ataupun *preliminary* EIA yang dibuat di Pulau Tioman. Kalaulah dia *detail* EIA pandangan orang ramai haruslah di ambil kira. Ini adalah penting. Kalau hanya *preliminary* EIA kerana projek ini di kawasan yang sensitif iaitu kawasan *coral*. Saya mencadangkan agar *detail* EIA dibuat agar pandangan orang ramai diambil kira.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Dr. James Dawos Mamit: Ini adalah penting. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai. Selepas Jerai ada dua Ahli Yang Berhormat bangun ya.

3.50 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, sabar Yang Berhormat ya, sat lagi ya, kita pakat-pakat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Luar Negeri, di bawah peruntukan B.15.

Saya hendak beritahu, Kementerian Luar Negeri ini adalah mewakili negara kita di negara-negara yang kita wujud. Kita ada duta di negara-negara tersebut cuma kita kurang arif dan faham tugas sebenarnya duta-duta ini. Jadi duta-duta ini kena main peranan bukan sekadar menghadiri majlis makan-makan mewakili negara kita, duta dari Bangladesh, duta dari Malaysia menghadiri majlis-majlis tersebut ataupun majlis-majlis protokol negara-negara tersebut apabila menyambut hari kemerdekaan. Tetapi duta ini juga memainkan peranan. Pertamanya untuk menjaga imej negara kita, memperbetulkan keadaan seandainya timbul sesuatu yang buruk ataupun tidak elok tentang Malaysia, memastikan bahawa rakyat yang ada di dalam negara yang mereka wakili itu menjadi tempat rakyat ini berteduh meminta pertolongan, nasihat dan sebagainya, ini fungsinya pada pandangan saya.

Duta ini juga menjaga delegasi-delegasi daripada negara kita. Contohnya kalau delegasi dari Malaysia telah dihantar untuk menghadiri sesuatu persidangan di negara-negara tertentu, duta dan pegawai-pegawai *embassy* di negara tersebut kenal melihat, menunjuk, bertanya khabar dan mengambil tahu tentang rombongan-rombongan delegasi negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mengikuti rombongan-rombongan kerajaan menghadiri beberapa persidangan antarabangsa. Kadang-kadang diketuai oleh Speaker Dewan Rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan sayalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak pernah, dengan Tuan Yang di-Pertua tidak pernah, pasal itu Tuan Yang di-Pertua pun Ahli Dewan Rakyat macam saya juga tetapi alhamdulillah Tuan Yang di-Pertua naik dan saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun saya ingat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebabnya Yang Berhormat dapat berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebabnya Yang Berhormat dapat berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh, terima kasih, terima kasih. Ini cara Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua pun biasa mewakili kita, baru-baru ini saya ingat telah pergi ke beberapa negara tetapi kadang-kadang kita dapati bukanlah kita hendakkan duta ini datang jumpa kita, jaga kita, sekurang-kurangnya.

[Yang Berhormat bagi Kepong baru melangkah masuk ke tempat duduknya]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sila Yang Berhormat bagi Kepong, *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apalah Yang Berhormat, dengan izin. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cakap apa itu? Saya pun tidak faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tanya dia, sudah makan nasi ke belum? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya minta.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sebab sekarang ini dia Timbalan Presiden DAP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, balik kepada tajuk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okay. Jadi Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri ini ataupun pejabat *embassy* kita ini kena mengambil tahu, mengambil berat. Jangan biar orang-orang kita ini. Kadang-kadang saya tidak lihat langsung wajah-wajah mereka ini. Kadang-kadang kita sampai ...

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: [*Bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat bagi Arau, sila, saya bagi, saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini boleh bincang selepas ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini mahu hujan lebat petang ini.
[*Ketawa*]

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Untuk makluman, saya dengan rakan seperjuangan saya pergi ke negeri China baru-baru ini. Nasib baiklah rakan saya itu, Yang Berhormat juga, dia fasih dalam bahasa Mandarin. Kalau tidak pasal dia, saya ingat kita kehilangan seorang *Member of Parliament* dan mungkin....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Di mana, di mana?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Di mana?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Di negeri China.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa Yang Berhormat itu?

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Yang Berhormat itu, Tuan Yang di-Pertua sendirilah. [*Ketawa*] Jadi kalaulah saya hilang pada hari itu, kita ada pilihan raya kecillah. Jadi seorang pegawai daripada Kedutaan Malaysia di negeri China tidak mai, walhal daripada negara-negara lain mai untuk hendak membantu, sebagaimana Yang Berhormat bagi Jerai kata, bukan kerana kita hendak minta duta ataupun pegawai kanan dia, peon pun tidak apa, asalkan mai jumpa kita hendak tanya kita, apakah bantuan-bantuan yang mereka boleh bagi kepada kita

Jadi dari segi itu kita merasa kecil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa guna perkara ini ditujukan kepada Yang Berhormat bagi Jerai? Dia tidak akan boleh selesaikan masalah ini.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail: Melalui dia itu pasal dia *loud speaker*. [Ketawa] Jadi pada pandangan Yang Berhormat bagi Jerai macam mana? Ini kira hendak bantu ya. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya terkejut ni. Saya cukup terkejut bila rakan saya yang duduk sebelah saya sejak dari hari angkat sumpah, sampai la, hari ini baru berita kat saya. Kalau saya tahu awal tadi, saya mengamuk sakan. [Ketawa] Maknanya Tuan Yang di-Pertua kita, yang duduk di atas bersama dengan Ahli Parlimen bagi Arau, Ahli Dewan yang membuat undang-undang, Ahli Parlimen yang hendak luluskan peruntukan RM3.8 juta ini untuk Kementerian Luar Negeri, tetapi kita ini orang anggap sebagai tidak ada apa-apa. Yang ini depa jangan lupa, kita boleh tolak *bill* ini kalau kita mahu. [Ketawa] [Disorak] Sabar, sabar, sabar.

Kena ambil tahu sama ada dia ini Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri ataupun ketua-ketua jabatan, kalau pergi sana, kita kena jaga pasal kita ini mewakili. Nasib baiklah Yang Berhormat kata tadi kerana Tuan Yang di-Pertua kita boleh berbahasa Mandarin. Kalau saya pergi pun, kot-kot lepas tetapi Hokkien ini bukan semua orang reti, [Ketawa] lepas itu kita kena buat isyaratlah.

Tuan Jimmy Donald: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Aman bangun. Tali leher sama, tali leher sama warna hari ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh sekalikah, Yang Berhormat, cerita Yang Berhormat, cerita, cerita. [Ketawa]

Tuan Jimmy Donald: [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tertarik dengan cerita Yang Berhormat tentang duta-duta kita dan juga pegawai-pegawai kita yang bertugas di kedutaan kita di luar negeri yang kadang-kadang tidak datang menyambut kedatangan orang seperti Yang Berhormat. Tetapi saya juga ada mendengar dua perkara; pertama, dahulu semasa pemerintahan awal selepas kemerdekaan, duta kita hebat betul kerana mereka fasih dalam bahasa Inggeris, mereka *at the fore front* dalam persidangan antarabangsa, perbincangan antarabangsa dan hal ehwal antarabangsa.

Tetapi semenjak kita menggunakan bahasa Malaysia 100%, jadi kata orang diplomat-diplomat kita di luar negeri bersembunyi di belakang *flower pots* ataupun tiang-tiang yang besar di kedutaan-kedutaan orang lain, oleh kerana mereka malu kerana mereka tidak dapat berbincang dengan orang lain kerana penguasaan bahasa Inggeris begitu rendah dan mereka tidak tahu apa yang dibincangkan.

Pertama, saya ingin tahu sama ada ini boleh dikatakan satu daripada sebab diplomat kita dan orang yang menjaga kedutaan kita malu datang menyambut Yang Berhormat dan rombongan-rombongan yang lain dari Malaysia.

Kedua, apabila saya berjumpa dengan duta kita di Mexico dan Buenos Aires, mereka mengatakan peruntukan mereka itu begitu kecil hinggakan mereka tidak dapat pergi ke sana dan ke sini untuk melayan kita dan juga tidak dapat memberi kita jamuan. Jadi, kerana itulah mungkin mereka malu untuk datang oleh kerana mereka dijangka memberi jamuan untuk kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup, tidak perlu jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jam saya menunjukkan ada tiga minit *balance*. Tuan Yang di Pertua.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okeylah, sudah 10 minit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, Tuan Yang di Pertua, saya minta sedikit masa kecederaan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu minit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Satu minit. Ini hendak membela Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua tidak beri masa, bagaimana? *Actually, it is not relevant*, saya tidak bersetuju kerana setiap duta, setiap delegasi pekerja Malaysia ini depa diberi kursus. Tukar *shift* - lega.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya kena menghormati Kerusi, Tuan Yang di Pertua. Saya bermula dua minit, Tuan Yang di Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tulis di sini, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita beri peluang, bukannya kita hendak mereka bagi makan, tidak payahlah, kita pun faham *budget* dan sebagainya. Cuma sekurang-kurangnya dah tahu delegasi daripada Malaysia hendak datang ke London, contohnya. Hantarlah sesiapa, Datuk Speaker Malaysiakah, Yang Berhormat. Datuk Araukah.....

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah lebih masa, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak bela kita Yang Berhormat. Saya minta sedikit lagi, ini bukan *injury time*, ini orang kata '*bonus time*', Tuan Yang di Pertua. Sedikit sahaja lagi. Soal peruntukan saya faham. Bukan maksud saya semua duta-duta kita, ada juga yang cukup baik. Panggil ke rumah masak lauk. Dengar datang dari Kedah masaklah lauk gulai Kedah beri makan. Seronok. Tetapi sesetengahnya itu sampai tidak ambil tahu. Saya takut nanti Ahli Parlimen kita hilang di negara yang kita pergi, depa pun tidak tahu. Macam daripada Arau tidak mengapalah kerana dia badan besar, susah hilang. Tapi kalau macam Kepong ini, dia terancang pi terancang mai, hilang begitu sahaja. Kesian kat dia.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, saya minta pihak Kementerian Luar sama ada Menteri atau sesiapa, janganlah berkecil hati bila saya tegur ni. Cuma tolong perbetulkan balik supaya bila kita hendak pergi ke sesebuah negara kita berjumpa duta kita pun seronok. Ha, pak duta tunggu. Apa khabar pak duta, depa pun bila tengok orang Malaysia, mereka pun seronok, secocok dengan kita. Ini apabila datang Duta Fiji, mai sambut orang Fiji, sedangkan kita terancang-cangak, sat ni Kastam dan Imigresen pula datang, tahan kita, kesian. Saya biasa, Tuan Yang di Pertua, ini saya hendak beritahu.....

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat, boleh sambung hari Isnin atau hari Selasa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak mengapa, Tuan Yang di Pertua. Yang ini sebab orang besar-besar suruh beritahu tetapi tidak mengapalah. Kerana masa terhad maka saya menghormati. Walau bagaimanapun, waima apa pun,

Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai duta, sebagai wakil Malaysia pergi ke luar negara, sama ada Ahli Parlimen atau bukan Ahli Parlimen, pegawai kerajaan, students atau sesiapa sahaja yang pergi, kita adalah kepala negara mewakili Malaysia, kita kena hormati dia, kita kena jaga hati dia macam Tuan Yang di-Pertua jaga hati kami sebagai.....

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya! Saya jaga juga, masa berjalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, itulah harapan saya. Saya bersetuju perbelanjaan Kementerian Luar RM3.8 juta dipersetujui walaupun dah joli pakai dah. Tetapi tidak mengapalah kita ikut peraturan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, duduklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di Pertua.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Mas.

4.05 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah pada penghujung ini saya berkesempatan untuk bersama-sama mengambil peluang menyetujui Anggaran Perbelanjaan Tambahan 2004. Saya hanya mengambil masa untuk dua Kementerian sahaja oleh sebab kesuntukan masa pada petang ini, iaitu Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pelajaran.

Sebelum daripada itu saya *respect* apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pasir Putih sebentar tadi di mana beliau mengajak kami daripada PAS untuk bekerjasama dengan wakil-wakil daripada BN bagi membangunkan Kelantan pada tahun seterusnya. Saya bersetuju bahkan rakyat Kelantan membuka dada mereka dengan seluas-luasnya untuk Kerajaan Pusat membangunkan negeri Kelantan. Saya rasa bagi UMNO sendiri kerana UMNO ini parti Melayu dan tidak adalah Melayu yang paling Melayu selain daripada Kelantan, tidak campur Melayu Kelantan. Di situlah lubuknya.....

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Negeri lain bukan Melayu?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Barangkali ada campur. Kalau di Kelantan ini *pure* Melayu, asli.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan Yang Berhormat. Kelantan campur dengan Siam macam mana cerita?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Maaf daripada Jerai, saya tidak ada masa, nanti dalam....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tadi semasa saya bercakap, Yang Berhormat minta, saya bagi.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Insya-Allah, saya akan beri.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Kerana di situlah tempat Melayu dan di situlah tempat agamanya. Jadi tidak ada sebab BN tidak mahu membangun di negeri Kelantan. Keduanya, BN pernah memerintah negeri Kelantan. BN sendiri pernah memerintah negeri Kelantan selama 10 tahun, daripada tahun 1978 kepada tahun 1990. Kalaulah BN menunjukkan imej baik di waktu itu, biarlah saya bercakap hari ini barang kali ada rugi kepada saya tetapi untuk kepentingan ramai. Kalau BN menunjukkan satu imej yang baik dalam masa 10 tahun mereka memerintah negeri Kelantan barangkali adalah simpati rakyat Kelantan.

Tetapi mereka masuk ke negeri Kelantan macam Jepun masuk. Betul. Saya masih ingat walaupun saya masih lagi di universiti di waktu itu saya pulang sekali sekala dan saya melihat. Baja padi tidak diberi kepada orang PAS, kerbau lembu ditembak, sakit kuku ditembak kerbau. Anak-anak kerbau merayau ke sana ke sini. Beratus-ratus ekor kerbau ditembak.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu penyakit kuku dan mulut – merbahaya Yang Berhormat, memang dibuat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak, sebelum sakit sudah ditembak, *[Ketawa]* tidak sakit pun ditembak. Selain daripada tembak, tidak bayar pampasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan, Yang Berhormat. Kadang-kadang kita manusia, tidak sakit pun kita tembak.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak bayar pampasan, Tuan Yang di Pertua. Sedangkan penyakit JE selepas daripada itu dibayar pampasan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun, Yang Berhormat. Ketereh dan Ledang.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Nanti, saya bagi Ketereh dulu.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya hendak minta supaya kalau hendak bercakap soal *budget* cakaplah soal *budget*, jangan spekulasi menuduh sembarangan, sebab ini bukan masa berdebat. Kita ambil masa lain.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ini bukan sembarangan, ada kenyataannya.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad : Kalau begitu beri peluang kepada saya. Beri laluan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya tidak beri laluan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri, Yang Berhormat. Teruskan Pasir Mas

Tuan Haji Ismail bin Noh: Dalam *budget* kita boleh berdebat. Saya sedia untuk berdebat dengan Ketereh, bukan saja di sini, di Ketereh, insya-Allah.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad : Tolong beri tarikh.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Okey, insya-Allah.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Tolong beri tarikh, *your place, your time, your topic*.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya akan memberi ceramah di Ketereh, datanglah beramai-ramai.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: *Give me, give me!*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beri dia bercakap.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Kalaulah BN menunjukkan satu imej yang baik di waktu itu tetapi oleh sebab rakyat Kelantan sudah faham BN tidak menunjukkan imej yang baik maka rakyat Kelantan berpindah daripada menyokong BN lalu mengundi PAS. Itu bukan punya pasal tapi Kelantan lain hal. Orang Kelantan lain hal. Itulah politik Kelantan. Politik Kelantan sekali dia boleh bagi, kemudian dia lihat balik. Kalau buat tidak elok, dia tarik balik pula. Kalau PAS tak elok pun, kemudian akan bagi BN pula. Biasa, rakyat Kelantan biasa.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun, Yang Berhormat, hendak beri atau tidak?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya tidak beri.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih kepada Pasir Puteh. Bukan takut.

Yang keduanya saya hendak bercakap terus kepada Maksud P.27 Kementerian Kerja Raya. Saya dalam perjalanan pulang ke Kelantan, daripada Kuala Lumpur ke Kota Bharu, Kelantan, saya melihat bahawa hujung jalan daripada Kuala Lipis ke Merapoh, jalan itu cukup bahaya. Pada tahun lepas di mana jalan itu telah meragut berpuluh-puluh nyawa orang. Berlaku satu *accident* besar di antara bas daripada Kuala Lumpur ke Kota Bharu dan Kota Bharu ke Kuala Lumpur kemudian ramai yang meninggal dunia.

Saya melihat jalannya terlalu sempit, saiz kenderaannya terlalu besar sekarang dengan lori, trailer, bas dan pelbagai lagi. Manakala saiz jalannya masih lagi saiz jalan tahun 1980an. Adalah baik kepada Kementerian Kerja Raya supaya melihat semula, mengukur semula dan memperbetulkan semula jalan yang berbengkok-bengkok dan terlalu banyak selekoh-selekoh jalan, sehingga jalan itu rata dan tidak bergelombang. Yang Berhormat bagi Jerai dahulu ada menyebut bahawa daripada Kedah ke Kuala Lumpur jalannya bergelombang tetapi kalau di sana lebih bergelombang lagi sehingga kita tidak boleh tidur di dalam bas.

Jadi, saya meminta supaya jalan ini diperbaiki diperindahkan sedikit supaya tidak berlaku kemalangan jalan raya sebagaimana yang telah berlaku pada musim-musim yang lepas. Yang kedua, jalan daripada Pasir Mas dari kawasan saya. Ini saya hendak kepada keadilan dan insya-Allah Barisan Nasional disebut adil tadi, boleh memerintah dan sebagainya. Tidak usahlah kira parti, sekarang ini tidak ada parti – maknanya bukan tidak ada parti, parti pilihan raya kita hendak membangunkan Malaysia, saya anak Malaysia dan tuan-tuan Yang Berhormat semuanya anak Malaysia. Kita ini dari Malaysia dan Kelantan adalah Malaysia Federal daripada Malaysia.

Jadi, tidak ada apa yang disebut sebagai anak tirikah dan sebagainya. Jadi, Kementerian Kerja Raya supaya melihat di mana jalan-jalan ini khususnya dari Pasir Mas ke Kota Bharu. Saya melihat jalan ini dari tahun 1950an lagi, belum lagi PAS memerintah, sempit, kemudian tidak diperbaiki, kalau diperbaiki pun hanya menurap lebih kurang begitu sahaja, tidak diperbesarkan, dari Pasir Mas terus ke Tendong,

Tendong ke Pasir Pekan, Pasir Pekan ke Jambatan Sultan Yahaya terus ke Kota Bharu.

Kalau kerajaan menambah anggaran peruntukan untuk tahun 2004 ini saya kira dalam bajet yang ke depan ini mesti ditambah untuk kebaikan rakyat seterusnya. Yang ketiga iaitu jejantas dari bandar Pasir Mas itu ada landasan kereta api di mana bandar Pasir Mas ini dibahagi dua dengan landasan kereta api. Di sebelah sana bahagian pentadbiran dan di sebelah sini bahagian *market*. Jadi, di sana tidak ada jejantas, kalau dibuat jejantas bagi memudahkan dan sekolahnya berada di sebelah sana, balai polis, sekolahnya, semuanya di sebelah sana, di sini bahagian pentadbiran.

Sekiranya berlaku kebakaran dan sebagainya hanya mengorbankan nyawa dan harta masyarakat di waktu itu. Sebab itulah saya pada petang ini mengambil kesempatan supaya kerajaan khasnya Kementerian Kerja Raya mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh supaya ramai rakyat dapat menikmati pembangunan yang telah dicurahkan oleh kerajaan di bawah kepimpinan yang baru Perdana Menteri kita insya-Allah.

Yang keduanya ialah Kementerian Pelajaran, maflah saya sebut dan terima kasih bahawa kementerian sudah pun mendirikan sekolah-sekolah di peringkat sekolah kebangsaan dan sekolah menengah, sekolah menengah bahkan di Kelantan ini hebat dengan sekolah, kadang-kadang sekolah ada tiga unit, empat unit, empat tingkat, empat blok, pelajaranya hanya ada 300 orang sahaja. Pelajar sekolahnya terlalu besar, terlalu hebat macam universiti tetapi murid ada 300 orang. Tidak apalah bagus untuk 200 tahun lagi, mungkin murid ramai kan. Macam kita buat lapangan terbang, sekarang ini kita buat lapangan terbang begitu hebat mencabar seluruh dunia untuk 200 tahun kerana kita beranggapan bahawa 200 tahun nanti orang tidak cerdik, kita yang cerdik.

Padahal 200 tahun nanti kapal terbang tidaklah lancar begitu laju, kapal terbang akan turun *landing* begitu sahaja. Kita 'dok' ingat bahawa 200 tahun lagi orang tidak cerdik kerana itulah kita buat untuk 200 tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak apabila saya melihat sekolah-sekolah ini tidak ada 'musolla', saya hairan sekolahnya tidak ada 'musolla', kalau ada 'musolla' pun 'musolla' yang dibuat oleh

PIBG di mana pelajar-pelajar pergi merayau meminta derma RM1.00, RM2.00, RM10.00 untuk membuat 'musolla', padahal nya penting 'musolla' ini selain daripada sekolah, selain daripada pelajaran, pendidikan, 'musolla' ini boleh tarbiah pendidikan kepada anak-anak mereka..

Ir Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Tuan Jimmy Donald: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua orang yang bangun Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah hendak habis.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sedikit lagi, satu minit lagi. Yang ketiga pula saya sebut bahawa kelmarin kita bercakap masalah dadah. Sekolah memainkan peranan paling penting bagi menyedarkan pelajar-pelajar, anak-anak kita masalah dadah. Jadi, bagus sekolahnya indah, gurunya bagus, apanya bagus, tinggal lagi barangkali kalau ada mata pelajaran dadah di sekolah menerusi pendidikan agama ataupun pendidikan moral. Demikianlah guru-guru agama yang kita hantar tadi mesti diberikan pendedahan ataupun bukan sahaja guru agama, guru yang tidak mengajar agama, guru disiplin, guru apa sahaja mesti berkemahiran dengan nama-nama dadah, supaya mereka mendedahkan kepada pelajar-pelajar kita dari tingkatan tiga, empat, lima.

Bila mereka tahu bahawa dadah ini bahaya kepada negara dan sebagainya, maka mereka menyisihkan diri daripada benda-benda tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jadi, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pendang, selepas itu Setiausaha Parlimen menjawab.

4.15 ptg.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Petang. Saya hendak menyentuh beberapa perkara berhubung dengan Perbekalan Tambahan 2004 ini. Yang pertama saya hendak menyampaikan keluhan dari orang di kawasan saya Pendang berhubung dengan apa yang berlaku. Pendang sebenarnya tidak mempunyai sebuah pun bank yang berlandaskan kepada Muamalat Islam.

Kalau dahulu kita ada BCB yang termasuk di dalamnya Bank Muamalat tetapi sekarang telah dipindahkan ke pekan Alor Setar, maknanya mereka terpaksa pergi

lebih kurang 40 kilometer untuk menyimpan ataupun menggunakan khidmat kewangan Islam ini. Jadi, saya rasa pihak yang terbabit perlulah memberikan perhatian kepada keperluan masyarakat petani ataupun juga akaun-akaun bank yang dari masjid-masjid yang terdapat lebih kurang 50 buah masjid di kawasan Pendang yang terpaksa menyimpan wang masjid mereka di bank di Alor Setar.

Yang keduanya, tentang pinjaman yang dibuat oleh bank, terutamanya BCB, sebab di situ ada hanya satu bank BCB sahaja yang mengeluarkan pinjaman kepada peniaga-peniaga ataupun mereka yang ingin membuat pinjaman lima ataupun sepuluh ribu kadang-kadang terpaksa mengambil masa tiga hingga enam bulan untuk diluluskan. Jadi, saya berharap perkara-perkara ini dapat diberi perhatian oleh kementerian yang terbabit.

Kemudiannya yang ketiga, berhubung dengan masalah Depo-Provera iaitu mungkin Tuan Yang di-Pertua lebih arif. Tentang ubat perancang keluarga secara suntikan. Saya dapati ianya menghadapi masalah di kawasan saya sejak dari bulan Oktober tahun lepas lagi iaitu tahun 2003. Apa yang menjadi kemusykilan setiap kali mereka yang ingin mendapatkan ubat tersebut terpaksa pergi ke klinik-klinik, memang saya ada klinik dan kalau orang kata dapat *advantagelah*. Tetapi apa yang menjadi masalah kepada masyarakat di kampung adalah mereka terpaksa mengeluarkan belanja yang lebih untuk mendapatkan injection Depo-Provera ini.

Saya tidak tahu kenapa sejak daripada bulan Oktober 2003 lagi ubat ini tidak ada di kawasan Pendang. Sebab kita tahu masyarakat kampung biasa pukul 10.00 dia sudah tidur. Kalau tidak ada *prevention* semacam ini mungkinlah populasi di Pendang akan bertambah dengan hebatnya mungkin mencapai 70 juta tidak sampai *target* yang diletakkan oleh bekas Perdana Menteri kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai bangun, mungkin dia hendak bertanya pasal tidur Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tertarik pasal *injection* itu. Kita sekarang hendak rakyat kita ramai. Jadi, *injection* itu memanglah orang kampung 'la ni' tidak ada Yang Berhormat, orang tua-tua dahulu memang tidur awal pasal dia tidak ada apa, TV tidak ada, apa pun tidak ada. Bila anak tidur, cucu tidur, depa pun tidur. Jadi, sekarang ini kita hendak *target* negara kita supaya rakyatnya

ramai. Bila rakyat ramai, bila kilang kita mengeluarkan radio, radio laku, bawa keluar kereta, kereta laku.

Jadi, apa sahaja yang kita bawa keluar dia ada pasaran. Jadi, *target* kita Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri kita berkata 70 juta. Jadi, bagi saya Allah S.W.T bila dia hendak melahirkan seorang insan ke muka dunia ini Tuhan sudah memberi rezeki kepada hambaNya. Jadi, adakah *injection* ini diperlukan, kecuali hak yang dah ranum itu, lain cerita tetapi hak yang boleh lagi itu, saya ingat kita biarkanlah. Ini pasal kita hendakkan rakyat yang ramai. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, 'tak palah' kalau *injection* itu tidak ada, biar depa *inject* hak lain okey juga. *[Ketawa]*

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Itulah yang kita namakan Perancang Keluarga sebenarnya – bukan kita hendak mengurangkan anak tetapi untuk merancang. Kalau yang macam kita tengok dalam TV semalam - yang duduk dalam perut pun ada, yang didukung pun ada, yang kelek di tangan pun ada, yang ikut emak dia pun ada, emaknya satu tahun sampai dua orang keluar. Maknanya susahlah bagi keluarga itu untuk menampung perbelanjaan keluarga dan saya rasa memang masih diperlukan dari segi untuk merancang sesuatu keluarga itu.

Seterusnya tentang masalah yang dihadapi oleh polis. Saya rasa polis di peringkat bawahan ataupun di peringkat koperal, sarjan ke bawah, mereka sebenarnya menghadapi masalah di Pendang untuk mendapat rumah sewa kerana Pendang tidak ada balai polis baru, tidak ada kuarters, maka mereka terpaksa masuk ke kampung-kampung untuk menyewa rumah-rumah di kampung, dan kita tahulah apabila polis terpaksa menyewa di kampung-kampung, maknanya dari segi keselamatan anak-anak mereka, keselamatan polis itu sendiri mungkin akan tergugat. Jadi saya harap pihak yang berkenaan tolong melihat perkara ini.

Seterusnya tentang saya rasa benda ini pun telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Jerlun dahulu, tentang jalan yang dibuat melalui ban-ban sungai. Sebenarnya ban-ban sungai ini satu jalan ataupun *base* dia tidak kuat. Apabila *base* yang tidak kuat, di jalan itu terpaksa dilalui oleh traktor ataupun mesin-mesin padi, dalam masa setahun ataupun setahun lebih sudah habis pecah. Jadi, sebenarnya pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah perlu memberi perhatian terhadap jalan-jalan ban sungai ini supaya *basementnya* diperkuatkan supaya dapat

dilalui oleh sekurang-kurangnya traktor ataupun mesin padi yang melalui jalan tersebut.

Jadi saya rasa itulah sedikit sebanyak benda-benda yang perlu saya *highlight* dalam ucapan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

4.22 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2004.

Terdapat berbagai-bagai isu persoalan dan cadangan yang telah dibangkitkan semasa sesi perbahasan. Insya-Allah saya akan cuba untuk memberi penjelasan dan menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan yang menyentuh maksud-maksud bekalan yang terdapat dalam rang undang-undang tersebut. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya akan diberi bagi menangani perkara-perkara tersebut.

Kementerian Kewangan juga akan memberi perhatian terhadap cadangan-cadangan yang sesuai seperti yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memperbaiki dan menambahbaikkan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan. Suka saya menjelaskan sekali lagi bahawa peruntukan tambahan yang dicadangkan ini adalah untuk membiayai perkara-perkara baru yang tidak diperuntukkan dalam Bajet asal 2004 dan bagi menampung perkara-perkara yang tidak diperuntukkan secukupnya disebabkan oleh perubahan-perubahan semasa yang tidak dapat dielakkan.

Antaranya seperti tambahan subsidi barangan petroleum kerana kenaikan harga minyak, kenaikan kos biasiswa pelajar kerana perubahan kadar tukaran mata wang asing dan menampung keperluan-keperluan mendesak di agensi-agensi kerajaan seperti perbaikan kemudahan dan pembelian kelengkapan untuk Polis Diraja Malaysia, kemudahan rawatan dan perubatan dan pembayaran emolument untuk jawatan-jawatan baru seperti guru, pegawai penguat kuasa dan pegawai perubatan.

Semasa sesi perbahasan, terdapat beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai pembangunan luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Suka saya menjelaskan bahawa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tidak terlibat dengan peruntukan tambahan kali ini. Walau bagaimanapun, adalah ditegaskan sekali lagi bahawa agenda pembangunan luar bandar sentiasa menjadi agenda utama kerajaan. Misalnya pada tahun 2004, sebanyak RM2,639.8 juta disediakan untuk melaksanakan pelbagai projek luar bandar termasuklah untuk pembinaan jalan, bekalan air, elektrik, kesihatan dan lain-lain kemudahan. Insha-Allah pada Bajet yang akan datang yang akan dibentangkan pada hari Jumaat ini, perkara ini akan terus diberi keutamaan.

Kerajaan menyedari terhadap beberapa kelemahan dalam proses pelaksanaan projek-projek luar bandar dan langkah-langkah sedang dan akan terus diambil untuk menanganinya. Saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan dan saranan untuk memperbaiki keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebut tadi berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran, Mambong dan Putatan berkenaan dengan kemiskinan, dalam usaha membasmi kemiskinan tegar, sasaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan ialah 0.5 peratus. Sungguhpun sasaran 0.5 peratus di bawah Rancangan Malaysia Kelapan tidak dapat dicapai kerana kemiskinan tegar terus berkurangan daripada 1.4 peratus pada tahun 1999 kepada satu peratus pada tahun 2000. Dalam tempoh yang sama, kadar kemiskinan am juga berkurangan daripada 7.5 peratus kepada 5.1 peratus.

Secara umumnya, kadar kemiskinan di luar bandar adalah lebih tinggi iaitu 11.4 peratus pada tahun 2002 berbanding dengan 2.0 peratus di kawasan bandar. Kemiskinan tegar di luar bandar pula ialah 2.3 peratus dan di bandar 0.4 peratus. Sungguhpun masih ramai rakyat Malaysia tergolong sebagai golongan miskin, kadar kemiskinan negara secara keseluruhannya adalah rendah.

Banyak faktor yang menyebabkan golongan miskin dan miskin tegar masih wujud sungguhpun pelbagai program dan langkah telah diambil oleh kerajaan. Sebahagian daripada mereka tinggal di kawasan pedalaman yang amat terpencil dan sukar untuk dihubungi manakala sebahagian lagi masih terbelenggu oleh masalah kemiskinan kerana mempunyai taraf pendidikan dan kemahiran yang rendah, kekurangan sumber, khususnya dari segi modal serta pengetahuan untuk melibatkan

diri dalam aktiviti yang memberikan pendapatan yang lebih tinggi. Terdapat juga segolongan daripada mereka ini tidak berupaya dari segi fizikal untuk terlibat secara lebih aktif dalam aktiviti-aktiviti menjana pendapatan seperti golongan warga emas, cacat anggota atau mental atau menghadapi penyakit-penyakit yang kronik

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya sedang memberi keutamaan kepada usaha mengenal pasti golongan miskin dan miskin tegar sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Pada masa ini pihak kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah pun membangunkan pangkalan maklumat mengenai isi rumah miskin tegar di luar bandar dan di Semenanjung Malaysia, manakala di Sabah dan Sarawak usaha ini sedang dijalankan. Pangkalan maklumat ini akan menjadi rujukan kepada semua agensi berkaitan, khususnya dalam mengenal pasti golongan sasaran.

Di samping itu kerajaan juga sedang mengambil langkah untuk membangunkan maklumat yang sama di kawasan bandar. Langkah ini adalah selaras dengan pendekatan *target* spesifik yang diambil oleh kerajaan dalam pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat bagi Tuaran minta supaya menggubal program untuk murid yang tidak cemerlang dan tidak tahu membaca. Pendidikan pada tahap satu di sekolah rendah menekankan kepada kemahiran membaca, menulis dan mengira – 3M. Bagi pelajar yang gagal menguasai kemahiran 3M ini, sekolah mengadakan program pemulihan untuk mereka. Program tersebut dijalankan dengan mengadakan kelas-kelas pemulihan bagi murid-murid tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tuaran juga menanya tentang beberapa sekolah menengah yang sepatutnya ada rumah guru tetapi tidak didirikan rumah guru. Pada masa ini rumah-rumah guru tidak didirikan di kawasan sekolah tetapi sebaliknya dibina secara berkelompok yang dikenali sebagai Kuarters Institusi Pendidikan (KIP). Untuk makluman, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah memperuntukkan RM98.4 juta bagi melaksanakan projek menaik taraf rumah guru di kawasan luar bandar di negeri Sabah. Kerajaan akan menambah bilangan rumah guru dari semasa ke semasa mengikut peruntukan kewangan yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tuaran juga membangkitkan tentang sekolah luar bandar yang perlu dipertingkatkan. Menyediakan prasarana pendidikan di kawasan luar bandar memang menjadi agenda utama kerajaan. Ia

dilaksanakan secara berterusan dan keutamaan memang diberi ke kawasan luar bandar dan pedalaman. Bagi tujuan tersebut, rancangan pembangunan Sabah dan Sarawak ditujukan khusus bagi meningkatkan pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak. Ini termasuklah menaikkan taraf sekolah-sekolah yang telah uzur.

Untuk makluman, saya sebutkan di sini peruntukan yang telah diberi khas untuk Sabah untuk menaikkan taraf sekolah rendah dan menengah dan program pembangunan luar bandar Sabah dan Sarawak. Untuk Rancangan Malaysia Kelapan, silingnya ialah RM1.433 bilion tetapi jumlah perbelanjaan ialah RM1.516 bilion, bermakna lebih perbelanjaan sebanyak RM82 juta..

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah memohon supaya kerajaan meningkatkan serta mempelbagaikan insentif untuk menarik pelabur asing ke negeri Sabah. Kerajaan dari masa ke semasa sentiasa mengambil pelbagai usaha menarik pelaburan langsung asing ataupun FDI ke Malaysia. Antara lain termasuk memperkenalkan insentif-insentif baru serta memperbaiki insentif-insentif yang sedia ada.

Baru-baru ini kerajaan telah menaikkan kadar pengecualian cukai pendapatan di bawah insentif taraf perintis daripada 85% kepada 100% dan menaikkan pendapatan *statutory* di bawah insentif elaun cukai pelaburan daripada 80% kepada 100% bagi syarikat yang menjalankan projek perkilangan di koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Selain daripada langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri juga perlu berperanan aktif dalam usaha menarik pelaburan ke negeri dan kawasan-kawasan yang berpotensi. Ini termasuklah mengambil bahagian dalam misi perdagangan dan pelaburan yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat, mempromosikan peluang-peluang pelaburan yang wujud di negeri masing-masing, memperbaiki sistem penyampaian khidmat di peringkat kerajaan negeri dan tempatan dan menawarkan pakej-pakej insentif khas bagi menarik pelaburan dalam industri yang digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan mewujudkan bank di Kinabatangan, setakat ini institusi kewangan telah pun mengkaji cadangan untuk membuka cawangan di kawasan Kinabatangan. Namun begitu, institusi kewangan berkenaan tidak mempunyai cadangan untuk menubuhkan cawangan di Kinabatangan oleh kerana tahap peningkatan ekonomi di kawasan tersebut adalah agak rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sepanggar - berkenaan dengan bayaran insentif untuk mata pelajaran bahasa ibunda khasnya di Sabah dan Sarawak. Buat masa ini, Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak bercadang untuk memberi imbuhan kepada guru-guru yang mengajar mana-mana mata pelajaran lain selain daripada mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. Hal ini terjadi demikian kerana mata pelajaran-mata pelajaran yang disebutkan tadi dianggap kritikal kerana kementerian sering mengalami masalah kekurangan guru dalam mata pelajaran tersebut.

Kebanyakan siswazah dalam bidang ini lebih berminat untuk menyertai sektor swasta kerana tawaran yang lebih menarik. Oleh itu, pemberian insentif ini adalah sebagai pengiktirafan dan imbuhan bagi mengekalkan mereka terus berkhidmat dalam perkhidmatan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sepanggar juga membangkitkan berkenaan dengan bidang kuasa membina, menyelenggara dan membaiki jalan raya. Semua jalan terbahagi kepada tiga kategori – saya kira ini boleh menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi. Semua jalan terbahagi kepada tiga kategori iaitu jalan-jalan Persekutuan, jalan negeri dan jalan kerajaan tempatan.

Bagi jalan-jalan Persekutuan, Kementerian Kerja Raya bertanggungjawab untuk membina dan menyelenggara melalui Program Penswastaan Penyelenggaraan Jalan Persekutuan yang telah bermula pada tahun lepas – tahun 2003. Bagi jalan-jalan negeri tanggungjawab membina dan menyelenggara adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Sementara jalan-jalan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula tanggungjawab pembinaan dan penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab PBT berkenaan.

Untuk tujuan ini Kerajaan Persekutuan ada menyediakan bantuan kewangan melalui geran bantuan penyelenggaraan jalan. Ini mengikut kadar, Tuan Yang di-Pertua. Ada jalan yang standard kadarnya lain, jalan substandard kadarnya lain dan jalan di kawasan perumahan kos rendah kadarnya lain.

Bagi jalan-jalan di Kota Kinabalu ianya di bawah Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, maka tanggungjawab penyelenggaraan adalah di bawah bidang kuasa DBKK. Kerajaan Pusat hanya untuk menyelenggara jalan-jalan masuk ke kawasan di bawah bidang kuasa DBKK.

Bagi jalan-jalan sekunder (*secondary*) seperti jalan-jalan kampung ianya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan ada membantu kerajaan negeri melalui Program Jalan Luar Bandar di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dan Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada kementerian tersebut untuk bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu meminta Kementerian Pelajaran mengatasi sindrom takut terhadap bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar di luar bandar. Bagi mengatasi masalah sindrom takut terhadap bahasa Inggeris di kalangan luar bandar, guru-guru biasanya tidak terus menggunakan bahasa Inggeris di dalam pengajaran dan pembelajaran sebaliknya menggunakan dwibahasa bagi memudahkan kefahaman murid. Ia juga diikuti dengan bahasa Inggeris yang mudah untuk menarik minat murid terhadap bahasa Inggeris. Guru-guru di sekolah sememangnya disediakan garis panduan dalam pengajaran dan pembelajaran yang boleh disesuaikan mengikut tahap pencapaian murid.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga membangkitkan berkenaan dengan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang perlu dikaji keberkesanannya.

Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan program pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dapat dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan oleh kementerian ini pada bulan Mei 2003 terhadap tahap kefahaman pelajar dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris yang telah dibuat di 273 sekolah rendah dan 72 sekolah menengah.

Dapatan kajian menunjukkan pencapaian dalam ketiga-tiga mata pelajaran tersebut adalah baik pada keseluruhannya. Kajian Kementerian Pelajaran juga mendapati guru-guru menunjukkan kesetiaan dan keyakinan dalam mengajar mata pelajaran-mata pelajaran yang tersebut. Keberkesanan dan pencapaian yang memuaskan dalam mata pelajaran-mata pelajaran yang berkenaan serta keyakinan guru untuk mengajar bukanlah semata-mata dipengaruhi oleh bayaran insentif tetapi juga melalui pelaksanaan kursus-kursus Bahasa Inggeris, kursus Orientasi Semakan Semula Kurikulum dan kursus ICT.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga mencadangkan bagi mendapatkan tenaga pengajar dari luar negara untuk mempertingkatkan kemahiran bahasa Inggeris. Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha menangani masalah kurang penguasaan bahasa Inggeris di kalangan guru-guru dan juga pelajar-pelajar.

Bagi tujuan tersebut, salah satu program yang dijalankan ialah pengambilan perkhidmatan penutur jati. Program penutur jati terbahagi kepada dua bahagian iaitu penyelaras penutur jati yang ditempatkan di Pejabat Pelajaran Daerah yang dikenali sebagai *District English Language Coordinator* (DELC) dan guru penutur jati bahasa Inggeris yang dikenali sebagai *Project English Teacher* (PET) di sekolah berasrama penuh. Terdapat pada masa sekarang ini seramai 30 orang guru di bawah DELC dan 10 orang sebagai PET di sekolah berasrama penuh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong meminta Kementerian Pelajaran memberi penjelasan mengenai keciciran pelajar di sekolah rendah ke sekolah menengah. Apa yang terjadi kepada pelajar-pelajar yang tidak ke sekolah menengah? Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar tersebut tidak semestinya berhenti terus daripada alam persekolahan, sebaliknya terdapat di kalangan mereka yang meneruskan persekolahan di luar sistem pendidikan kerajaan seperti memasuki sekolah swasta atau sekolah agama negeri dan sebagainya.

Kalau mengikut perangkaan yang ada, Tuan Yang di-Pertua, tahun 1995 sehingga tahun 2000 penuntut yang belajar di sekolah rendah ke sekolah menengah terdapat kekurangan 14.85% dan daripada Tingkatan Tiga ke Tingkatan Empat terdapat kekurangan 9.94%. Bermakna yang lain telah pergi ke sekolah-sekolah lain ataupun belajar di tempat lain – terkeluar daripada sistem pendidikan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat berikan secara bertulis? Saya percaya Yang Berhormat tidak ada angka – maksud saya, apabila kita ada 3 juta orang lebih kurang masuk ke sekolah rendah, kemudian selepas enam tahun ada 1½ juta atau 2 juta tidak dapat meneruskan ke sekolah menengah dan kemudian daripada sekolah menengah rendah ada lebih setengah juta yang tidak dapat lagi. Bolehkah kementerian bagi angka bukan setakat yang kata peratusan dan sebagainya – tidak ada asas. Kita mesti ada angka, ke manakah orang ini pergi daripada 3 juta orang ini kerana inilah punca kita dapat beberapa masalah sosial, ekonomi dan sebagainya. Kita hendak tahu ke mana perginya?

Saya mintalah, sila kementerian beritahu dengan angka-angka yang ada dan kalau tidak ada, kita mesti buat kajian yang menyeluruh dari peringkat ke peringkat hendak tahu ke mana perginya pelajar-pelajar yang tercicir. Bukan bilangan yang kecil – berjuta. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kepong. Tadi yang saya sebut hanya peratusan, bolehlah saya akan dapatkan maklumat dan beri secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ingin tahu mengenai isu penyeludupan diesel di Tok Bali, Kelantan baru-baru ini dan jumlah keseluruhan kes yang telah diambil tindakan berhubung penyeludupan diesel. Kerajaan memang berusaha untuk menangani masalah penyeludupan diesel yang keluar ke negara jiran. Agensi-agensi penguat kuasa sentiasa bertindak untuk membanteras gejala tersebut. Misalnya, sehingga 1 September 2004, 17 kes penyeludupan diesel telah diambil tindakan, manakala sebanyak 203 kes lagi berhubung dengan pelbagai kesalahan penyelewengan subsidi diesel di seluruh negara telah diambil tindakan.

Berhubung dengan tindakan kes yang dirujuk oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang itu, tindakan diambil oleh pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebanyak 10,920 liter diesel disita berserta dengan sebuah lori tangki di Pangkalan Tok Bali kerana percubaan keluar diesel ke negara jiran yang dibuat oleh pihak pemilik stesen minyak. Kes ini dibuat pada 1 September 2004 dan siasatan masih dijalankan.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu mahu tahu faktor-faktor yang menyebabkan doktor-doktor pakar meletakkan jawatan di Kementerian Kesihatan dan terus masuk ke IPT. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa terdapat beberapa doktor yang telah meletakkan jawatan di Kementerian Kesihatan sebagai doktor pakar untuk berkhidmat di IPTA sebagai tenaga pengajar. Walau bagaimanapun, bilangan mereka tidaklah begitu besar. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tangga Batu, pakar-pakar ini juga jika ditukar ke IPTA masih diperlukan untuk meneruskan perkhidmatan mereka dengan IPTA menggantikan perkhidmatan dengan Kementerian Kesihatan. Kita perlu juga melihat isu pertukaran perkhidmatan ini secara lebih luas lagi, iaitu dari segi Kementerian Kesihatan dalam jangka pendek ia merupakan satu kehilangan. Tetapi dalam jangka panjang negara secara keseluruhannya akan mendapat manfaat

yang lebih melalui perkhidmatan pakar-pakar ini di IPTA dengan melatih lebih ramai lagi pakar-pakar perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga bercakap berkenaan dengan perkhidmatan pengurusan sisa-sisa pepejal. Pada masa ini penswastaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dilaksanakan secara interim. Semasa interim pihak swasta, syarikat konsesi seperti Alam Flora Sdn. Bhd. mempunyai perjanjian pengurusan dengan pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, kerajaan akan mengambil kira dan memastikan perkara-perkara yang berkaitan dengan *service level* termasuk dalam perjanjian yang akan ditandatangani, perjanjian konsesi apabila penguasaan penuh dilaksanakan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin bercakap tentang kebanjiran pekerja-pekerja asing terutama dalam sektor perkhidmatan. Kerajaan menyedari akan masalah pekerja asing yang membanjiri negara kita. Kerajaan sedang mengambil langkah bagi mengatasi masalah ini. Satu Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun ditubuhkan untuk mencari jalan mengatasi masalah ini. Antara langkah yang sedang dikaji termasuklah melaksanakan automasi bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber-sumber tenaga pekerja asing.

Di samping itu, kerajaan juga sedang menimbangkan insentif-insentif tambahan kepada sektor-sektor yang kurang bergantung kepada tenaga kerja buruh asing atau beroperasi sebagai sepenuhnya dengan tenaga pekerja tempatan. Pada masa yang sama penguatkuasaan terus dipertingkatkan untuk mencegah kebanjiran pekerja tanpa izin ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada satu lagi berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan iaitu masalah kekurangan klinik kerajaan di luar bandar. Adalah menjadi dasar Kementerian Kesihatan untuk mengadakan kemudahan perubatan dalam lingkungan lima batu dari tempat tinggal setiap penduduk. Untuk ini hospital, klinik kesihatan dan klinik desa akan terus dibina. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan 173 projek klinik kesihatan telah dirancang, 68 buah telah siap, 13 masih dalam pembinaan dan 92 lagi dalam rancangan.

Di samping itu, 425 klinik desa telah dirancang di mana 216 sudah siap, 5 buah dalam pembinaan dan 22 di peringkat tender. Sebanyak 182 lagi di peringkat

perancangan. Insya-Allah, apabila kesemua projek telah dirancang di atas disiapkan, masalah kekurangan klinik di luar bandar tidak akan berbangkit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan M. Kula Segaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habis Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Saya belum dapat jawapan kepada perkara yang saya bangkitkan mengenai Pulau Tioman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak mengapalah Yang Berhormat, nanti dia jawab lain.

Tuan M. Kula Segaran: Ini mesti dari *policy stage*. Takkan tidak ada jawapan, adakah kerajaan mengakui bahawa satu kesalahan telah terjadi dan elak memberi jawapan yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Saya telah bangkitkan mengenai EIA dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak apa Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Mungkin Setiausaha Parlimen boleh beritahu adakah – pada pandangan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak mengapa Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran: Bukan tak mengapa, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada jawapan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada jawapan mengenai itu?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf perkara ini, saya tidak mempunyai jawapan kepada perkara yang dibangkitkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Di masa lainlah.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Barat. Walau bagaimanapun, saya akan sampaikan melalui jawapan bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia tiga billion satu ratus lima puluh lima juta dua puluh enam ribu lapan ratus sembilan puluh enam (RM3,155,026,896) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2004, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2004 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 Tahun 2004 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM6,681,673,350 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2004 bagi maksud-maksud Bekalan B.4, B.7, B.9, B.12, B.15,

B.24, B.28, B.31, B.41, B.42, B.43, B.50, B.52, B.70 dan B.71 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual, dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM3,155,026,896 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2004 bagi maksud-maksud Pembangunan P.6, P.11, P.20, P.21, P.24, P.26, P.27, P.28, P.29, P.40, P.47, P.50, P.52, P.70 dan P.71 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 Tahun 2004 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Maksud B.4, B.7 dan B.9 [Jadual] –
Maksud P.6 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2004] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B4, B.07 dan B.09 dan Kepala Pembangunan P.06 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Ya, Ayer Hitam. Sekejaplah, tidak apalah, saya bagi Yang Berhormat.

4.50 ptg.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam Maksud B.07 Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan kerana telah menunjukkan keprihatinannya terhadap pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran sama ada di IPTA ataupun di luar negeri menggunakan tajaan biasiswa atau pinjaman JPA, dan saya juga menyokong bahawa tambahan sebanyak RM156 juta ini diperuntukkan bagi maksud tersebut. Tetapi di sini ingin saya mengutarakan satu perkara kepada pihak yang berkenaan bahawa kita melihat baru-baru ini, kes-kes yang melibatkan 40 orang pelajar yang baru sahaja ditawarkan biasiswa tajaan ke luar negeri di bawah JPA, mereka telah mengadu kepada pihak JPA bahawa kolej yang menyediakan *pre-U study* ini adalah kolej yang tidak memenuhi syarat, di mana tenaga pengajarnya memang teruk dan tidak fasih dalam bahasa Inggeris.

Saya rasa perkara ini haruslah diberi perhatian apabila kes ini telah diutarakan kepada pihak JPA baru-baru ini. Perkara ini tidak boleh dilihat secara remeh kerana perkara ini adalah melibatkan masa depan pelajar-pelajar cemerlang ini, baik pelajar Melayu, India dan China. Kesemuanya 40 orang itu mengadu, nampaknya kita perlu melakukan sesuatu untuk memperbaiki keadaan persekitaran ataupun dari segi Infrastruktur yang ada pada kolej tersebut termasuklah juga tenaga pengajar yang kurang berpengalaman.

Kalau kita mahu menjamin bahawa pelajar-pelajar ini dapat tawaran untuk memasuki universiti luar negeri yang mempunyai taraf tinggi ataupun dianggap *prestigious* kita perlu melakukan sesuatu. Kalau pelajar-pelajar ini masih lagi berterusan, masih lagi dalam kolej sebegini, saya rasa mereka tidak akan mendapat keputusan yang baik atau cemerlang dan mereka juga tidak akan mendapat tempat yang lebih baik di universiti-universiti terkemuka di dunia.

Jadi, saya memohon bahawa pihak JPA melihat perkara ini. Perkara ini telah dibawa oleh ibu bapa kepada pihak Bahagian Latihan JPA dan perkara ini tidaklah harus dianggap sebagai aduan semata-mata, aduan itu daripada ibu bapa, rintihan, berbentuk rintihan.

Ini adalah satu masalah serius dan kolej ini pun tidaklah mempunyai pengalaman yang cukup untuk mengendalikan. Jadi, cadangan saya adalah kalau orang-orang ini ataupun pihak tenaga pengajarnya ini tidak berpengalaman baiklah kita menghantar kepada kolej-kolej yang lebih *established*.

Itulah pandangan saya dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, saya bagi cuma maksimum 10 minit.

4.54 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada tambahan peruntukan untuk perbelanjaan Pilihan Raya Umum yang lepas ini.

Pilihan Raya Umum yang lepas telah dijalankan dengan pelbagai kelemahan dan mencerminkan kelemahan dan ketidaksediaan persiapan untuk melaksanakan

pilihan raya tersebut. Saya dengan sendirinya telah menyaksikan pelbagai masalah yang timbul dan keadaan yang kelam-kabut semasa hari mengundi dan sebelumnya.

Tuan Pengerusi, saya tidak boleh berdiam tidak membangkitkan semua yang telah saya saksikan dan saya perhatikan semasa pilihan raya tersebut. Perkara satu ialah berkenaan maklumat pengundi, sebelum hari mengundi ramai pengundi yang datang untuk memeriksa sama ada nama mereka tercatat atau tidak di dalam rekod Suruhanjaya Pilihan Raya tersebut, mereka ada yang menelefon, ada yang menggunakan *website*, tetapi semua *line* ini jam, tidak dapat dilalui.

Saya harap pihak Suruhanjaya Pilihan Raya tidak mempersalahkan pengundi menyatakan mereka pada saat-saat yang akhir baru mereka lakukan sedemikian, membuat pemeriksaan nama mereka. Saya rasa kalaulah kita adalah sebuah kerajaan, Kerajaan Barisan Nasional sebuah kerajaan yang efisien, ini 'Malaysia Boleh', membenarkan pendaftaran pengundi dijalankan pada sepanjang masa dan termasuk hari mengundi *automatic on the day* sebab ramai pengundi mendapati nama mereka telah hilang daripada rekod pendaftaran pilihan raya ini.

Jadi ada yang telah lama mengundi di kawasan Batu Gajah, namanya telah dipindahkan ke tempat yang lain, dipindah ke Johor, dipindah ke Pulau Pinang. Jadi, pada masa tersebut pihak SPR mestilah mempunyai satu pelan dan satu teknologi yang maju di mana membenarkan nama pengundi ini diletak balik dalam rekod dan membenarkannya mengundi pada masa ketika tersebut sebab ia tidak ada dengan sendirinya memohon pertukaran ke tempat yang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu bangun.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Batu Gajah. Saya berminat Batu Gajah kerana Batu Gajah menyebut tentang kelemahan dan kepincangan SPR semasa mengurus tadbir pilihan raya yang lepas. Saya tengok di atas kelemahan dan kepincangan itu Batu Gajah menang balik semula, boleh tidak Batu Gajah setuju?

Cik Fong Po Kuan: Ya, saya terima kasih kepada pengundi kawasan saya, saya percaya kalau lebih efisien, lebih cekap SPR, lebih banyak kerusi DAP [*Ketawa*] akan menang dan lebih undi [*Tepuk*] akan lebih banyak diperolehi oleh setiap calon DAP. Saya percaya, sebab ramai pengundi telah hilang nama dia, mereka mengeluh, mereka kata, saya hendak undi Rokat, tetapi sekarang nama saya tidak ada dalam senarai rekod SPR.

Perkara yang lain saya ingin bangkitkan ialah saya terima melalui faks *e-mail* seorang pengundi warganegara Malaysia yang sekarang bertugas di negara lain, dia telah melalui *wedsite* SPR mendapati *gendemya* telah silap ..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai, bangun.

Cik Fong Po Kuan: *He is a male*, tetapi tercacat '*Female*', terpaksa dia minta saya membantu dia, walaupun dia tidak dapat mengundi, tetapi.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Batu Gajah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai bangun, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Dia ingin meminta saya untuk membetulkan rekod tersebut

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Batu Gajah, apa khabar?

Cik Fong Po Kuan: Biar saya habiskan barisan ini. Terpaksa saya menghubungi SPR, SPR kata....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini kali kedua, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Kami tidak boleh buat apa-apa ya, panggil dia balik baru kita boleh betulkan kesilapan, itu kesilapan daripada segi SPR.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Tadi Yang Berhormat sebut 'Roket', jadi bolehkah Yang Berhormat, saya kurang arif tetapi patutnya saya tanya kepada Pengerusi Yang Berhormat pun baru sampai, dan peluang Yang Berhormat bercakap. 'Roket' ini apakah macam Barisan Nasional kita guna 'Dacing' melambangkan keadilan, 'Roket' ini makna dia apa Yang Berhormat, tolong terang kepada saya sikit, saya pun tidak berapa faham. *[Ketawa]* Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat bagi Jerai sudah lama dalam politik. Saya haraplah jangan tanya soalan yang berupa cetek pemikiran atau pengalaman, tolonglah lawati laman web DAP www.dapmalaysia.org – di sana semua maklumat ada diberi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Bagi jalan.

Cik Fong Po Kuan: Jangan bazirkan masa saya, dia bukan untuk meminta penjelasan tetapi mengambil masa untuk membangkitkan perkara yang tiada kaitan dengan apa yang saya bangkitkan sekarang ini.

Perkara yang lain, saya mohon maaf, saya tidak beri laluan

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak beri?

Timbalan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak beri Yang Berhormat. Dia tidak beri.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan selepas ini adalah berkenaan dengan maklumat berkenaan saluran setiap pengundi yang sepatutnya mereka mengundi di mana. Maklumat saluran itu tidak ada di dalam laman web SPR. Hanya beberapa hari sebelum hari mengundi baru ada. Jadi, saya mohon lebih cekap, lebih efisien – SPR. Jangan timbulkan keadaan huru-hara atau *inconvenience*, kesulitan kepada pengundi.

Perkara yang lain yang saya ingin bangkitkan adalah berkenaan komputer pada hari mengundi di kawasan saya, kawasan di Kampung Baru, Bukit Merah, dipusing, komputer yang disediakan oleh SPR itu tidak berjalan. Saya terpaksa meminjam komputer dari pihak syarikat komputer untuk dipinjam kepada Pegawai SPR agar membolehkan pilihan raya tersebut, hari mengundi itu berjalan dengan lancar.

Jadi, mengapakah masalah ini boleh timbul? Sehingga ramai pengundi berkata, "*Haiya, saya tidak hendak mengundilah, ini hendak berbaris lama-lama. Komputer juga rosak.*" Kawasan Kampung Baru, Bukit Merah juga, di mana cara mereka memeriksa nama bagi pengundi juga saya rasa begitu membawa kesulitan kepada pengundi.

Saya beri contoh, Bukit Merah dibahagikan rekod pendaftaran pengundi kepada beberapa bahagian, bahagian Utara, Selatan, Timur, Barat. Lepas itu dia meminta pengundi memeriksa nama mereka dari satu meja ke meja yang lain. Dari Utara tidak jumpa nama, minta dia ke meja yang lain. Di Barat punya senarai tidak ada, minta ke Timur. Timur tidak ada, minta ke Selatan, ke Barat. Jadi, ini mengambil masa, saya tidak faham. Mengapa tidak cekap, sehingga begitu oleh SPR.

Perkara yang lain saya ingin bangkitkan

Tuan Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan: Minta maaf ya, saya tidak ada masa sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Ada perkara yang lain berkenaan masa mengira undi. Bagaimana boleh memanggil ejen-ejen, calon-calon keluar dari bilik mengundi. Sebab, dia kata sebab masa mengundi sudah tutup, kami hendak kemas, Pegawai SPR minta semua ejen-ejen keluar. Ini akan menimbulkan syak wasangka setiap calon terhadap Pegawai SPR atau banyak kes akan timbul di mahkamah. Saya tahu mereka perlu mengemas tetapi biarlah ejen-ejen calon berada dalam bilik mengundi. Mereka boleh menyaksikan bahawa peti undi itu tidak disentuh langsung selepas masa mengundi.

Perkara lain adalah berkenaan masa yang diambil untuk mengira undi. Tuan Pengerusi, ramai yang ingin tahu, sama ada Kawasan Batu Gajah ini dapat dikekalkan oleh DAP atau jatuh ke tangan Barisan Nasional. Mereka tunggu sampai 3.00 pagi, tidak nampak langsung di dalam TV, apakah keputusan. Kami semua calon dan juga pengundi berada di tempat mengira undi, di pusat tersebut, tunggu sampai pukul 3.00 pagi.

Kalau kita sudah ada teknologi yang moden, *computerize*, mengapa ini berlaku? Apakah kurang latihan kepada Pegawai SPR? Saya harap semua yang saya bangkitkan ini akan diberi perhatian. Tetapi yang paling penting saya harap perhatian, yang akan saya bangkitkan ialah sekarang, di mana DUN kawasan saya, Jelapang, salah satu DUN kawasan saya tersebut telah melalui satu proses pengiraan semula. Saya amat terkejut. Sebelum kami membantah kepada keputusan tersebut, kami mendapati peti-peti undi telah dibuka. Peti-peti telah dibuka sebelum bantahan oleh calon. Bukan sahaja DUN peti undi bagi kawasan DUN Jelapang, bagi kawasan Parlimen Batu Gajah juga telah dibuka.

Jadi, pada malam 21 hari bulan itu, peti sudah dibuka, pengiraan semula adalah esok pagi. Jadi, hendak tidur dalam pusat mengundi atau tidak?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Tetapi peti undi sudah dibuka, *seal* sudah dibuka. Ada peti undi diikat dengan tali, ada dilekat dengan *sticker* pelekat, ada dengan *seal*, ada tidak ada *seal*. Bagaimana ini boleh berlaku?

Tuan R. Karpal Singh: [*Bangun*]

Cik Fong Po Kuan: Ya.

Tuan R. Karpal Singh: Batu Gajah ada kesulitan, ha. Tetapi dia menang, menang di Batu Gajah - masuk ke dalam Dewan ini dengan harapan ini adalah tempat di mana ada Ahli-ahli Yang Berhormat daripada kawasan-kawasan lain yang ada *conscience*. Itu harapan Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Tetapi apa yang jadi dan saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat bagi Batu Gajah, dalam Parlimen ini, termasuk apa tindak-tanduk Tuan Pengerusi sendiri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan. Salah guna kuasa, membuat satu keputusan

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, itu tidak ada kena mengena dengan

Tuan R. Karpal Singh: Ini saya mahu dapat tahu daripada dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu tidak ada kena mengena dengan

Tuan R. Karpal Singh: Ada, ada kena-mengena.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada kena mengena.

Tuan R. Karpal Singh: Jangan takut, Tuan Pengerusi, jangan takut.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tidak takut.

Tuan R. Karpal Singh: Awak takut.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak takut.

Tuan R. Karpal Singh: Takut! Kerana saya mahu bongkar apa yang

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini bukan forumnya, bukan.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan forum, itu betul, tetapi saya mahu dapat tahu pendirian daripada Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Dia datang di sini dengan harapan besar, tetapi dapat seorang seperti Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

[Muzik daripada handphone salah seorang Ahli Yang Berhormat berkumandang]

Tuan R. Karpal Singh:dan menyalahgunakan kuasa, tidak ada *conscience*. Adakah bersetuju dengan saya? Harapan itu sudah dieksploit oleh apa yang telah terjadi di sini kelmarin.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, saya adalah mangsa ekoran daripada majoriti penguasaan Barisan Nasional dalam Dewan. *[Tepuk]* Kerana perasaan tidak puas hati Speaker dan Barisan Nasional terhadap saya dan ini Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor menerima akibatnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

Cik Fong Po Kuan: Kalau tanya saya, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor, saya begitu kesal dan begitu kesal sekali melihat keseluruhan sistem negara kita di institusi demokrasi ini. Jadi, saya haraplah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru kita, biarlah kita hidupkan semula institusi ini, biar kita pulihkan demokrasi ini. Jadi, terima kasih kepada Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup!

Cik Fong Po Kuan: ...saya haraplah tidak berlaku titik hitam sedemikian lagi kepada mana-mana Ahli, biarlah semua Ahli Barisan Nasional *search your conscience*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Carilah dalam hati nurani masing-masing agar kita apabila meninggal, yang beragama Islam,

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, masa Yang Berhormat sudah habis.

Cik Fong Po Kuan:biar kita diadili oleh Tuhan masa kita di akhirat nanti.
[Tepuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya benarkan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, lepas itu Setiausaha Parlimen menjawab.

Beberapa Ahli: Ada lagi

[Dewan gamat seketika]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tidak beri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Buat apa takut.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada lagi lima tahun menjadi Ahli Parlimen. *[Disampuk]* Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, sila teruskan.

5.08 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan R. Karpal Singh: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tidak takut.

[Dewan gamat seketika]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk, sila duduk. Yang Berhormat bagi Rantau Panjang

Tuan R. Karpal Singh: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya sudah*[Disampuk]* Yang Berhormat, sila duduk, sila duduk.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk, sila duduk. Teruskan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Tuan R. Karpal Singh: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada.

Tuan R. Karpal Singh: *Ada conscience.*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap menyentuh tentang B. 04 – Suruhanjaya Pilihanraya, di mana saya juga merasa kesal terhadap pentadbiran ataupun urusan pilihan raya baru-baru ini kerana berlaku beberapa perkara yang sangat-sangat memalukan kepada kita semua.

Di antara contohnya ialah yang berlaku dalam Pasukan Pemantau di kawasan saya yang sebelum ini disebutkan di dalam buku panduan, Pasukan Pemantau ini, dibekalkan dengan satu kamera dan satu *tape recorder* untuk digunakan oleh pasukan tersebut, tetapi sayangnya sepanjang pilihan raya baru ini di dapati pasukan pemantau di kawasan saya tidak mempunyai satu kamera pun di atas kenderaan tersebut dan juga tidak mempunyai *tape recorder* untuk merekodkan kata-kata ataupun ceramah-ceramah daripada Barisan Nasional yang memfitnahkan calon-calon PAS sewaktu pilihan raya tersebut.

Demikian juga tidak ada kamera disediakan sehingga sewaktu kempen pilihan raya tersebut banyak perkara-perkara yang dilakukan oleh pihak Barisan Nasional, khususnya daripada jentera pilihan rayanya tidak dapat diambil gambar sebagai barang bukti untuk dibawa ataupun diajukan kepada pihak yang berkenaan bagi memastikan perjalanan pilihan raya tersebut berjalan dengan lancar.

Saya cukup kesal perkara ini, kenapa berlaku demikian? Apakah pihak Suruhanjaya Pilihanraya tidak mempunyai peruntukan untuk membeli ataupun menyewa kamera ataupun *tape recorder* untuk diberikan kepada Pasukan Pemantau, khususnya apa yang saya sebutkan di kawasan saya sendiri.

Kemudian berlaku perkara yang tidak puas hati ialah sewaktu pengundi-pengundi sedang berbaris untuk membuang undi di sebuah sekolah di kawasan saya didapati ramai pengundi berbaris di tengah panas di kawasan matahari sedang terbit. Saya memohon kepada pegawai pilihan raya supaya diberi peluang kepada pengundi-pengundi ini berbaris di beranda sekolah tersebut, kerana pada waktu itu beranda sekolah berada di tempat yang teduh, tetapi pihak pegawai pilihan raya yang menjaga tempat tersebut masih berkeras tidak membenarkan barisan ini dianjak menyebabkan pengundi-pengundi berada di tengah-tengah panas sambil membawa anak dan sebagainya.

Saya cuba membeli payung untuk diberikan kepada mereka ini juga ditegah kononnya payung itu menjadi satu rasuah kerana memberi payung kepada pengundi-pengundi untuk menahan daripada kepanasan. Tetapi Barisan Nasional sendiri memberi payung yang bertanda dacing, dibenarkan kepada mereka itu menggunakannya untuk melindungi daripada panas. Ini satu keadaan yang cukup memalukan.

Kemudian saya memberikan pula baju yang bertanda "Ambo hendak undi yang betah lagi" yang tidak mempunyai satu lambang pun, juga tidak dibenarkan masuk ke kawasan pilihan raya. Ini satu perkara yang cukup memalukan, sedangkan arahnya ialah mana-mana lambang yang lebih daripada ukuran yang dibenarkan tidak dibenarkan dibawa masuk ke tempat mengundi.

Tuan Razali bin Ibrahim: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Muar bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: **Ya? Ya, silakan.**

Tuan Razali bin Ibrahim: Saya sudah dua kali minta laluan, terima kasih banyak. Sebab tadi disebut tentang kekesalan semasa pilihan raya yang dikendalikan oleh SPR. Saya hendak berkongsi kekesalan saya juga, hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Semasa pilihan raya, semua poster parti PAS ini tidak ada diterbitkan oleh mana-mana pengeluar, yang mana pada saya merupakan satu kesalahan semasa pilihan raya kerana salah satu syarat ialah barang-barang terbitan kena dicetak dan dikeluarkan oleh mana-mana pihak. Atas dasar pilihan raya, kita di Barisan Nasional dipanggil untuk memberi kelonggaran kebenaran agar poster-poster ini tidak perlu diturunkan.

Jadi, di atas kekesalan saya itu tadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Atas dasar kemanusiaan, kita benarkan, tidak ada masalah walaupun secara peraturannya perkara itu perlu diturunkan serta-merta sebenarnya. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Bagi saya, tidak kira sama ada perkara itu daripada PAS ataupun daripada UMNO, tetapi yang salah tetap salah. Itu menunjukkan kelemahan Suruhanjaya Pilihan Raya. Kalau didapati perkara itu tidak dituliskan atau dikeluarkan oleh Badan Perhubungan PAS Kelantan atau Terengganu, maka itu dianggap perkara yang dikeluarkan secara tidak bertanggungjawab dan boleh diturunkan serta-merta.

Tuan Razali bin Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Apabila Suruhanjaya Pilihan Raya tidak melaksanakan tugasnya, inilah yang saya sebutkan kelemahan Suruhanjaya Pilihan Raya itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Muar bangun pula.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Dia tidak mempunyai... Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Muar, Muar.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Wah, dua kali. Sekejap, saya hendak teruskan ini. Saya sebutkan tadi ialah...

Tuan Razali bin Ibrahim: *[Masih berdiri]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sekejap, sekejap. Saya sebutkan tadi ialah bagaimana pegawai pilihan raya yang dilantik oleh Suruhanjaya Pilihan Raya tidak mempunyai, kalau bahasa Kelantannya kata, tidak mempunyai “peruk peda”. “Peruk peda” ini maknanya degil. Pengundi dok di tengah panas, tempat yang teduh ada, tetapi dikekalkan tempat pengundi itu di tempat yang panas, berbaris sampai berjam-jam.

Sebab itulah ada kalanya pengundi-pengundi yang tidak tahan sabar dan yang tidak bertanggungjawab kepada pilihan raya ini, maka mereka balik dan tidak datang kembali. Tetapi pengundi-pengundi merasai perkara ini penting, khususnya untuk mempertahankan PAS di Kelantan, mereka tunggu walaupun panas. Itu dia, tunggu juga. Saya hendak beritahu ini ialah Suruhanjaya Pilihan Raya melantik pegawai ini kena pilih sedikit, jangan pilih pro UMNO, khususnya guru besar-guru besar yang telah dikenal pasti pro UMNO. Dia tidak lantik sebahagian besarnya pegawai-pegawai kerajaan seperti dahulu.

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Tuan Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua orang yang bangun, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dan Kubang Kerian.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Bagi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, dia dekat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ha, dia bagi kawan.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Untuk kita berlaku adil, Tuan Pengerusi, saya setuju kalau kesalahan itu sama ada berpihak kepada BN ataupun kepada PAS, pada saya keadilan itu mesti ditegakkan. Sebab itu kita mahu SPR menjadi sebuah badan yang betul-betul berwibawa dan dapat menjamin tentang perjalanan-perjalanan demokrasi dalam negara kita.

Saya ambil contoh, Tuan Pengerusi, dua hari lepas keputusan mahkamah petisyen di kawasan Parlimen Gombak yang menyaksikan bahawa mahkamah petisyen memperakui bahawa terdapatnya kesalahan. Walaupun keputusan mahkamah itu mengatakan bahawa kesalahan itu tidak menjejaskan kemenangan, kemenangan berpihak kepada calon BN, tetapi ada empat perkara yang dinyatakan oleh mahkamah.

Yang pertama sekali, memang terdapat pertindihan nama pengundi dalam daftar pemilih;

Yang kedua, menghalang orang yang layak mengundi tidak dapat mengundi pada hari tersebut;

Yang ketiga, masa yang lebih iaitu terlebih daripada 5.30 petang dan digazetkan telah berlaku, dan

Yang keempat, memang terdapat nama warganegara asing yang terdapat dalam daftar pemilih.

Jadi, kita minta, Tuan Pengerusi, supaya SPR ini benar-benar bersih dan berwibawa untuk menjamin demokrasi ini terus tegak dalam tanah air kita. Yang menang PAS ataupun BN, itu terpulang.

Pasir Puteh sebagai contoh. Ini kesilapan yang memalukan. Ini contoh, Tuan Pengerusi, supaya ini tidak berlaku. Yang menang BN atau PAS itu, saya rasa itu kita boleh terima sebagai seorang warganegara Malaysia yang kita menyanjung tinggi semangat demokrasi yang ada dalam tanah air kita. Minta pandangan sahabat saya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, ya, terima kasih. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian berkenaan dengan apa yang berlaku di mahkamah terhadap Parlimen Gombak, kita tidak boleh menyalahkan Ahli Parlimen Gombak. Saya tidak menyalahkan dia sebab dia hanya sebagai calon, tetapi pegawai pilihan raya yang dilantik oleh Suruhanjaya Pilihan raya itu yang terang-terang telah melanggar peraturan dan undang-undang, dan mahkamah sendiri pun telah mengatakan ada kes munasabah yang dibuktikan oleh pihak PAS dalam mahkamah tersebut, dan saya harap pihak Suruhanjaya Pilihan Raya mengambil tindakan tatatertib kepada orang-orang seperti ini supaya pada masa hadapan ini, ia tidak akan berulang lagi.

Kalau Suruhanjaya Pilihan Raya memang mendiamkan diri dan anggap itu sebagai satu kesalahan teknikal sahaja yang boleh dimaafkan begitu sahaja, maka perkara ini akan berulang. Pilihan raya tahun hadapan atau empat tahun akan datang, lantik lagi orang seperti ini, maka kita akan jadi masalah. Apatah lagi seperti Pasir Puteh yang saya sebutkan tadi bagaimana nasib wakil rakyat yang pernah menghadiri Parlimen ini, angkat sumpah, datang ke Parlimen ini, tiba-tiba gajinya belum...

Tuan Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sekejap, sekejap. Tiba-tiba gajinya masih tidak tahu ke mana.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau tidak bagi, gulung, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Masih lagi tidak dapat gaji. Mungkin juga Ahli Parlimen Pasir Puteh yang ada sekarang ini pun tidak dapat gaji, tetapi yang dahulu iaitu dia hadir selama tiga bulan lepas, tidak dapat apa-apa. Jadi, ini satu perkara yang cukup-cukup menyedihkan. Saya harap pihak Menteri memberi jawapan sedikit bagaimana cara hendak mengatasi supaya tidak teraniaya Ahli Parlimen yang dahulu dan juga tidak teraniaya kepada Ahli Parlimen yang sekarang ini. Saya cadangkan supaya Ahli Parlimen sekarang diberi tunggakan....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:dan supaya Ahli Parlimen yang dahulu diberi juga gaji tiga bulan ketika dia menjadi Ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah, Setiausaha Parlimen sila jawab.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah, saya sudah bagi....

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk]*

5.18 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Pengerusi, pertamanya saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Peraturan 67.

Cik Fong Po Kuan: Peraturan!

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Hock Seng: Peraturan 67. Bukankah kita sudah satu hari mendahului dua hari yang ditetapkan sebab Anggaran ini telah dibentangkan semalam.

Jadi, saya berharaplah semua Ahli ada peluang untuk berucap. Bukan untuk saya seorang sahaja sebab sebelah sana semua....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada peluang untuk berucap.

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita bagi peluang.

Tuan Lim Hock Seng: Okey, di mana saya akan berucap pasal SPR?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Banyak lagi, banyak lagi.

Tuan Lim Hock Seng: SPR, saya mahu ucap pasal SPR, di mana peluang saya masih ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah Yang Berhormat, hari Selasa...

Cik Fong Po Kuan: Ini bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: ...boleh bercakap, hari Rabu.

Tuan Lim Hock Seng: Selasa nanti, dia akan hadkan kepada 10 minit seorang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak.

Cik Fong Po Kuan: Tanggungjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cakap awallah, Yang Berhormat. Okey, Yang Berhormat Menteri sila jawab.

Cik Fong Po Kuan: Ini tanggungjawab.

Tuan Lim Hock Seng: Ini tidak adillah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya bagi nanti.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak apalah, bajet esok cakaplah.

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bajet, bajet. Bajet nanti cakaplah. Bajet nanti *you* boleh cakap pasal SPR lagi.

Cik Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Benda yang sama, benda yang sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, sila.

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bagan, sila duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya pertamanya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada tiga Ahli Dewan Rakyat yang telah mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan juga Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Pertamanya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, ini berkenaan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam, di mana kita telah pun mengambil satu tindakan untuk membantu 40 pelajar cemerlang di mana diberikan pinjaman biasiswa untuk mereka melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Ini kali pertama sebenarnya Yang Berhormat saya dengar bahawa ada sungutan daripada para pelajar berkenaan dengan ketidakpuasan hati mereka terhadap kemudahan yang disediakan di kolej berkenaan. Saya harap Yang Berhormat boleh memaklumkan kepada saya dan kita akan memulihkan keadaan di mana kalau perlu untuk kita menukar mereka ke sekolah yang lain, kita akan bertindak untuk buat demikian kerana saya percaya tidak kiralah Melayu, Cina atau Indiakah, ini pelajar cemerlang ini. Itu merupakan aset kita di masa hadapan.

Jadi, kadangkala boleh tergendala pelajaran mereka itu kalau sekiranya mereka dihantarkan kepada tempat yang tidak sesuai dan tidak mempunyai kemudahan yang memuaskan. Jadi, saya harap Yang Berhormat akan memaklumkan kepada saya butiran dan maklumat yang terperinci supaya tindakan segera boleh diambil.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang begitu prihatin tentang masalah ini. Sebenarnya sepuluh hari yang lalu perkara ini telah dibawa ke Bahagian Latihan JPA dan mesyuarat telah diadakan dengan pelajar-pelajar termasuk juga wakil daripada ibu bapa pelbagai kaum dan perkara ini juga telah dimajukan kepada Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat dari Kubang Pasu.

Saya berharap perkara ini dapat dipertimbangkan dan diambil tindakan segera kerana pelajar-pelajar sekarang menunggu keputusan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri dan mereka juga sempat membuat pita rakaman apa yang pensyarah

mereka sampaikan dengan menggunakan bahasa yang tidak betul termasuklah tidak fasih dalam bahasa Inggeris untuk mengajar mereka A Level. Minta pihak Jabatan Perdana Menteri meneliti perkara ini. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ini kali pertama saya dengarlah ya. Mungkin tadi Yang Berhormat sebut telah berhubung dengan Kubang Pasu tapi saya akan berjumpa dengan pegawai saya di luar nanti selepas ini dan saya akan suruh mereka ambil tindakan dan juga saya sendiri mahu mengetahui tentang tindakan yang terkini yang dilakukan.

Berkenaan pula dengan Yang Berhormat daripada Batu Gajah dan juga Rantau Panjang yang kedua-duanya telah membangkitkan masalah SPR ini dan saya ingin menyatakan di sini iaitu bahawa ya, memang tidak boleh dinafikan iaitu bahawa kali ini pilihan raya yang diadakan adalah satu pilihan raya yang banyak sekali masalah yang dihadapi.

Itu bukan satu perkara yang saya hendak pertahankan. Kita telah pun maklumkan kepada pihak Suruhanjaya dan pihak Suruhanjaya Pilihan Raya pun tahu tentang aduan yang dibuat bukan sahaja daripada pihak pembangkang tapi juga daripada pihak Kerajaan Barisan Nasional, Ahli-ahli Parlimen kedua-dua pihak. Kedua-duanya tidak puas hati dengan prestasi yang berlaku. Saya tidak mahu mempertahankan SPR cuma sekadar untuk menyatakan bahawa sudah tentulah masalah itu wujud memandangkan pilihan raya ini diadakan lima tahun sekali dan kita tidak mempunyai kakitangan yang tetap dalam Suruhanjaya Pilihan Raya ini.

Setiap kali kita mengadakan pilihan raya setiap kalilah terpaksa kita mengambil secara sementara pegawai-pegawai dan kakitangan yang diperlukan. Oleh kerana disabitkan iaitu bahawa dalam pilihan raya ini kita tidak tahu bila pilihan raya akan diadakan melainkan kalau dia genap lima tahun. Tetapi kalau diadakan empat tahun berlalu dan kalau sekiranya dipanggil, tidak siapa yang tahu bila akan dipanggil kerana dalam pilihan raya ini *element of surprise* itu adalah juga penting sebab itu kalau kita boleh tahu pilihan raya dah hendak ada, kita boleh tahu daripada maknanya kita mengambil orang. Orang dah tahu apabila Suruhanjaya Pilihan Raya memanggil orang untuk dijadikan sebagai kakitangan SPR maka orang tahu pilihan raya akan ada.

Jadi ini tidak boleh, daripada segi *element of surprise* tidak boleh. Jadi sebab itu mereka tidak tahu juga bila pilihan raya akan diadakan. Jadi sebab itu kadangkala sudah tentulah hari ini umum maka dalam Jemaah Menteri diumumkan bahawa kita

akan bubar Parlimen pada hari itulah baru SPR tahu bahawa akan diadakan pilihan raya. Maka dalam jangka masa itulah juga mereka terpaksa memanggil puluhan ribu orang daripada guru-gurunya, pegawai-pegawainya untuk dijadikan sebagai kakitangan Suruhanjaya Pilihan Raya. Oleh kerana itu tidak sempat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bentong bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya akan bagi. Tidak sempat sebenarnya untuk memberikan latihan yang boleh mencekapkan mereka dalam masa yang begitu singkat untuk membuat perkara-perkara yang dilakukan lima tahun sekali. Jadi ini saya akui bahawa dari segi soal manusia we face problem tapi kita tidak akan kata iaitu bahawa *this is a problem so we are not going to do anything* - no, saya tidak setuju.

Saya setuju bahawa apa juga kesilapan yang telah dibuat ianya mesti diperbetulkan dan saya mengambil kira semua apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan juga Rantau Panjang. Kita akan melihat perkara ini dan kita mahu supaya di masa akan datang ianya tidak akan berulang lagi. Bentong.

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bentong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bentong, sila Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana telah menjelaskan bahawa setiap penggal kita mengadakan pilihan raya memang kita perlu ramai pekerja-pekerja sementara. Memandangkan masalah ini selalunya berlaku dan kita tahu bahawa kita perlu mengadakan pilihan raya setiap lima tahun dan saya rasa SPR perlu mempunyai kecekapannya untuk memberi latihan yang secukupnya kepada semua kakitangan sementara yang menjalankan pilihan raya ini.

Oleh itu adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memastikan bahawa SPR sendiri mempunyai kakitangan yang cukup iaitu kakitangan tetap agar mereka boleh memberi latihan berjadual. Tidak payahlah sampai lima tahun baru kita hendak beri latihan kepada kakitangan sementara. Bolehkah kita mengadakan latihan yang berjadual setiap tahun kepada semua kakitangan kerajaan yang terbabit, kita tahu

bahawa guru ataupun DO ataupun kakitangan pejabat-pejabat daerah selalunya dipanggil untuk menjadi pegawai sementara SPR.

Adakah rancangan lebih terperinci, bolehkah Yang Berhormat Menteri jelaskan sedikit berhubung dengan latihan ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya rasa itu cadangan yang baik. Sebab kita hendak pastikan *no excuse*, dalam pilihan raya akan datang kita kena perbetulkan dan kalau masalahnya ialah benda ini berlaku empat ke lima tahun sekali, macam Yang Berhormat cadangkan kita sudah tahu siapa yang kita hendak lantik, pegawai daerah. Walaupun dia *transfer* tapi kalau dia *transfer* pun dia pergi ke daerah lain dia boleh jadi *Returning Officer* di sana pula.

Jadi saya rasa itu satu cadangan yang baik dan saya rasa kalau sejumlah wang perlu dikeluarkan untuk memastikan supaya latihan berkali, mungkin setahun sekalikah, enam bulan sekali, saya rasa itu perlu. Kalau perkara ini dibawa ke dalam Parlimen untuk peruntukan lebih, saya harap supaya semua Yang Berhormat setuju supaya kita luluskan. Bagan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Tadi saya mengucapkan terima kasih kerana Menteri sudi mengakui bahawa ada kelemahan dan tidak akan membela SPR kerana kelalaian mereka itu. Tetapi bukankah Pengerusi SPR sudah membuat pengumuman sebelum pilihan raya, bulan-bulan sebelum Pilihan Raya Umum bahawa SPR sudah sedia untuk menghadapi pilihan raya.

Mengenai kesilapan-kesilapan yang telah dibangkitkan oleh Batu Gajah dan Rantau Panjang, apakah langkah-langkah Yang Berhormat akan ambil supaya membetulkan keadaan. Misalannya seorang yang bernama Lee Beng Tiong I/C nombornya 690925-07-5305, apabila *check* di komputer dia keluar nama Ishak bin Yusof. Jadi Encik Lee Beng Tiong ini sudah dinafikan untuk mengundi sebab I/C nombor ini kepunyaan beliau tetapi bila semak di komputer itu keluar seorang Ishak bin Yusof, dengan I/C nombor yang sama.

Jadi Lee Beng Tiong telah dinafikan untuk mengundi dan juga lain-lain butiran yang ada di tangan saya itu serupa demikian. Jadi adilkah supaya meminta Lee Beng Tiong ini untuk mendaftar sekali lagi? Kalau dia sudi mendaftar sekali lagi, itu baiklah sebab supaya namanya boleh dikekal balik. Tetapi kalau dia lalai, kalau dia tidak sudi

untuk mendaftar sekali lagi maka dia akan hilang peluang untuk mengundi selamamanya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri.....

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya kira itu *very detail*, apa-apa juga masalah saya ingat selepas ini kita hendak perbetulkan. So, apa juga masalah yang telah berlaku sila maklumkan kepada SPR.

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nanti sekejap, Yang Berhormat. Jadi,.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak habiskan sekarangkah atau hendak sambung besok?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya? Oh, besok, okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah 5.30 petang. Dewan bersidang semula sebagai sidang mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi besok. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.